

**ANALISIS PRINSIP PEMBELAAN HAK KUMPULAN
MINORITI DI BAWAH PENDEKATAN
ISLAM HADHARI DI MALAYSIA**

AIN FARHANA BINTI KAMARI

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2019

**ANALISIS PRINSIP PEMBELAAN HAK KUMPULAN
MINORITI DI BAWAH PENDEKATAN
ISLAM HADHARI DI MALAYSIA**

AIN FARHANA BINTI KAMARI

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI
SARJANA SYARIAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: AIN FARHANA BINTI KAMARI

No. Pendaftaran/Matrik: IGA150048

Nama Ijazah: SARJANA SYARIAH

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

ANALISIS PRINSIP PEMBELAAN HAK KUMPULAN MINORITI DI BAWAH PENDEKATAN ISLAM HADHARI
DI MALAYSIA

Bidang Penyelidikan: SAINS KEMASYARAKATAN

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabunya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh *10.01.2019*

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh *10.01.2019*

Nama:
Jawatan:

ANALISIS PRINSIP PEMBELAAN HAK KUMPULAN MINORITI DI BAWAH PENDEKATAN ISLAM HADHARI DI MALAYSIA

ABSTRAK

Kajian ini menjelaskan tentang pembelaan hak yang diberikan kepada kumpulan minoriti dengan memfokuskan kepada pendekatan Islam Hadhari. Sehubungan dengan itu, tujuan utama kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengkaji corak pentadbiran Tun Abdullah. Ini kerana, beliau telah mengendalikan urusan minoriti berasaskan kepada pendekatan Islam Hadhari dengan menggunakan Islam sebagai instrumen asas. Kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif dan data-data yang diambil adalah berasaskan kepada metode temubual dan kajian perpustakaan. Oleh itu, kajian perpustakaan menumpukan kepada bahan-bahan bercetak yang sumber utamanya adalah ucapan Tun Abdullah dan institusi yang menguruskan Islam Hadhari serta penulisan-penulisan lain yang menyokong tema kajian. Metode temubual pula digunakan dengan menemubual individu yang mengetuai Institusi Islam Hadhari. Data-data yang diperoleh kemudiannya dianalisis dengan menggunakan analisis diskriptif tematik berasaskan kepada tema-tema yang telah ditentukan. Kajian ini mendapati bahawa pendekatan Islam Hadhari yang dilaksanakan oleh Tun Abdullah adalah terbuka kepada bukan Islam. Ini kerana, beliau telah membuat pemerkasaan terhadap dua institusi untuk menjaga orang bukan Islam. Institusi tersebut ialah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Jawatankuasa Khas di bawah Jabatan Perdana Menteri. Pendekatan yang lunak dan terbuka ini telah menyebabkan orang bukan Islam meluahkan rasa dengan lebih bebas sehingga isu-isu yang terpendam semasa pentadbiran dahulu telah terbuka.

Kata Kunci: Hak minoriti, Islam Hadhari, Pentadbiran Tun Abdullah

ANALYSIS OF PRINCIPLES OF MINORITY GROUP PROTECTION UNDER THE ISLAM HADHARI APPROACH IN MALAYSIA

ABSTRACT

This study explains the rights reserved to the minority group by focusing on the Islam Hadhari approach. The main purpose of this study is to investigate the era of Tun Abdullah's administration. This is because, he has handled minority issues based on Islam Hadhari approach which focus Islam as the foundation. This is a qualitative study and the data were obtained through interview method and library studies. Thus, library studies is focusing on printed materials which mainly to Tun Abdullah's speech as the main source beside the institutions that manage Islam Hadhari and other writings that support the theme of the study. While interview method is used by interviewing individuals who lead the Islam Hadhari institution. The data obtained had been analyzed using descriptive thematic analysis based on the predefined themes. This study found that Islam Hadhari approach by Tun Abdullah was open to non-muslim. This is because he has empowered two institutions to handle non-muslim issues. The institutions are the National Unity and Integration Department (JPNIN) and the Special Committee under the Prime Minister's Department. Through this open approach has led non-muslim to freely express their problems until the hidden issues during the previous administration were exposed.

Keywords: Minority's right, Islam Hadhari, Tun Abdullah's administration

PENGHARGAAN

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, setelah hampir tiga tahun saya membuat disertasi ini dan akhirnya saya dapat menyiapkan dengan sebaiknya. Bersyukur yang tidak terhingga kepada Allah yang sentiasa memudahkan saya bagi menyiapkan disertasi ini. Berkat doa, usaha dan tawakkal kepada Allah dapat saya terus bertahan untuk melaksanakan tugas ini.

Disertasi ini tidak akan berjaya dilaksanakan sekiranya tidak mendapat pertolongan dan bantuan daripada dua orang penyelia saya iaitu Dr Mohamad Zaidi Abdul Rahman dan Dr Raja Hisyamudin Raja Sulong. Mereka yang banyak membantu saya dalam memberikan idea dan komentar demi mendapat sebuah disertasi yang terbaik. Selain itu, tidak lupa juga kepada pensyarah di Jabatan Siasah Syar’iyyah yang sentiasa memberi galakan untuk saya terus menyiapkan disertasi ini.

Seterusnya, orang yang paling banyak membantu saya adalah ibu tercinta iaitu Einon Binti Marjunid yang sering mengirimkan doa dan memberikan kata-kata perangsang untuk saya menyiapkan kajian ini. Selain itu, tidak lupa juga abang-abang dan kakak-kakak saya yang tidak jemu memberi keperluan sepanjang saya belajar. Jasa mereka semua akan saya kenang sampai bila-bila.

Kemudiannya, tidak lupa kepada rakan-rakan yang terus menjadi pemangkin semangat untuk saya menyiapkan kajian ini iaitu dayah AY, atiq muneef dan kak asma. Mereka merupakan rakan sekelas dan sahabat sepanjang menyiapkan disertasi ini.

Tanpa kehadiran mereka semua yang saya dinyatakan di atas tidaklah saya dapat menyiapkan kajian di peringkat Sarjana. Nasihat saya kepada rakan yang sedang dan akan meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi “Capailah apa hendak dikehjarnya kerana pasti ada kemanisan di akhirnya nanti”.

Sekian.

ISU KANDUNGAN

Abstrak	iv
Abstract	v
Penghargaan	vi
Isu Kandungan.....	vii
Senarai Jadual	xii
Senarai Kependekan.....	xii

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Masalah Kajian	1
1.3 Persoalan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian.....	6
1.5 Kepentingan Kajian.....	7
1.6 Skop Kajian	7
1.7 Ulasan Kajian Lepas.....	8
1.8 Metodologi Kajian	14
1.8.1 Metode Pengumpulan Data.....	15
1.8.2 Metode Analisis Data	17
1.9 Sistematika Penulisan.....	18

BAB 2: ISLAM DALAM KERANGKA PENTADBIRAN AWAM DI MALAYSIA

2.1	Pengenalan.....	20
2.2	Islam dalam Perlembagaan	21
2.3	Islam dalam Pentadbiran Perdana Menteri sebelum Tun Abdullah.....	24
2.3.1	Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj (1957-1970).....	25
2.3.2	Tun Abdul Razak Hussein (1970-1976)	30
2.3.3	Tun Hussein Onn (1976-1981).....	36
2.3.4	Tun Dr. Mahathir Mohamad (1981-2003).....	40
2.4	Pendekatan Islam Hadhari dalam Pentadbiran Tun Abdullah Ahmad Badawi (2003-2009)	44
2.4.1	Latar Belakang Islam Hadhari.....	45
2.4.2	Istilah Islam Hadhari	48
2.4.3	Visi, Misi dan Objektif Islam Hadhari	52
2.4.4	Prinsip Islam Hadhari	55
2.5	Kesimpulan	59

BAB 3: ANALISIS PRINSIP KETUJUH ISLAM HADHARI: PEMBELAAN HAK KUMPULAN MINORITI

3.1	Pengenalan.....	61
3.2	Konsep Minoriti	61
3.2.1	Konsep Minoriti Secara Umum.....	62
3.2.2	Istilah Minoriti dalam Islam Hadhari	63
3.2.3	Gagasan Tun Abdullah berkaitan Minoriti	65
3.3	Bukan Islam dalam Konteks Malaysia	73

3.4	Jaminan kepada Bukan Islam di Malaysia	77
3.4.1	Sebelum Kemerdekaan	79
3.4.2	Selepas Kemerdekaan	81
3.5	Pendekatan Tun Abdullah dalam Mengurus Masyarakat Bukan Islam melalui Pemerkasaan Institusi.....	82
3.5.1	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional di bawah Jabatan Perdana Menteri	83
3.5.2	Jawatankuasa Khas di bawah Jabatan Perdana Menteri	85
3.6	Kesimpulan	86

BAB 4: MASALAH DAN ISU BUKAN ISLAM SEMASA PELAKSANAAN ISLAM HADHARI

4.1	Pengenalan.....	88
4.2	Masalah Bukan Islam dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia	89
4.3	Isu Terpilih Bukan Islam semasa Pelaksanaan Islam Hadhari	92
4.3.1	Isu Rumah Ibadat Bukan Islam	93
4.3.2	Isu Penggunaan Kalimah Allah oleh Bukan Islam.....	97
4.3.3	Isu Perebutan Mayat Bukan Islam	99
4.3.4	Isu Penjagaan Anak Bukan Islam.....	101
4.3.5	Isu Pemindaan Perlembagaan oleh Menteri-Menteri Bukan Islam.....	103
4.4	Kesimpulan	106

BAB 5: PENUTUP

5.2	Pengenalan.....	107
5.2	Dapatan Kajian.....	107
5.3	Cadangan Kajian	112
5.2	Penutup.....	114
	BIBLIOGRAFI	115
	LAMPIRAN	136

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1 Analisis ayat al-Quran berdasarkan kepada lima ucapan Tun Abdullah.....	66
Jadual 3.2 Populasi Penduduk Mengikut Agama dan Kumpulan Etnik, 2000.....	74

SENARAI KEPENDEKAN

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
ASEAN	Association of Southeast Asian Nations
ASN	Skim Amanah Saham Nasional
BAHEIS	Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri
BN	Barisan Nasional
BPR	Badan Pencegahan Rasuah
DWN	Dasar Wasatiyyah Negara
FELDA	Federal Land Development Authority
HINDRAF	Hindu Rights Action Force
IIM	Institut Integriti Malaysia
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
ILIM	Institut Latihan Islam Malaysia
INDAH	Institut Dakwah dan Latihan Islam
INTAN	Insitut Tadbiran Awam Negara
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAWI	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
JKSM	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
JPNIN	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
JPM	Jabatan Perdana Menteri
KLCC	Kuala Lumpur City Centre
KLIA	Kuala Lumpur International Airport
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia

MAGERAN	Majlis Gerakan Negara
MAIS	Majlis Agama Islam Selangor
MAMPU	Modernisation and Man Power Planning Unit
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MARDI	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian
MCCBHS	Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism dan Sikhism
MIDA	Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia
MKI	Pertubuhan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam
MPI	Maktab Perguruan Islam
MSC	Multimedia Super Corridor
NAM	Non-Aligned Movement
NGO	Non -Governmental Organisations
OIC	Organization of Islamic Cooperation
OKU	Orang Kurang Upaya
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PEMADAM	Persatuan Mencegah Dadah Malaysia
PERKIM	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia
PERNAS	Perbadanan Nasional
PIN	Pelan Integriti Nasional
PMR	Portal Pusat Maklumat Rakyat
PPI	Pusat Penyelidikan Islam
PRU	Pilihan Raya Umum
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SPKI	Sistem Pengurusan Kualiti Islam

SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UN Women	United Nation for Gender Equality and the Empowerment of Women
YADIM	Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam bab pertama, bahagian ini akan menjelaskan secara terperinci tentang kajian yang akan dilaksanakan. Oleh itu, perkara ini akan diulas dalam latar belakang masalah kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, ulasan kajian lepas dan metodologi kajian yang meliputi metode pengumpulan data dan metode analisis data. Akhirnya, bahagian ini juga akan menerangkan tentang sistematika penulisan yang akan dihuraikan dari bab pertama sehingga bab kelima.

1.2 Latar Belakang Masalah Kajian

Pada tahun 2004, satu pendekatan yang mempunyai pengaruh Islam kepada negara telah diperkenalkan oleh Tun Abdullah yang merupakan Perdana Menteri Malaysia pada waktu tersebut. Pendekatan ini dinamakan sebagai Islam Hadhari yang telah mula diperkenalkan semasa majlis Pelancaran dan Perasmian Islam Hadhari Pengurusan Negara Islam. Tujuan utama pelaksanaan Islam Hadhari adalah untuk menunjukkan bahawa Islam adalah berdasarkan kepada pembinaan peradaban. Oleh sebab itu, pelaksanaan ini memerlukan kepada asas yang kukuh supaya dapat memastikan peradaban yang dibina akan terus kekal dalam diri setiap masyarakat di Malaysia.¹

Pendekatan Islam Hadhari merupakan kesinambungan daripada Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam yang telah dilaksanakan oleh Tun Dr. Mahathir yang merupakan Perdana Menteri Malaysia yang keempat. Pada awal pelaksanaan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam,

¹ Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi "Pelancaran Dan Perasmian Islam Hadhari Pengurusan Negara Islam," *laman sesawang Koleksi Arkib Ucapan Ketua Eksekutif*(dicapai 21 April 2017), <http://www.pmo.gov.my/ucapan/index.php?qt=islam%20hadhari&m=p&p=all&id=2830>.

ia telah mendatangkan kerisauan kepada golongan bukan Islam.² Setelah itu, apabila Islam Hadhari mula dilaksanakan maka ia telah menimbulkan kerisauan semula kepada golongan bukan Islam kerana terdapat perkataan ‘Islam’ dalam pelaksanaannya. Namun menurut Tun Abdullah, Islam Hadhari adalah pendekatan yang lebih komprehensif dan menyeluruh untuk dilaksanakan kepada semua masyarakat.³ Oleh hal yang demikian, Islam Hadhari telah dijadikan sebagai rangka kerja pembangunan sepetimana yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).⁴ Selaras dengan perbincangan ini, maka Islam Hadhari dalam kerangka pentadbiran awam di Malaysia akan dibincangkan dengan lebih jelas dalam bab yang kedua.

Pendekatan Islam Hadhari mempunyai 10 prinsip dalam pelaksanaannya. Prinsip-prinsip ini adalah untuk memastikan setiap matlamat yang ingin dicapai dapat diterima oleh setiap kumpulan masyarakat yang bersifat majmuk. Pada awalnya, Islam Hadhari telah diperkenalkan pada tahun 2004 dan pada tahun 2006 pendekatan ini telah dimasukkan dalam RMK-9.⁵ Pada tahun 2004, Islam Hadhari adalah sebagai rangka kerja pembangunan yang menyeluruh untuk negara. Semasa pelaksanaan RMK-9, Islam Hadhari telah digubal sebagai suatu pendekatan yang penting kepada rakyat untuk mencapai pembangunan negara kerana Islam Hadhari berpegang teguh kepada nilai dan tuntutan Islam. Oleh sebab itu, Islam Hadhari telah diperkenalkan supaya dapat memperkasa semua kumpulan dalam negara untuk menghadapi cabaran semasa.⁶

² Mohd Rumaizuddin Ghazali, *Pembangunan Islam Di Malaysia Dalam Era Mahathir*(Negeri Sembilan: Penerbit USIM, 2012).

³ Tan Sri Mohd Sidek Bin Haji Hassan, "Pemeriksaan Dasar Pembangunan Nilai-Nilai Murni Dalam Sektor Awam," *laman sesawang Koleksi Arkib Ucapan Ketua Eksekutif*(dicapai 21 April 2017), <http://www.pmo.gov.my/ucapan/index.php?qt=islam%20hadhari&m=p&p=all&id=3756>.

⁴ Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*.(Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, 2006), 8.

⁵ Ibid.

⁶ Ibid., 9.

Tun Abdullah telah memberikan komitmen yang tinggi dalam pelaksanaan Islam Hadhari sehingga diterangkan secara jelas dalam RMK-9. Meskipun begitu, terdapat beberapa tentangan yang berlaku semasa pelaksanaan Islam Hadhari. Hal ini kerana, ada yang menyatakan bahawa penggunaan bahasa Arab dalam perkataan Islam Hadhari telah menyalahi tata bahasa Arab.⁷ Perkara ini turut dijelaskan dalam penulisan Abdul Hadi Awang dan beliau menerangkan bahawa istilah yang sebenar bagi Islam Hadhari adalah Hadharah Islamiyyah sepetimana yang digunakan oleh cendekiawan Islam.⁸

Namun, perkara ini tidak menghalang Tun Abdullah untuk meneruskan pelaksanaan Islam Hadhari. Oleh sebab itu, beliau sering menyatakan bahawa “*Islam Hadhari bukanlah agama atau mazhab yang baru. Ia juga bukan ideologi. Ia satu panduan untuk pembangunan kita*”.⁹ Selain itu, beliau turut menjelaskan bahawa Islam Hadhari dapat meningkatkan mutu hidup, penguasaan ilmu pengetahuan dan pembangunan ilmu.¹⁰ Justeru, pendekatan Islam Hadhari adalah jelas untuk mewujudkan prinsip Islam dalam governan kerana ia dapat menjaga kebijakan masyarakat yang bersifat majmuk.¹¹

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai penduduk yang meliputi pelbagai agama dan etnik. Statistik terkini iaitu pada 14 Julai 2017 telah menunjukkan bahawa terdapat seramai 32 juta orang penduduk di Malaysia. Daripada jumlah ini, etnik Bumiputra mempunyai peratusan yang tertinggi bagi kategori penduduk warganegara iaitu sebanyak 68.8 peratus. Diikuti oleh etnik Cina (23.2%), India (7.0%) dan lain-lain (1.0%).

⁷ Mohd Kamal Hassan, "Melonjak Semula Kegemilangan Ummah Melalui Pendekatan Islam Hadhari: Cabaran Dan Strategi," in *Prosiding Konvensyen Islam Hadhari: Peringkat Kebangsaan 2006*(Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2007), 128.

⁸ Abdul Hadi Awang, *Hadharah Islamiyyah Bukan Islam Hadhari*(Kuala Lumpur: Nufair Street Sdn Bhd, 2005), 25.

⁹ Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), *Membawa Perubahan: Himpunan Ungkapan Bestari Tun Abdullah Ahmad Badawi*(Kuala Lumpur: INTAN, 2009), 41.

¹⁰ Ibid., 45.

¹¹ Abdullah Ahmad Badawi, *Islam Hadhari: A Model Approach for Development and Progress* (Selangor: MPH Group Publishing Sdn Bhd, 2006), xiv.

Penduduk bukan warganegara pula telah mencecah sehingga 10.3 peratus daripada keseluruhan rakyat Malaysia.¹² Apabila jumlah etnik bukan Bumiputra seperti Cina, India dan lain-lain semakin meningkat di Malaysia, maka kerajaan mula memberi perhatian kepada kumpulan minoriti. Oleh itu, Islam Hadhari adalah salah satu pendekatan yang dilaksanakan untuk memberi pembelaan kepada kumpulan minoriti di Malaysia. Konsep minoriti dalam Islam Hadhari akan dibincangkan dengan lebih jelas dalam bab yang ketiga.

Konsep minoriti turut dinyatakan dalam Garis Panduan Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari di Agensi-Agenzi Kerajaan. Garis panduan ini telah menetapkan bahawa; “*Pendekatan Islam Hadhari juga ingin memastikan supaya tidak wujud pengabaian dari segi kebijakan serta hak kumpulan minoriti dalam masyarakat, tanpa mengira bangsa ataupun suku kaum untuk menjadi anggota masyarakat yang bahagia dan berjaya*”.¹³ Perkara ini jelas menunjukkan bahawa kumpulan minoriti tidak perlu berasa risau kerana hak mereka wujud dalam pendekatan Islam Hadhari.

Hak ini jelas dapat dilihat menerusi prinsip ketujuh Islam Hadhari iaitu pembelaan hak kumpulan minoriti bukan Islam. Pembelaan yang dimasukkan dalam Islam Hadhari adalah untuk membentuk perpaduan yang berbilang kaum di Malaysia. Oleh sebab itu, semasa pelaksanaan Islam Hadhari tidak akan wujud elemen diskriminasi.¹⁴ Ini kerana, setiap kumpulan dalam masyarakat mendapat pembelaan yang sewajarnya pada waktu itu. Justeru, analisis berkaitan dengan pembelaan hak kumpulan minoriti akan dijelaskan dalam bab yang ketiga.

¹² Department of Statistics Malaysia, "Current Population Estimates, Malaysia, 2016-2017,"(Chief Statistician Malaysia, Department of Statistics Malaysia, 14 July 2017).

¹³ Jabatan Perdana Menteri Malaysia, "Pekeliling Am Tahun 2007: Garis Panduan Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari Di Agensi-Agenzi Kerajaan,"(Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri Malaysia, 2007), 10.

¹⁴ Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, "Islam Hadhari," *laman sesawang Koleksi Arkib Ucapan Ketua Eksekutif*(dicapai 21 April 2017), <http://www.pmo.gov.my/ucapan/index.php?%20qt=islam%20hadhari&m=p&p=all&id=2912>.

Namun begitu, masalah dan isu semasa pelaksanaan Islam Hadhari masih timbul kepada kumpulan minoriti bukan Islam. Ini kerana, mereka merasakan bahawa keadilan tidak diberikan kepada yang selayaknya terutama kepada golongan bukan Islam.¹⁵ Namun, mereka telah mendapat hak sebagai warganegara Malaysia melalui kebebasan beragama dan boleh mengamalkan budaya dan kepercayaan masing-masing. Selain itu, mereka juga mempunyai hak untuk menjalankan aktiviti ekonomi, sosial dan politik melalui pendekatan Islam Hadhari.¹⁶ Oleh itu, masalah dan isu ini akan dibincangkan dengan lebih jelas dalam bab yang keempat.

Menyedari tentang kewujudan bukan Islam di Malaysia, maka Tun Abdullah sentiasa meletakkan diri beliau sebagai asas untuk memikul tanggungjawab bagi mengharmonikan pentadbirannya. Sebagai seorang pemimpin, Tun Abdullah berpendapat bahawa beliau perlu mempertahankan golongan bukan Islam supaya tidak berlaku penindasan terhadap mereka.¹⁷ Oleh sebab itu, pembelaan kumpulan minoriti bukan Islam menjadi suatu keperluan dalam sebuah pentadbiran negara. Justeru, kewujudan bukan Islam telah mendapat perhatian Tun Abdullah apabila mereka telah dilayan secara adil sebagai warganegara Malaysia. Walaupun masyarakat Malaysia mempunyai pelbagai pegangan dan kepercayaan, namun pembelaan hak terus diberikan kepada semua rakyat.

Hal ini kerana, pembelaan kepada bukan Islam telah bermula semenjak zaman Rasulullah lagi. Pada masa ini, semua kumpulan telah mendapat pembelaan yang sewajarnya sepetimana yang terdapat dalam ajaran agama Islam. Oleh itu, pembelaan ini telah diteruskan dan dimantapkan oleh Tun Abdullah dengan menggunakan pendekatan Islam

¹⁵ Ahmad Atory Husin, *Pembentukan Polisi Awam*(Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2008), v.

¹⁶ Mustapa Bin Mohamad, "Pelaksanaan Islam Hadhari Dalam Rmk-9," in *Prosiding Konvensyen Islam Hadhari: Peringkat Kebangsaan 2006*(Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2007), 260.

¹⁷ Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, "Islam Hadhari".

Hadhari.¹⁸ Hak yang diberikan kepada golongan bukan Islam merupakan suatu perkara yang penting dalam sebuah negara Islam kerana ia dapat melahirkan sebuah negara yang adil kepada seluruh rakyat. Melalui pendekatan Islam Hadhari, Islam semakin difahami dan perkara ini telah menghilangkan kebimbangan kepada masyarakat bukan Islam di Malaysia.¹⁹

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada latar belakang yang berlaku, maka kajian ini telah menimbulkan beberapa persoalan kajian, antaranya ialah:

1. Apakah kedudukan Islam berada dalam pentadbiran di Malaysia?
2. Bagaimanakah jaminan yang diberikan kepada minoriti dalam prinsip ketujuh Islam Hadhari?
3. Apakah masalah dan isu yang berlaku kepada bukan Islam semasa pelaksanaan Islam Hadhari?

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan kepada persoalan kajian, maka kajian ini telah mengeluarkan beberapa objektif kajian, antaranya ialah:

1. Mengenalpasti kedudukan Islam dalam kerangka pentadbiran di Malaysia.
2. Menganalisis jaminan yang ditawarkan kepada minoriti dalam prinsip ketujuh Islam Hadhari.
3. Meneliti masalah dan isu orang bukan Islam dalam pendekatan Islam Hadhari.

¹⁸ Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid at al., "Ulasan Buku Islam Hadhari: Pendekatan Pembangunan Peradaban," *Jurnal Hadhari Edisi Khas* (2008): 160.

¹⁹ Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, "Perhimpunan Agung Umno Yang Ke-56," *laman sesawang Koleksi Arkib Ucapan Ketua Eksekutif*(dicapai 21 April 2017), <http://www.pmo.gov.my/ucapan/index.php?qt=islam%20hadhari&m=p&p=all%20&id=2970>.

1.5 Kepentingan Kajian

Kepentingan utama kajian ini dilaksanakan adalah kerana ia dapat menjelaskan tentang masalah kekeliruan yang timbul berkenaan dengan layanan yang diberikan kepada minoriti bukan Islam di dalam pendekatan Islam Hadhari. Meskipun Islam Hadhari merupakan suatu pendekatan Islam, namun golongan bukan Islam turut mendapat pembelaan semasa pelaksanaan Islam Hadhari.

Pembelaan yang diberikan kepada minoriti bukan Islam dapat dilihat menerusi prinsip ketujuh Islam Hadhari. Prinsip ini telah membuktikan bahawa hak minoriti bukan Islam adalah salah satu kumpulan yang dijaga dan dijamin di bawah pendekatan Islam Hadhari. Oleh sebab itu, terdapat beberapa pembelaan yang telah diberikan kepada minoriti bukan Islam semasa pelaksanaan Islam Hadhari.

Pembelaan yang diberikan kepada minoriti bukan Islam telah dapat menghindarkan salah faham masyarakat terhadap pendekatan Islam Hadhari. Justeru, perkara ini membuktikan bahawa pendekatan Islam Hadhari tidak menyalimi mana-mana pihak. Hal ini kerana, pembelaan yang adil telah diberikan kepada seluruh masyarakat di Malaysia tanpa membezakan antara mereka yang beragama Islam dan bukan beragama Islam.

1.6 Skop Kajian

Skop utama kajian ini dilaksanakan adalah berkaitan dengan pentadbiran Tun Abdullah yang telah melaksanakan pendekatan Islam Hadhari pada tahun 2004. Tumpuan hanya diberikan kepada kumpulan yang sering diperkatakan semasa pelaksanaan Islam Hadhari iaitu minoriti bukan Islam. Pembelaan minoriti bukan Islam dapat dilihat menerusi prinsip yang ketujuh Islam Hadhari daripada 10 prinsip keseluruhannya.

Selain itu, kajian ini dijalankan supaya dapat meneliti dengan lebih terperinci tentang kepelbagaian etnik dan agama yang terdapat di Malaysia. Oleh sebab itu, prinsip ketujuh Islam Hadhari telah memberi pembelaan hak kepada kumpulan minoriti bukan Islam. Namun begitu, perkara ini turut menimbulkan beberapa masalah dan isu dari segi perkataan dan juga pelaksanaan Islam Hadhari. Hal ini menyebabkan pendekatan Islam Hadhari telah memberikan kesan kepada masyarakat dan negara.

1.7 Ulasan Kajian Lepas

Melihat kepada ulasan kajian lepas, maka kajian ini akan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama adalah kajian mengenai pelaksanaan Islam Hadhari dan yang kedua kajian mengenai hak minoriti dalam Islam.

a) Kajian Mengenai Pelaksanaan Islam Hadhari

Terdapat penulisan yang lebih menekankan kepada huraian Islam Hadhari dan mereka menghuraikan Islam Hadhari dengan memberi pembelaan kepada kumpulan minoriti. Mustapa Bin Mohamad lebih cenderung membicarakan Islam Hadhari adalah pendekatan yang boleh membangunkan insan dan masyarakat. Istilah minoriti dalam Islam Hadhari telah diperluaskan oleh beliau dengan menyatakan bahawa minoriti adalah golongan kurang upaya, mereka yang terlibat dengan gejala keruntuhan moral, bekas-bekas tahanan, ibu tunggal, warga emas, kumpulan-kumpulan etnik dan suku kaum minoriti. Mereka ini adalah golongan yang kurang mendapat perhatian masyarakat, sedangkan mereka sebenarnya dapat mengharumkan nama negara Malaysia.²⁰ Mustapa Bin Mohamad telah memberikan istilah

²⁰ Mustapa Bin Mohamad, "Pelaksanaan Islam Hadhari Dalam Rmk-9," 257.

minoriti dalam skop yang lebih luas tetapi kajian ini hanya akan memfokuskan kepada satu jenis golongan iaitu minoriti bukan Islam.

Berdasarkan kepada kajian Mohd Kamal Hassan, beliau mengemukakan bahawa Islam Hadhari mempunyai asas-asas untuk mendokong pembelaan kepada kumpulan minoriti. Namun, penulisan beliau lebih bercorak kepada penghuraian istilah Islam Hadhari.²¹ Begitu juga kecenderungan yang dibuat oleh Abdul Hadi Awang, beliau hanya menekankan kepada konsep Islam Hadhari secara umum dan mendapati bahawa perkataan Islam Hadhari adalah salah dari segi penggunaan istilah. Ini kerana, beliau menegaskan bahawa istilah yang digunakan oleh para cendekiawan Islam adalah Hadharah Islamiyyah bukannya Islam Hadhari seperti mana yang diperkenalkan oleh Tun Abdullah.²² Perbincangan dalam penulisan Abdul Hadi Awang tidaklah melewati batas tentang prinsip Islam Hadhari. Ini kerana, beliau menulis kajian ini sebagai salah seorang ahli politik parti pembangkang dan beliau hanya melihat kepada tata bahasa Arab sahaja. Malah, beliau tidak menerangkan secara jelas berkaitan dengan layanan yang diberikan kepada minoriti bukan Islam di dalam pendekatan Islam Hadhari.

Seterusnya, terdapat juga kajian yang dibuat oleh bukan Islam berkaitan Islam Hadhari seperti Sivamurugan Pandian. Beliau mendapati bahawa Islam Hadhari akan dapat merealisasikan tamadun bangsa dan negara. Beliau menyatakan juga bahawa institusi yang terlibat dalam pelaksanaan Islam Hadhari antaranya adalah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) yang telah terlibat secara langsung dalam melaksanakan Islam

²¹ Mohd Kamal Hassan, "Melonjak Semula Kegemilangan Ummah Melalui Pendekatan Islam Hadhari: Cabaran Dan Strategi," *ibid.*, 128.

²² Abdul Hadi Awang, *Hadharah Islamiyyah Bukan Islam Hadhari* (Kuala Lumpur: Nufair Street Sdn Bhd, 2005), 25.

Hadhari. Sivamurugan Pandian turut mengatakan bahawa pendekatan Islam Hadhari dibawah pentadbiran Tun Abdullah bukanlah suatu pendekatan yang baru di Malaysia.²³

Selain itu, Sivamurugan Pandian turut menjelaskan bahawa pelaksanaan Islam Hadhari adalah bersesuaian dengan konteks negara Malaysia yang mempunyai pelbagai etnik dan agama. Melalui pendekatan Islam Hadhari, mereka yang beragama Islam dapat memahami dengan lebih jelas tentang perkembangan dan nilai-nilai yang terdapat dalam agama Islam. Penjelasan ini bukanlah untuk mewujudkan diskriminasi dengan bukan Islam kerana 10 prinsip yang terdapat dalam Islam Hadhari adalah bertujuan untuk pembangunan negara yang meliputi semua etnik dan agama di Malaysia. Hal ini menunjukkan bahawa Tun Abdullah telah memberi jaminan kepada mereka yang beragama Islam dan bukan Islam di dalam pendekatan Islam Hadhari.²⁴ Dalam kajian ini, Sivamurugan Pandian telah memberikan huriaian tentang bukan Islam semasa pelaksanaan Islam Hadhari. Namun, beliau tidak memberi penjelasan yang lanjut tentang prinsip ketujuh Islam Hadhari iaitu pembelaan hak kepada minoriti bukan Islam.

Jika dilihat dari sudut persepsi dan kefahaman masyarakat bukan Islam terhadap Islam Hadhari, terdapat beberapa kajian berkaitannya. Antaranya adalah oleh Amaludin Ab. Rahman yang mengemukakan bahawa pelaksanaan Islam Hadhari tidak diketahui secara menyeluruh oleh orang bukan Islam dan perkara ini memerlukan kepada penjelasan yang baik oleh pihak pelaksana.²⁵ Hasil kajian ini adalah lebih kurang sama sebagaimana kajian yang dijalankan oleh pihak JAKIM berkaitan dengan persepsi orang Cina terhadap Islam

²³ Sivamurugan Pandian, *Abdullah Ahmad Badawi: Satu Tahun Di Putrajaya* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2006), 137.

²⁴ Sivamurugan Pandian, "Islam Hadhari from Non-Muslim Perspective," *Jurnal Kemanusiaan*, no. 12 (Disember 2008): 14.

²⁵ Amaludin Ab. Rahman at al., "Persepsi Dan Kefahaman Masyarakat Bukan Islam Terhadap Negara Islam, Jurnal Hadhari " *Jurnal Hadhari* 3, no. 2 (2011), 64.

Hadhari.²⁶ Melalui kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan Islam Hadhari masih tidak lagi tersebar kepada seluruh masyarakat di Malaysia terutama kepada golongan bukan Islam. Meskipun salah satu prinsip Islam Hadhari difokuskan kepada minoriti bukan Islam, namun mereka masih lagi tidak mengetahui bahawa pembelaan kepada minoriti telah diberikan dalam Islam Hadhari. Oleh itu, perkara ini akan diperincikan dengan lebih jelas dalam bab yang ketiga nanti.

b) Kajian Mengenai Hak Minoriti dalam Islam

Pembelaan hak kepada kaum minoriti adalah suatu perkara yang telah dijamin dalam agama Islam. Jawiah Dakir mendapati bahawa pembelaan ini telah dapat dibuktikan semasa pelaksanaan Perlembagaan Madinah kerana hak-hak orang Yahudi sentiasa dilindungi dan dipelihara pada masa ini. Walaupun orang Yahudi adalah golongan minoriti, namun mereka mempunyai hak yang sama sebagaimana orang Islam.²⁷ Perlembagaan Madinah telah jelas menunjukkan bahawa keadilan telah berjaya dilaksanakan kepada seluruh masyarakat. Penjelasan dalam kajian Jawiah Dakir lebih memfokuskan kepada sejarah Islam yang berlaku pada zaman Rasulullah dan Tun Abdullah telah mengambil pendekatan yang dilaksanakan oleh Rasulullah untuk dimasukkan dalam pentadbirannya kerana bersesuaian dengan keadaan di Malaysia.

Setiap individu mempunyai hak yang sama di atas muka bumi ini, tidak mengira bangsa, keturunan dan agama. Ratna Roshida Abd Razak telah memberi penerangan dalam kajian beliau tentang pembelaan hak minoriti dan wanita dalam prinsip ketujuh Islam Hadhari. Beliau menjelaskan bahawa hak minoriti tidak boleh dinafikan, meskipun mereka

²⁶ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), "Persepsi Orang Cina Terhadap Islam Hadhari," *jurnal Hadhari* no. 1 (2009), 77.

²⁷ Jawiah Dakir, *Prinsip Ketujuh: Pembelaan Hak Kumpulan Minoriti Dan Wanita*(Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2007), 16.

adalah golongan yang sedikit di Malaysia.²⁸ Selain itu, Mustapa Bin Mohamad turut mengatakan bahawa golongan minoriti akan terus mendapat perhatian dari pelbagai aspek. Antaranya adalah melalui kebajikan, keilmuan, pembinaan kemahiran dan pengiktirafan yang sesuai dengan kemahiran mereka.²⁹ Bagi Ratna Roshida Abd Razak dan Mustapa Bin Mohamad, mereka berpendapat bahawa golongan minoriti juga berhak untuk mendapat pembelaan meskipun mereka bukanlah golongan majoriti di Malaysia.

Penerangan berkaitan hak minoriti juga diberikan oleh JAKIM sebagai badan pelaksana Islam Hadhari. Melalui pendekatan Islam Hadhari, pembelaan hak telah diberikan kepada minoriti bukan Islam. Kumpulan ini telah mendapat perhatian yang khusus semasa pelaksanaan Islam Hadhari.³⁰ Oleh sebab itu, kumpulan minoriti dapat menikmati apa sahaja yang dinikmati oleh kumpulan majoriti kerana hak mereka adalah sama sepertimana dalam Perlembagaan Persekutuan. Justeru, semua kumpulan mempunyai hak untuk melibatkan diri dalam pentadbiran negara dan juga aktiviti ekonomi, sosial, pendidikan, agama dan politik.³¹

Selain itu, Bridget Welsh dan James U.H. Chin menunjukkan bahawa Tun Abdullah memilih untuk menggunakan pendekatan agama bagi menjelaskan idea terasnya mengenai urustadbir kerajaan yang baik menerusi pelaksanaan Islam Hadhari. Beliau mendapati bahawa Islam Hadhari telah menjelaskan tentang prinsip perlindungan kepada kumpulan

²⁸ Ratna Roshida Abd Razak, "Islam Hadhari: Apa Dan Kenapa," *Jurnal Hadhari* 3, no. 2 (2010): 67.

²⁹ Mustapa Bin Mohamad, "Pelaksanaan Islam Hadhari Dalam Rmk-9," 260.

³⁰ Hak semua kumpulan dilindungi oleh undang-undang negara dan hak ini juga terdapat dalam undang-undang Islam (Maqasid al-Syariah). Apabila hak ini tidak diberikan kepada mereka yang layak, maka ia telah menjadi satu kesalahan di sisi undang-undang. Untuk keterangan lanjut sila lihat, Department of Islamic Development Malaysia, *Islam Hadhari an Explanation*(Putrajaya: Department of Islamic Development Malaysia, 2005), 25.

³¹ Semenjak negara mencapai kemerdekaan, tiada kaum yang dinafikan haknya di negara ini. Malah, golongan ini sentiasa dilindungi oleh undang-undang negara. Untuk keterangan lanjut sila lihat, Department of Islamic Development Malaysia, *Islam Hadhari an Explanation*(Putrajaya: Department of Islamic Development Malaysia, 2005), 25.

minoriti.³² Namun, kajian Bridget Welsh dan James U.H. Chin tidak menyatakan jenis perlindungan yang diberikan kepada minoriti bukan Islam.

Pandangan Roger Finke, Robert R. Martin dan Jonathan Fox mempunyai perbezaan dengan pandangan yang diberikan sebelum ini. Mereka mendapati bahawa kumpulan minoriti dalam agama sering menghadapi masalah untuk mengamalkan agama mereka kerana wujud elemen diskriminasi dalam agama. Hal ini menyebabkan agama dilihat sebagai ancaman kepada negara dan budaya dalam sebuah masyarakat.³³ Kajian ini adalah berbeza dengan pelaksanaan Islam Hadhari kerana Islam Hadhari sentiasa menjaga hak setiap masyarakat dalam negara.

Setiap agama mempunyai hak untuk mendirikan rumah ibadah. Nik Yusri Musa, Ahmad Hidayat Buang dan Nazri Muslim mengatakan bahawa bagi penganut agama bukan Islam, mereka berhak untuk membina rumah ibadat apabila penganut agama tersebut mempunyai kuantiti yang dibenarkan dalam sebuah kawasan.³⁴ Pembinaan rumah ibadat mempunyai peraturan yang perlu diikuti oleh setiap agama. Sekiranya peraturan ini tidak diikuti, maka pihak yang bertanggungjawab boleh mengambil tindakan. Rumah ibadat bukan Islam adalah salah satu isu yang berlaku semasa pelaksanaan Islam Hadhari, tetapi kajian ini tidak menerangkan secara jelas berkaitan dengan isu tersebut.

Isu rumah ibadat bukan Islam semasa pelaksanaan Islam Hadhari telah mendapat penjelasan melalui kajian Mohamad Zaidi Bin Abdul Rahman. Beliau menjelaskan bahawa terdapat beberapa kuil yang telah dirobohkan oleh pihak berkuasa dan ada yang diberi

³² Bridget Welsh dan James U.H. Chin, *Awakening the Abdullah Badawi Years in Malaysia: Bangkit Tempoh Pentadbiran Abdullah Badawi Di Malaysia*, ed. Noor Amin Bin Ahmad (Selangor: Strategic Information and Research Development Centre, 2014), xxxiv.

³³ Roger Finke, Robert R. Martin, and Jonathan Fox, "Explaining Discrimination against Religious Minorities," *Politics and Religion* 10(2017): 389.

³⁴ Nazri Muslim, Nik Yusri Musa, and Ahmad Hidayat Buang, "Hubungan Etnik Di Malaysia Dari Perspektif Islam," *Kajian Malaysia* 29, no. 1 (2011), 20.

peringatan untuk dihancurkan.³⁵ Perkara ini telah menyebabkan isu rumah ibadat bukan Islam telah menjadi suatu isu yang besar di dalam pelaksanaan Islam Hadhari. Ini kerana, agama Hindu tidak bersetuju dengan perobohan yang dilaksanakan oleh kerajaan terhadap rumah ibadat mereka. Justeru, masalah dan isu yang berkaitan dengan bukan Islam akan dibincangkan dengan lebih terperinci dalam bab yang keempat nanti.

Secara keseluruhannya, kajian ini adalah untuk mengisi data-data yang bersifat baru yang tidak dimasukkan dalam perbincangan ulasan kajian lepas. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk memperluaskan bahan-bahan yang tidak dapat dibincangkan sebelum ini. Hal ini kerana, fokus utama kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengkaji corak pentadbiran Tun Abdullah dalam mentadbir kumpulan minoriti berdasarkan kepada pendekatan Islam Hadhari. Pendekatan ini telah menggunakan Islam sebagai instrumen asas dalam pelaksanaannya.

1.8 Metodologi Kajian

Metodologi adalah suatu kaedah atau cara yang diperlukan untuk menyiapkan sesuatu kajian. Ia juga adalah keterangan tentang sesuatu sifat dan keadaan manusia yang akan melihat kepada tindakan sosial yang berlaku dalam kehidupan. Satu kajian yang berkualiti akan berhasil apabila kaedah yang digunakan adalah bersesuaian dengan matlamat sesuatu kajian. Maka, kajian ini akan menggunakan satu bentuk kajian yang disebut sebagai kajian kualitatif. Kajian kualitatif adalah merujuk kepada kaedah yang digunakan untuk memberikan

³⁵ Mohamad Zaidi Bin Abdul Rahman, "Constitutional Religious Right for Non-Muslim in Malaysia with Special Reference to Islamic Law" (Tesis kedoktoran, University of Wales, 2012), 175.

keterangan dan pemerhatian yang bukan bersifat numerikal. Namun begitu, terdapat juga keterangan yang menggunakan data yang berbentuk statistik.³⁶

1.8.1 Metode Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, metode pengumpulan data adalah secara kualitatif yang meliputi;

a) Kajian Perpustakaan

Dalam kajian ini, tumpuan telah diberikan dalam memilih metode-metode yang bersetujuan dengan tajuk kajian iaitu Analisis Prinsip Pembelaan Hak Kumpulan Minoriti di bawah Pendekatan Islam Hadhari di Malaysia. Oleh sebab itu, kajian perpustakaan adalah kaedah terpenting bagi mendapatkan data dan bukti yang diperlukan semasa menjalankan kajian. Perkara ini dapat dilihat menerusi kajian yang terdapat dalam buku-buku rujukan, tesis atau disertasi, jurnal, kertas kerja persidangan, ensiklopedia, abstrak atau bahan terbitan lain seperti majalah dan juga keratan akhbar.

Selain itu, kajian ini juga adalah merujuk kepada segala data yang mengandungi kajian dalam bentuk dokumen. Kebanyakan maklumat yang digunakan adalah melalui laporan, ucapan, pekeliling, surat dan memo, pengumuman, buletin, fail dan sebagainya. Maklumat ini diperoleh melalui pelbagai bentuk seperti fakta, perkataan, carta, rajah, surat, laman sesawang dan lain-lain.

Melalui kajian perpustakaan, beberapa objektif yang ditetapkan dalam kajian telah dapat dicapai. Ini kerana, kajian perpustakaan dapat mengenalpasti sarjana-sarjana yang menulis tentang kedudukan Islam dan pelaksanaan Islam Hadhari di Malaysia. Seterusnya,

³⁶ Kamarul Azmi Jasmi, "Penyelidikan Kualitatif Dalam Sains Sosial,"(kertas kerja Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012: Puteri Resort Melaka28-29 Mac 2012), 3-4.

kajian ini dapat melihat kaedah yang digunakan oleh penulis-penulis dalam mengumpul data untuk membuat analisis.

b) Metode Temubual

Bagi mendapatkan kajian yang mantap, maka sumber lisan dengan menggunakan metode temubual telah digunakan dalam kajian. Ini kerana, dalam bidang sosial data akan diambil melalui temubual kepada kumpulan yang difokuskan. Data-data ini diambil daripada setiap patah perkataan yang telah diutarakan dalam temubual terbabit.³⁷ Penggunaan metode temubual adalah untuk mengumpulkan data dan dapat menambahkan maklumat yang baru selain daripada buku, jurnal, tesis, latihan ilmiah serta artikel.

Metode ini merupakan suatu cara yang penting untuk dilakukan kerana ia akan dapat mengetahui pengalaman dan pendapat mereka yang pernah terlibat dalam pelaksanaan Islam Hadhari. Temubual akan dijalankan secara formal untuk bertanyakan tentang beberapa soalan. Fungsi temubual dalam kajian ini adalah untuk mengumpulkan maklumat secara lisan tentang apa yang difahami mengenai sesuatu peristiwa, aktiviti, kejadian dan sebagainya. Justeru itu, temubual adalah untuk mendapatkan pendapat, pemikiran, pandangan, pengalaman dan memahami apa yang sebenarnya telah dialami dan difikirkan. Selain itu, temubual adalah merupakan salah satu cara yang akan dapat memberikan maklumat tambahan yang penting dan yang lebih terperinci.

Dalam kajian ini, temubual yang dibuat secara formal telah dilakukan kepada responden yang pernah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pelaksanaan Islam Hadhari. Temubual ini telah dibuat kepada Mohd Yusof Haji Othman yang merupakan

³⁷ Grey Guest, Kathleen M. Mac Quen, and Emily E. Nane, *Applied Thematic Analysis*(Carlifornia: SAGE Publication, 2012), 11.

Pengarah Institut Islam Hadhari. Maka, soalan-soalan yang diajukan kepada responden adalah berkaitan dengan pelaksanaan Islam Hadhari dan hak pembelaan yang diberikan kepada minoriti bukan Islam di Malaysia. Soalan kepada responden yang ditemubual akan dimasukkan ke dalam lampiran. Oleh itu, data-data yang didapati daripada temubual akan dijadikan sebagai rujukan kepada para pengkaji yang lain.

1.8.2 Metode Analisis Data

Metode yang dipilih untuk menganalisa data dalam membuat kajian ini adalah metode deskriptif. Metode deskriptif mempunyai beberapa bahagian antaranya adalah deskriptif tentang subjek (orang), deskriptif dari *setting* fisik, deskriptif tentang peristiwa dan deskriptif tentang perlakuan dan perbuatan individu atau kelompok.³⁸ Metode yang bersesuaian dengan kajian ini adalah dengan menggunakan metode deskriptif tentang peristiwa kerana pelaksanaan Islam Hadhari merupakan suatu peristiwa atau kejadian yang telah berlaku dan berjaya dilaksanakan.

Selain metode deskriptif, metode analisis tematik adalah metode yang akan digunakan untuk membuat kajian ini. Analisis tematik akan melihat kepada setiap perkataan dan perenggan untuk mengenalpasti idea-idea yang tersurat dan tersirat yang terdapat dalam data dan idea ini disebut sebagai tema. Analisis tematik juga tidak hanya melihat kepada data yang terdapat dalam penulisan, malahan akan mendengar melalui percakapan. Dalam analisis tematik, percakapan mempunyai kebolehpercayaan yang lebih tinggi berbanding dengan perkataan. Ini kerana, percakapan mempunyai lebih banyak tafsiran untuk menentukan sesuatu data.³⁹

³⁸ Mestika Zed, *Metod Penelitian Kepustakaan* (Indonesia: Yayasan Obor, 2008), 57.

³⁹ Grey Guest, Kathleen M. Mac Quen, and Emily E. Nane, *Applied Thematic Analysis*, 10-11.

Metode deskriptif dan metode analisis tematik telah digunakan untuk menganalisis data-data yang dikumpul melalui kajian perpustakaan dan metode temubual. Data-data yang dianalisis adalah mengikut kepada tiga objektif yang telah ditetapkan dalam kajian ini. Oleh itu, tumpuan hanya diberikan kepada data-data yang berkaitan dengan objektif yang ingin dicapai.

1.9 Sistematika Penulisan

Sistematika penulisan dalam kajian ini telah dibahagikan kepada lima bab yang utama. Bab pertama kajian adalah bahagian pendahuluan yang merangkumi latar belakang masalah kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, ulasan kajian lepas, metodologi kajian dan sistematika penulisan.

Bab kedua akan membincangkan tentang Islam Hadhari dalam kerangka pentadbiran awam di Malaysia. Pada awalnya, bab ini akan menerangkan berkaitan Islam dalam perlembagaan. Selepas itu, mengenalpasti tentang kewujudan Islam di bawah pentadbiran Perdana Menteri sebelum Tun Abdullah yang bermula dengan Tunku Abdul Rahman sehingga Tun Dr. Mahathir. Seterusnya, perbincangan ini akan diperluaskan dengan memasukkan pendekatan Islam Hadhari di bawah pentadbiran Tun Abdullah yang merangkumi latar belakang, istilah, visi, misi, objektif dan prinsip Islam Hadhari.

Bab ketiga dalam kajian ini akan menghuraikan tentang analisis prinsip ketujuh Islam Hadhari iaitu pembelaan hak kumpulan minoriti. Bab ini akan mengupas lebih lanjut berkaitan konsep minoriti menurut perspektif Islam dan Islam Hadhari. Kemudiannya, menghuraikan tentang bukan Islam dalam konteks Malaysia. Selain itu, bab ini juga akan meneliti berkaitan dengan jaminan yang diberikan kepada bukan Islam di Malaysia iaitu sebelum dan selepas kemerdekaan. Akhirnya, perkara yang akan dibincangkan adalah

analisis pembelaan yang diberikan kepada bukan Islam dalam Islam Hadhari. Hal ini dapat dilihat melalui kerangka pembinaan hubungan antara kaum, pembangunan modal insan kepada bukan Islam dan bukan Islam dalam pembangunan negara Islam.

Bab keempat merupakan perbincangan berkaitan masalah dan isu bukan Islam semasa pelaksanaan Islam Hadhari. Bab ini akan mengesan tentang masalah bukan Islam dalam masyarakat majmuk. Seterusnya, membincangkan isu bukan Islam dalam pendekatan Islam Hadhari. Antara isu yang dimasukkan dalam bab ini adalah isu rumah ibadat bukan Islam, isu kalimah Allah oleh bukan Islam, isu perebutan mayat, isu penjagaan anak bukan Islam dan isu pemindaian perlumbagaan oleh menteri-menteri bukan Islam. Kemudiannya, perkara lain yang dijelaskan adalah tindakan yang diambil oleh Tun Abdullah dalam menangani masalah dan isu bukan Islam di Malaysia ketika beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia pada waktu tersebut.

Bab kelima merupakan yang bab penutup iaitu bab terakhir dalam kajian ini. Bab ini akan menghuraikan tentang kesimpulan kajian yang meliputi perbincangan dalam bab yang kedua sehingga bab keempat. Setelah itu, cadangan kajian akan dimasukkan dalam bab yang kelima supaya dapat dijadikan rujukan kepada pengkaji lain. Oleh itu, para pengkaji boleh melihat cadangan yang diberikan untuk membuat kajian berkaitan dengan pendekatan Islam Hadhari.

BAB 2: ISLAM DALAM KERANGKA PENTADBIRAN AWAM DI MALAYSIA

2.1 Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai keunikan dan keistimewaan yang tersendiri kerana mempunyai pelbagai etnik, kaum, budaya dan agama. Kepelbagaian ini telah menimbulkan beberapa masalah dan cabaran dalam sebuah pentadbiran negara. Maka ia perlu diuruskan dengan penuh bijaksana supaya tidak memberi tekanan kepada sesuatu pihak. Di bawah pentadbiran Tun Abdullah, beliau telah memperkenalkan pendekatan Islam Hadhari untuk menguruskan kepelbagaian ini dalam reka bentuk Islam. Pendekatan ini juga adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju meliputi pelbagai aspek.¹

Sehubungan itu, bab ini akan membincangkan berkaitan dengan Islam dalam kerangka pentadbiran awam di Malaysia. Perbincangan ini akan dimulakan dengan penjelasan tentang Islam dalam perlembagaan. Penerangan akan diperluaskan dengan memasukkan perbincangan berkaitan Islam di bawah pentadbiran Perdana Menteri sebelum Tun Abdullah. Kemudiannya, diikuti dengan penjelasan tentang Islam di bawah pentadbiran Tun Abdullah.

¹ Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, "Statement at the 11th Session of the Islamic Summit Conference," *laman sesawang Koleksi Arkib Ucapan Ketua Eksekutif*(dicapai 22 April 2017), <http://www.pmo.gov.my/ucapan/index.php?m=p&p=paklah&id=3171>.

2.2 Islam dalam Perlembagaan

Islam mempunyai kedudukan yang istimewa dalam perlembagaan di Malaysia. Ini kerana, Islam merupakan agama bagi Persekutuan sepertimana yang terkandung dalam Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan.² Perkara ini telah menyebabkan kerajaan mempunyai tanggungjawab yang besar bagi memastikan kedudukan Islam terus dipelihara dalam perlembagaan.

Kedudukan Islam terus terjamin di Malaysia, ini dapat dilihat melalui beberapa kes yang pernah berlaku di Malaysia. Contohnya sepertimana kes Lina Joy yang berlaku pada tahun 2007. Mahkamah telah memutuskan bahawa rayuan Lina Joy telah ditolak kerana beliau ingin menggugurkan perkataan ‘Islam’ dalam MyKad.³ Ketua Hakim Negara iaitu Tun Ahmad Fairus Syeikh Abdul Halim, antara hakim yang telah menolak rayuan tersebut. Rayuan ini turut ditolak oleh Hakim Mahkamah Persekutuan iaitu Datuk Alauddin Mohd Sherif.⁴ Keputusan yang dibuat oleh dua orang hakim ini telah menunjukkan bahawa Islam dalam perlembagaan mempunyai keistimewaan dalam perundangan negara. Ini kerana, Islam mempunyai ruang dalam negara dan kerajaan bertanggungjawab untuk mengisi ruang tersebut dalam pentadbiran.

Islam yang terdapat dalam perlembagaan telah memberi kesan yang banyak kepada pemerintahan dan pentadbiran negara Malaysia. Oleh sebab itu, terdapat sesetengah pihak

² Tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan. Untuk keterangan lanjut sila lihat, Lembaga Penyelidikan Undang-Undang Malaysia, Perlembagaan Persekutuan, Petaling Jaya, Selangor: International Law Book Services, 2009, 20. Dalam Bahagian 1, Perkara 3 mengatakan mengenai agama bagi Persekutuan.

³ Mohd Aizam bin Mas'od, *Diskusi Isu Aqidah Dan Pemikiran Semasa Di Malaysia* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2013), 13.

⁴ Kamariah Ahmad dan Nor Zainah Nordin, "Rayuan Lina Joy Ditolak - Mahkamah Persekutuan Putuskan Perkataan Islam Kekal Dalam Mykad," *laman sesawang Utusan Online*(dicapai 7 Julai 2018), http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0531&pub=utusan_malaysia&sec=muka_hadapan&g=mh_01.htm.

yang mengangkat Malaysia sebagai sebuah negara Islam dan ini diakui oleh Tun Dr. Mahathir yang pernah mentadbir negara sebelum ini.⁵ Perkara ini dapat dilihat apabila Islam dalam Perkara 3 (1) adalah sebagai alat legitimasi dalam sebuah pentadbiran. Oleh itu, setiap pemimpin berhak memasukkan unsur-unsur elemen Islam dalam pentadbiran mereka.

Perlembagaan Persekutuan telah menunjukkan bahawa agama Islam mempunyai kedudukan dan kelebihan yang berbeza daripada agama lain. Inilah yang menyebabkan Malaysia sering kali mendapat perhatian dunia luar kerana telah berjaya mewujudkan nilai-nilai yang berunsur Islam.⁶ Pendapat ini diakui oleh Abdul Ghani Othman yang menyatakan bahawa perhatian dunia tertumpu kepada negara Malaysia kerana negara ini merupakan sebuah negara Islam. Walaupun begitu, kerajaan Malaysia tetap memberikan perhatian kepada seluruh rakyat Malaysia sama ada yang beragama Islam atau bukan beragama Islam.⁷

Meskipun Islam merupakan agama Persekutuan, tetapi ada yang memberi pandangan bahawa Islam dalam Perlembagaan Persekutuan tidak menentukan kepada pembentukan sebuah negara Islam.⁸ Ini kerana, terdapat beberapa pandangan yang menyatakan bahawa negara ini adalah negara sekular. Jika dilihat, antara ciri negara sekular adalah tiada agama rasmi dalam sesebuah negara.⁹ Ciri tersebut secara jelas telah bercanggah dengan

⁵ Beliau menyatakan bahawa Malaysia sebagai sebuah negara Islam, kita bersedia untuk bekerjasama dengan pertubuhan Islam di peringkat antrabangsa supaya dapat mengukuhkan umat Islam. Untuk keterangan lanjut sila lihat, Datuk Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad, "Upacara Perasmian Kursus Kefahaman Islam Peringkat Kebangsaan," *laman sesawang Koleksi Arkib Ucapan Ketua Eksekutif*(dicapai 5 Mei 2017), <http://www.pmo.gov.my/ucapan/index.php?qt=sebuah%20negara%20islam&m=p&p=all&id=1724>.

⁶ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), *Pembangunan Islam Di Malaysia* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1991), 1.

⁷ Abdul Ghani Othman, "Pelaksanaan Hukum Syarak Di Malaysia," in *Pelaksanaan Hukum Syarak Di Malaysia*, ed. Khairul 'Azmi Mohamad and Abdul Monir Yaacob(Johor Bahru: Ketua Penerangan Dan Penyelidikan Kerajaan Negeri Johor, 2001), 6-8.

⁸ Nazri Muslim, *Islam Dan Melayu Dalam Perlembagaan: Tiang Seri Hubungan Etnik Di Malaysia* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014), 22.

⁹ Ibid., 124.

Perlembagaan Persekutuan.¹⁰ Mahamad Naser juga mengakui bahawa Perlembagaan Persekutuan di Malaysia adalah bebas daripada perkataan dan ciri negara sekular.¹¹

Perlembagaan Persekutuan adalah salah satu cabang dalam pentadbiran perundangan negara. Selain itu, cabang lain dalam perundangan negara dapat dilihat melalui undang-undang bagi setiap negeri. Undang-Undang Negeri bertanggungjawab untuk menguruskan pentadbiran Islam, tetapi ia hanyalah berperanan dalam undang-undang keluarga sahaja. Manakala, undang-undang yang berkaitan dengan jenayah dan keadilan adalah terletak di bawah bidang kuasa Persekutuan.¹²

Hal ini menyebabkan kerajaan Persekutuan tidak boleh mencampuri urusan yang berkaitan dengan agama Islam ataupun undang-undang Islam.¹³ Kenyataan ini diakui oleh Zaini Nasohah yang menyatakan bahawa urusan agama Islam adalah berada di bawah tanggungjawab Badan Perundangan Negeri bukan di bawah Badan Perundangan Persekutuan. Ini dapat dilihat sepatimana yang terdapat dalam Jadual Sembilan Senarai 2, Senarai Negeri yang menyatakan bahawa perkara-perkara yang berkaitan dengan hukum syarak adalah terletak di bawah Badan Perundangan Negeri.¹⁴

¹⁰ Nazri Muslim and Ahmad Hidayat Buang, "Islam Dalam Perlembagaan Persekutuan Dari Perspektif Hubungan Etnik Di Malaysia," *Jurnal Kemanusiaan*, no. 20: ,123.

¹¹ Mahamad Naser Bin Disa, "Islam Agama Negara: Undang-Undang Tertinggi Negara," *Peguam Kanan Persekutuan - Ahli Biro Undang-Undang Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan*: 6.

¹² Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang tertinggi di Malaysia dan undang-undang lain akan terbatas apabila ia bertentangan dengan undang-undang Persekutuan . Untuk keterangan lanjut sila lihat, Abdul Aziz Bari, "Halangan-Halangan Pelaksana Undang-Undang Jenayah Islam Di Dalam Perlembagaan Malaysia," *Jurnal Syariah* 10, no. 1 (2002): 34.

¹³ Zainul Rijal Abu Bakar, "Kuasa Penuh Negeri Terhadap Islam," *Bicara Agama, laman sesawang Utusan Online*(dicapai 8 September 2011),

http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0908&sec=Bicara_Agama&pg=ba_03.htm.

¹⁴ Badan Perundangan Negeri boleh membuat undang-undang tentang mana-mana perkara yang disebutkan dalam Senarai Negeri iaitu Senarai Kedua yang terdapat dalam Jadual Kesembilan atau Senarai Bersama. Untuk keterangan lanjut sila lihat, Zaini Nasohah, *Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Malaysia: Sebelum Dan Menjelang Merdeka*(Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, 2004), 82.

Namun begitu, kerajaan sentiasa memastikan pentadbiran Islam dalam negara berfungsi dengan baik. Oleh itu, terdapat dua badan tertinggi kerajaan seperti Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam Malaysia¹⁵ dan JAKIM.¹⁶ Mereka bertanggungjawab dalam urusan pentadbiran yang berkaitan dengan agama Islam. Selain itu, mereka juga yang akan mendokong dan melaksanakan pelbagai usaha supaya dapat meningkatkan pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia.¹⁷

Melalui usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia, perkara ini telah menunjukkan bahawa kerajaan amat memberi perhatian kepada hal ehwal orang Islam. Ini menyebabkan kerajaan telah melaksanakan pelbagai pendekatan dan dasar yang berteraskan Islam supaya dapat membangunkan masyarakat dan negara. Oleh itu, perkara ini akan dibincangkan dalam bahagian yang seterusnya iaitu berkaitan dengan Islam di bawah pentadbiran Perdana Menteri sebelum Tun Abdullah yang bermula dari pentadbiran Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj (1957-1970) sehingga Tun Dr. Mahathir Mohamad (1981-2003).

2.3 Islam dalam Pentadbiran Perdana Menteri sebelum Tun Abdullah

Penduduk yang berada di Malaysia, majoritinya adalah penganut agama Islam. Hal ini menyebabkan setiap dasar dan program yang diperkenalkan oleh kerajaan bertujuan untuk memberi kesan kepada rakyat yang beragama Islam. Oleh sebab itu, kerajaan sangat berhati-hati dalam melaksanakan sesuatu dasar supaya dapat menjaga kedudukan rakyat sama ada yang beragama Islam atau bukan beragama Islam.¹⁸ Apa sahaja perkara yang dilaksanakan

¹⁵ Dipengerusikan oleh Y.A.B Perdana Menteri. Untuk keterangan lanjut sila lihat, Tan Sri Abdul Halim Bin Ali, "Perasmian Seminar Kecemerlangan Bahagian Hal Ehwal Islam (Baheis) Jabatan Perdana Menteri," *laman sesawang Koleksi Arkib Ucapan Ketua Eksekutif*(dicapai 17 Mei 2017),

<http://www.pmo.gov.my/ucapan/index.php?qt=pentadbiran%20islam&m=p&p=all&id=2652>.

¹⁶ Dipengerusikan oleh Y.A.B Timbalan Perdana Menteri. Untuk keterangan lanjut sila lihat, ibid.

¹⁷ Ibid.

¹⁸ Hairany Naffis, "Pendapat Umum Dalam Pembentukan Dasar Dan Perkembangan Politik Di Malaysia: Satu Renungan," *Jurnal Komunikasi* 5(1989): 9.

oleh kerajaan adalah untuk membentuk perpaduan yang berbilang kaum di Malaysia. Ini kerana, apabila perpaduan tidak dijadikan sebagai asas, maka kemajuan negara yang hendak dicapai melalui Wawasan 2020 tidak akan menjadi suatu kenyataan.¹⁹

Setiap Perdana Menteri yang dilantik oleh kerajaan mempunyai cara pentadbiran yang berbeza-beza. Mereka telah berjaya menguruskan negara dengan pelbagai seni dalam pentadbiran berasaskan kepada personaliti individu tersebut. Untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang pembawaan Islam dalam pentadbiran negara, maka bahagian ini akan menerangkan dasar dan program yang telah dilaksanakan oleh Perdana Menteri Malaysia. Penerangan ini akan tertumpu kepada Perdana Menteri yang pertama iaitu Tunku Abdul Rahman sehingga Tun Dr. Mahathir (1981-2003) sahaja. Hal ini kerana, pelaksanaan Islam Hadhari telah mula diperkenalkan oleh Tun Abdullah sewaktu beliau menjadi Perdana Menteri.

2.3.1 Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj (1957-1970)

Tunku Abdul Rahman telah menjadi Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu bermula tahun 1955. Beliau telah diterima oleh masyarakat sebagai Ketua Menteri melalui Pilihan Raya Umum (PRU) di bawah Parti Perikatan.²⁰ Perikatan adalah sebuah parti yang telah menyuarakan pendapat untuk melaksanakan PRU pada tahun 1955 kepada Kolonial British. Dalam pilihan raya tersebut, Parti Perikatan telah berjaya memenangi pilihan raya dengan jumlah yang besar iaitu 51 kerusi daripada 52 kerusi yang dipertandingkan.²¹ Kemenangan

¹⁹ Jabatan Penerangan Malaysia, "Dasar-Dasar Kerajaan Dalam Membentuk Perpaduan," *laman sesawang Jabatan Penerangan Malaysia*(dicapai 20 Mei 2017), <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/nkra/11743-dasar-dasar-kerajaan-dalam-membentuk-perpaduan.html>.

²⁰ Parti perikatan adalah sebuah parti yang telah menyatupadukan antara MCA, MIC dan UMNO sekaligus telah berjaya menggabungkan ketiga-tiga kaum yang terbesar di Tanah Melayu. Untuk keterangan lanjut sila lihat, Abdullah Jusuh, *Tamadun Islam Di Malaysia*(Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 76.

²¹ Perdana Leadership Foundation, "Biography of Tunku Abdul Rahman," *laman sesawang Perdana Leadership Foundation*(dicapai 21 Mei 2017), <http://www.perdana.org.my/pms-of-malaysia/tunku-abdul-rahman/biography-tunku-abdul-rahman>.

Parti Perikatan telah menjadikan Tunku sebagai seorang tokoh kepimpinan negara. Oleh itu, pemilihan beliau sebagai Ketua Menteri tidak ada sebarang bantahan daripada pihak lain kerana kelayakan beliau untuk memegang jawatan itu.

Di bawah kepimpinan Tunku, perkara pertama yang ditekankan dalam pentadbiran beliau adalah untuk mendapatkan kemerdekaan di bumi Tanah Melayu. Hal ini dapat dibuktikan melalui ikrar Tunku sewaktu dilantik sebagai Presiden yang kedua bagi UMNO. Ikrar yang dijanjikan kepada seluruh rakyat Malaysia telah dibuktikan beliau melalui kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.²² Pengisytiharan kemerdekaan telah dilaungkan oleh Tunku di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur.²³ Peristiwa bersejarah ini telah menyebabkan Tunku mendapat gelaran sebagai “Bapa Kemerdekaan” dan seterusnya dilantik secara rasmi sebagai Perdana Menteri yang pertama bagi Persekutuan Tanah Melayu.

Apabila Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, Tunku terus berusaha untuk membentuk Persekutuan Malaysia. Setelah persetujuan disepakati antara Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak, maka wakil setiap negara telah menandatangani Perjanjian Malaysia di London. Tandatangan ini telah melibatkan pemimpin-pemimpin yang bersetuju dengan penubuhan Malaysia. Akhirnya pada 16 September 1963, Tunku telah mengisytiharkan sebuah negara baru yang dikenali sebagai Malaysia. Pembentukan negara Malaysia telah berjaya mengeratkan kerjasama dengan negara luar sehingga berjaya membentuk Badan Perunding Maphilindo (Malaysia, Filipina

²² Arkib Negara Malaysia, *Katalog Bahan-Bahan Sudut Wira Tunku Abdul Rahman Putra*(Arkib Negara Malaysia, 1995), 12.

²³ Tunku Abdul Rahman Putra telah melaungkan ‘MERDEKA’ sewaktu pengisytiharan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Untuk keterangan lanjut sila lihat, Perpustakaan Negara Malaysia, *Bibliografi Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj*(Perpustakaan Negara Malaysia, 2003), 169.

dan Indonesia).²⁴ Kerjasama dengan negara luar diteruskan lagi apabila Malaysia telah menyertai *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN).²⁵

Jika dilihat dari sudut politik, telah berlaku beberapa pilihan raya semasa Tunku menjadi Perdana Menteri. Pilihan raya pertama yang diadakan selepas merdeka ialah pada tahun 1959. Semasa pilihan raya ini, Parti Islam Se-Malaysia (PAS) telah mencatat sejarah politik Malaysia apabila parti ini telah mencapai kemenangan yang besar di negeri Kelantan dan Terengganu.²⁶ Kemenangan parti pembangkang bukan sahaja pada tahun itu, bahkan pada tahun 1969 parti pembangkang sekali lagi mencapai kemenangan yang besar di Malaysia.²⁷ Kemenangan yang dimiliki oleh pihak pembangkang pada tahun 1959 dan 1969 menunjukkan bahawa parti pembangkang seperti PAS turut diterima oleh masyarakat di Malaysia. Hal ini kerana, PAS telah menggunakan penjenamaan Islam semasa pilihan raya supaya dapat membentuk pentadbiran yang bercorakkan Islam.

Semasa pentadbiran Tunku, beliau tidak meletakkan Islam sebagai suatu perkara yang utama tetapi beliau telah meletakkan Islam dalam suatu bentuk pentadbiran yang sangat berbeza daripada pentadbiran lain. Contohnya adalah apabila Tunku berjaya menujuhkan sebuah masjid yang mempunyai erti yang besar kepada negara yang dinamakan sebagai

²⁴ Maphilindo telah ditubuhkan pada tahun 1962 adalah untuk menyelesaikan persengketaan antara ketiga-tiga buah negara. Selain itu, gabungan ini dapat mewujudkan kerjasama dari segi keselamatan, sosial, ekonomi dan kebudayaan. Untuk keterangan lanjut sila lihat, Arkib Negara Malaysia, *Katalog Bahan-Bahan Sudut Wira Tunku Abdul Rahman Putra*, 21-23.

²⁵ Negara-Negara yang menyertai ASEAN pada waktu itu adalah Malaysia, Singapura, Filipina, Indonesia dan Thailand. Selain itu, Malaysia juga telah menganggotai beberapa pertubuhan seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), WHO (Pertubuhan Kesihatan Sedunia, ILO (Pertubuhan Buruh Antarabangsa, UNESCO (Pertubuhan Pelajaran, Sains & Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu, FAO (Pertubuhan Makanan dan Pertanian) dan WB (Bank Dunia). Untuk keterangan lanjut sila lihat, Perdana Leadership Foundation, "Biography of Tunku Abdul Rahman".

²⁶ Mohd Sohaimi Bin Esa, "Peranan Tun Razak Dalam Pentadbiran Dan Pembangunan Negara" (Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011), 243-56.

²⁷ Pilihan raya pada tahun 1969 telah menyaksikan kemenangan di luar jangkaan oleh parti pembangkang apabila mereka telah menafikan kemenangan dua pertiga UMNO dan BN. Pada waktu ini, orang Melayu mulai bimbang akan kehilangan kuasa politik mereka. Untuk keterangan lanjut sila lihat, Mohd Sabri Md Nor, "Persaingan Politik Melayu Di Semenanjung Malaysia, 1978-2013" (Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2016), 97.

Masjid Negara.²⁸ Bagi menentukan arah kiblat pada masjid ini, Tunku sendiri telah melaksanakannya.²⁹ Namun begitu, pembinaan Masjid Negara ada dikaitkan dengan penggunaan wang loteri haram oleh Tunku semasa melaksanakannya. Perbincangan ini dapat dilihat melalui Debat Parlimen Dewan Rakyat pada 7 Disember 1959 dan Tunku telah berkata;

“Membuat masjid dengan wang loteri itu haram, saya sendiri berani berkata biarlah saya tanggung dosanya jika negeri ini boleh dapat kebajikan daripada itu, saya tanggung segala-galanya..... Jadi dengan kerana itu, saya kata tidaklah menjadi tegahan bahawa Lottery Board kalau hendak bantu kita, silalah bantu tetapi kita belum dapat bantuan itu daripada Lottery Board”³⁰

Melalui pembinaan Masjid Negara, perkara ini telah menjadikan perkembangan Islam semakin dirasai pada zaman Tunku. Selain itu, Islam dalam pentadbiran Tunku dapat dikesan melalui penubuhan pertubuhan Islam. Antaranya adalah seperti penubuhan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) pada tahun 1960. Tujuan utama penubuhan PERKIM adalah untuk menyebarkan agama Islam dan melaksanakan sesuatu perkara yang dapat menjaga kebajikan rakyat tanpa mengira bangsa atau agama. Hal ini kerana, ia akan dapat mewujudkan penyatuan yang berbilang kaum dalam negara.³¹

²⁸ Masjid Negara dibina sebagai tanda kesyukuran pemimpin dan rakyat kerana negara mencapai kemerdekaan tanpa ada sebarang perperangan. Masjid ini telah dibina atas cadangan Almarhum YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj iaitu Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Ia adalah sebagai lambang semangat dan toleransi rakyat kerana pembinaan masjid ini telah melibatkan semua kaum yang berada di Malaysia. Masjid Negara telah siap dibina pada 27 Ogos 1965. Untuk keterangan lanjut sila lihat, MAMPU, "Masjid Negara," *laman sesawang Islam GRID 2.0 : Obor yang Menyinari Alam*(dicapai 5 Mei 2017), <http://ii.islam.gov.my/mosque/detailed.php?id=1>.

²⁹ Masjid Negara adalah berharga 5 juta yang berkeluasan 13 ekar di Jalan Raja, Kuala Lumpur. Untuk keterangan lanjut sila lihat, Perpustakaan Negara Malaysia, *Bibliografi Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj*, 171.

³⁰ Petikan ini berkaitan dengan duit loteri akan digunakan oleh Tunku Abdul Rahman untuk membina Masjid Negara sekiranya mendapat bantuan daripada Lottery Board. Tetapi Tunku tidak pula menyatakan bahawa beliau telah menerima dan menggunakan duit loteri bagi pembinaan Masjid Negara pada waktu itu. Untuk keterangan lanjut sila lihat, Federation of Malaya, "Parliamentary Debates : Dewan Ra'ayat "(Kuala Lumpur: The Government Press, 7 December 1956), 1282.

³¹ Azilawani, "Penubuhan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim)," *laman sesawang Arkib Negara Malaysia*(dicapai 1 Mei 2018), http://www2.arkib.gov.my/hids/print.php?type=A&item_id=5818.

Selain itu, Islam dalam pentadbiran Tunku dapat dikesan melalui penubuhan Tabung Haji pada tahun 1963.³² Idea bagi penubuhan Tabung Haji adalah suatu cadangan daripada Prof. Diraja Ungku Aziz bin Ungku Abdul Hamid yang merupakan seorang pakar dalam bidang ekonomi. Cadangan ini dibuat supaya dapat menubuhkan satu institusi kewangan yang kukuh bagi mereka yang akan menunaikan haji berdasarkan kepada konsep pelaburan dan keuntungan.³³ Pada ketika itu, idea bagi penubuhan Tabung Haji sangat bersesuaian dengan keperluan pada masyarakat di Malaysia.

Seterusnya, Islam dapat dilihat menerusi penubuhan Pertubuhan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) yang kini dikenali sebagai JAKIM. MKI ditubuhkan setelah diperkenan oleh Majlis Raja-Raja Melayu pada tahun 1968. Pada masa ini, Masjid Negara (1965) dan Ma'had Tahfiz (1966) telah wujud dalam negara.³⁴ Tunku sebagai Perdana Menteri telah dipertanggungjawab untuk menjadi pengurus MKI pada waktu tersebut. Perkara ini adalah selaras dengan kuasa eksekutif Persekutuan yang telah dijelaskan dalam perlembagaan.³⁵ Selaras dengan penubuhan MKI, maka Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia juga ditubuhkan. Penubuhan ini adalah berfungsi sebagai badan fatwa di peringkat kebangsaan untuk menyelesaikan isu-isu hukum yang berkaitan dasar, polisi, program dan aktiviti yang dijalankan di Malaysia.³⁶

³² Tabung Haji, "Tentang Kami," *laman sesawang Tabung Haji*(dicapai 10 Julai 2018), <https://www.tabunghaji.gov.my/ms/korporat/maklumat-korporat/tentang-kami>.

³³ Syahidawati Binti Haji Shahwan, "Pelaburan Lembaga Tabung Haji (Lth) Dalam Sektor Perladangan: 1990-2000" (Tesis master, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003), 27-28.

³⁴ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, "Sejarah," *laman sesawang Majlis Tilawah al-Quran Malaysia*(1 Mei 2018), <http://www.alquran.gov.my/index.php/ms/info-tilawah/sejarah>.

³⁵ Othman Bin Mustapha, "Penubuhan Jakim Penuh Berperlembagaan," *laman sesawang Tanwir*(dicapai 2 Mei 2018), <http://tanwir.my/penubuhan-jakim-penuh-berperlembagaan/>.

³⁶ Zulfaqar Mamat, Mohd Nasran Mohamad, and Hydzulkifli Hashim Omar, "Pengurusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Dan Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri: Satu Analisis Persamaan Dan Perbezaan Fatwa Tahun 2000-2009," *IJMS* 20, no. 2 (2013): 131.

Kemudiannya, terdapat juga program yang dilaksanakan Tunku dengan memberi perhatian dalam aspek agama. Antaranya adalah apabila Malaysia telah menjadi tuan rumah bagi Pertandingan Membaca al-Quran Peringkat Antarabangsa untuk kali yang pertama dan ia telah berlangsung pada 9 Mac 1961. Majlis tilawah yang dilaksanakan ini merupakan program yang julung-julung kalinya dianjurkan di dunia yang telah melibatkan tujuh buah negara. Pertandingan ini merupakan kesinambungan daripada pelaksanaan Pertandingan Membaca al-Quran Peringkat Kebangsaan yang pernah diadakan sebelum itu.³⁷

Di peringkat antarabangsa pula, Tunku mempunyai peranan yang besar kepada agama Islam apabila beliau telah mencadangkan untuk menubuhkan pertubuhan antarabangsa Islam iaitu Organization of Islamic Cooperation (OIC). Penubuhan OIC telah menyebabkan Tunku telah dilantik sebagai Setiausaha Agung OIC yang pertama. Penubuhan organisasi ini adalah untuk mengeratkan perhubungan antarabangsa dalam kalangan negara-negara Islam di seluruh dunia.³⁸

Justeru, perkembangan Islam yang cuba dibawa Tunku tidaklah dilakukan secara menyeluruh. Ini kerana, Islam masih tidak dijadikan sebagai sebuah dasar atau polisi dalam pentadbiran beliau. Program dan pendekatan yang berteraskan Islam yang dilaksanakan Tunku hanyalah dijadikan sebagai syiar dalam agama Islam.

2.3.2 Tun Abdul Razak Hussein (1970-1976)

Tun Razak telah menjawat jawatan sebagai Perdana Menteri melalui suatu proses yang sangat unik dan berbeza jika dibandingkan dengan pelantikan Tunku Abdul Rahman. Bermula tahun 1969, Tun Razak telah dilantik sebagai penggerusi Majlis Gerakan Negara

³⁷ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, "Sejarah".

³⁸ Perdana Leadership Foundation, "Biography of Tunku Abdul Rahman".

(MAGERAN).³⁹ Hal ini berpunca daripada peristiwa 13 Mei 1969 yang telah menyebabkan darurat dan pentadbiran negara telah diserahkan kepada MAGERAN. Secara rasminya pelantikan Tun Razak sebagai Perdana Menteri adalah pada 22 September 1970. Semasa pentadbirannya, apabila beliau melihat keadaan negara telah beransur pulih maka beliau telah mengadakan pilihan raya umum ke 5 pada tahun 1974 dan pada ketika itu telah wujud satu perubahan dari segi struktur politik.⁴⁰ Parti-parti politik telah berada di bawah satu parti iaitu Barisan Nasional (BN) termasuklah Parti Islam PAS.⁴¹ Penggabungan PAS dalam BN adalah merupakan suatu perubahan besar yang dibawa oleh Tun Razak kepada politik di Malaysia.

Perubahan yang berlaku dalam pentadbiran Tun Razak bukan sahaja berlaku dari sudut politik bahkan juga melibatkan kepada perubahan ekonomi di Malaysia. Kemiskinan yang berlaku kepada rakyat Malaysia menyebabkan Tun Razak telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru pada pertengahan 1971 supaya dapat menyusun semula aktiviti ekonomi masyarakat. Sektor ekonomi menjadi semakin pesat dengan penyertaan Bumiputra. Oleh itu, beberapa agensi telah berjaya ditubuhkan seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Nasional (PERNAS)⁴² dan Petronas serta Bank Bumiputra. Kesannya agensi

³⁹ Tun Abdul Razak berusaha untuk menangani peristiwa ini dengan melihat kepada kepentingan politik Melayu, perpaduan kaum dan keamanan Malaysia. Beliau juga telah menujuhan MAGERAN untuk menghalang rusuhan kaum dari menular ke seluruh negara. Tindakan segera diambil sebelum pihak tentera mengambil alih pentadbiran Malaysia. Untuk keterangan lanjut sila lihat, Ishak Saat, "Tun Abdul Razak Hussein: Survival Politik Melayu 1963-1976," *Jurnal Perspektif* 6, no. 3 (2013): 126.

⁴⁰ Kemenangan besar telah dicapai oleh BN dan kejayaan ini telah menyebabkan Tunku Abdul Razak berjaya merangka dasar pembangunan baru untuk menangani masalah kemelesetan ekonomi. Untuk keterangan lanjut sila lihat, Nik Anuar Nik Mahmud, Muhammad Haji Salleh, and Abd. Ghapa Harun, "Article Review: Biografi Tun Abdul Razak: Negarawan Dan Patriot," *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 38, no. 1 (2011): 170.

⁴¹ BN telah ditubuhkan pada 1 Januari 1973 yang telah menggantikan Parti Perikatan. Kemasukan PAS dalam BN adalah suatu langkah yang bijaksana oleh Tun Abdul Razak untuk membentuk ketahanan nasional dan kestabilan politik. Untuk keterangan lanjut sila lihat, Arkib Negara Malaysia, "Tun Razak Penggerak Pembangunan Rakyat/Negara," *laman sesawang Arkib Negara Malaysia*(dicapai 15 Jun 2017), http://www.arkib.gov.my/web/guest/tun-razak-penggerak-pembangunan-rakyat-negara?p_p_id=56_INSTANCE_P9Nx&p_p_lifecycle=0&p_p_state=normal&p_p_mode=view&p_p_col_id=column-inner-3&p_p_col_count=1&page=1.

⁴² MARA telah menggantikan Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA). Untuk keterangan lanjut sila lihat, Perdana Leadership Foundation, "Biography of Tun Abdul Razak," *laman sesawang Perdana Leadership*

seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) dan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) serta Akta Pelaburan 1969 telah ditubuhkan.⁴³ Melalui perubahan yang dibawa oleh Tun Razak, permasalahan ekonomi yang berlaku dapat ditangani dengan baik setelah beliau memberikan tumpuan kepada semua lapisan masyarakat.⁴⁴

Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum, maka Tun Razak telah memperkenalkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Dasar ini dilaksanakan supaya dapat meningkatkan sosioekonomi dan politik negara.⁴⁵ Dasar lain yang diperkenalkan Tun Razak adalah Dasar Pendidikan Kebangsaan yang telah dilancarkan pada tahun 1970. Dasar Pendidikan Kebangsaan telah meletakkan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar yang utama di setiap sekolah. Selain itu, ia juga adalah sebagai suatu alat untuk mengekalkan kemakmuran setiap kaum di Malaysia.⁴⁶ Dalam aspek pendidikan juga, Tun Razak telah berjaya merealisasikan kejayaan yang terbesar apabila Universiti Kebangsaan Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 1970. Aspek pendidikan merupakan perkara yang diberikan perhatian sewaktu pentadbirannya sehingga beliau berjaya menuju Laporan Razak dan Laporan Jawatankuasa Rahman Talib.⁴⁷

Perkara lain yang dititikberatkan sewaktu pentadbiran Tun Razak adalah dengan memberi penekanan kepada pembangunan luar bandar. Penekanan ini telah bermula sebelum

Foundation(dicapai 15 Jun 2017), <http://www.perdana.org.my/pms-of-malaysia/tun-abdul-razak/biography-tunku-abdul-razak>.

⁴³ Ishak Saat, "Tun Abdul Razak Hussein: Survival Politik Melayu 1963-1976," 131.

⁴⁴ Paridah Abd. Samad, *Tun Abdul Razak: Fenomena Politik Malaysia*, ed. terj. Asri Salleh dan Che Hamdan Che Mohd Razali(Kuala Lumpur: Partisan Publication & Distribution, 2009), 99.

⁴⁵ Office of the Prime Minister, "Dasar Kebudayaan Kebangsaan," *laman sesawang Office of the Prime Minister*(dicapai 2 Mei 2018),

http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/04Dasar_Kebudayaan_Kebangsaan.pdf.

⁴⁶ Ishak Saat, "Tun Abdul Razak Hussein: Survival Politik Melayu 1963-1976," 134.

⁴⁷ Nik Anuar Nik Mahmud, Muhammad Haji Salleh, and Abd. Ghapa Harun, "Article Review: Biografi Tun Abdul Razak: Negarawan Dan Patriot," 169.

beliau dilantik menjadi Perdana Menteri. Ini dapat dilihat menerusi pelbagai kemudahan yang dinikmati oleh masyarakat kampung seperti lampu elektrik, air paip, pembukaan jalan-jalan yang baru, klinik kesihatan dan kelas bagi pelajar dewasa.⁴⁸ Melalui usaha ini, suatu agensi kerajaan telah berjaya dibentuk iaitu Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan atau *Federal Land Development Authority* (FELDA) yang bertujuan untuk meningkatkan penggunaan tanah dengan lebih berkesan.⁴⁹ Seterusnya pada 20 Disember 1974, Tun Razak sekali lagi membuat penambahbaikan dalam pembangunan luar bandar setelah menubuhkan Buku Hijau pada peringkat kebangsaan.⁵⁰ Berikutan itu, Tun Razak telah mencapai pelbagai prestasi termasuklah dari aspek sosioekonomi dan sosiopolitik negara dan ini menyebabkan beliau digelar sebagai “Bapa Pembangunan Negara”.

Untuk terus mencapai pembangunan negara, kerajaan tidak terlepas untuk memberi perhatian kepada perhubungan antarabangsa. Oleh itu, Malaysia telah mula memberi tekanan kepada dasar berkecuali dan seterusnya menjadi ahli dalam Pergerakan Negara-Negara Berkecuali atau *Non-Aligned Movement* (NAM) pada tahun 1970.⁵¹ Selain itu, Dasar Luar Malaysia juga ditubuhkan Tun Razak untuk menjaga hubungan diplomatik. Oleh itu, Malaysia mula menjaga hubungan dengan negara-negara komunis seperti China, Soviet Union dan negara-negara Eropah Timur. Tujuannya adalah untuk menunjukkan bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang telah merdeka dan berdaulat di bawah pentadbiran Tun Razak.⁵²

⁴⁸ Kesemua pembangunan ini dapat dilaksanakan dengan baik apabila Tun Razak telah memperkenalkan Buku Merah untuk mengawal semua projek pembangunan yang berlaku di setiap daerah. Untuk keterangan lanjut sila lihat, Perdana Leadership Foundation, "Biography of Tun Abdul Razak".

⁴⁹ Arkib Negara Malaysia, "Tun Razak Penggerak Pembangunan Rakyat/Negara".

⁵⁰ Penubuhan Buku Hijau akan dapat menambahkan pendapatan rakyat yang berada di luar bandar. Untuk keterangan lanjut sila lihat, Perdana Leadership Foundation, "Biography of Tun Abdul Razak".

⁵¹ Ibid.

⁵² Nik Anuar Nik Mahmud, Muhammad Haji Salleh, and Abd. Ghapa Harun, "Article Review: Biografi Tun Abdul Razak: Negarawan Dan Patriot," 170.

Kemerdekaan Malaysia tidak bermakna sekiranya penjawat awam tidak terus meningkatkan profesional mereka dalam pentadbiran. Oleh itu, *Modernisation and Man Power Planning Unit* (MAMPU) telah ditubuhkan oleh kerajaan pada tahun 1972. Penubuhan MAMPU adalah untuk mengukuhkan lagi Agensi Anti Rasuah yang ditubuhkan pada tahun 1970 supaya dapat mengatasi masalah rasuah di kalangan kakitangan awam.⁵³ Setelah itu, kakitangan awam terus diberikan latihan yang baik dan berkesan melalui penubuhan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) pada tahun 1972.⁵⁴

Pentadbiran Tun Razak tidak hanya memberi perhatian kepada pembangunan negara, malah Islam turut dijadikan sebagai asas dalam pentadbiran. Oleh itu, pengaruh Islam dapat dilihat apabila kerajaan tidak lagi menghidangkan arak di majlis-majlis kerajaan. Selain itu, iklan yang berkaitan dengan arak dan loteri telah dihapuskan di televisyen dan azan mula disiarkan di radio dan televisyen.⁵⁵

Seterusnya dalam hal ehwal agama Islam, Tun Razak berusaha menaik taraf MKI kepada Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri (BAHEIS) pada tahun 1974. Perkara ini telah menjadikan BAHEIS mempunyai peranan yang semakin besar dalam negara. Oleh sebab itu, beberapa cawangan baru telah ditubuhkan untuk memastikan ia berfungsi secara berkesan kepada masyarakat supaya dapat menjaga hal ehwal agama Islam.⁵⁶ Islam terus mendapat tempat pada zaman Tun Razak apabila Pusat Penyelidikan Islam (PPI) berjaya

⁵³ "Book Review Biografi Tun Abdul Aziz: Negarawan Dan Patriot," *Kajian Malaysia* 32, no. 1 (2014): 155.

⁵⁴ Pauziah, "Pembukaan Rasmi Kampus Utama Intan, Bukit Kiara," *laman sesawang Arkib Negara Malaysia*(dicapai 3 Mei 2018), http://www2.arkib.gov.my/hids/print.php?type=A&item_id=7359.

⁵⁵ M. Zaidi A. Rahman and Raja Hisyamuddin Raja Sulong, "Politik Islam Meniti 6 Dasawarsa Kemerdekaan Di Malaysia," in *6 Dekad Kemerdekaan: Agenda Menuju Kehadapan*, ed. Abdul Karim Ali and Mohd Roslan Mohd Nor(Selangor: Persatuan Ulamak Malaysia, 2017), 52.

⁵⁶ Othman Bin Mustapha, "Penubuhan Jakim Penuh Berperlembagaan".

ditubuhkan pada Mac 1971 yang bertempat di Masjid Negara. Kini, PPI telah dinaik taraf sebagai Bahagian Penyelidikan di bawah pentadbiran JAKIM.⁵⁷

Selain bidang penyelidikan Islam, Tun Razak juga menekankan kepada kegiatan dakwah di Malaysia. Oleh sebab itu, beliau telah menujuhkan Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia (YADIM) pada 25 Januari 1974. Penubuhan YADIM adalah bertujuan untuk menyelaras kegiatan badan-badan dakwah serta NGO supaya pembawaan mereka sejajar dengan dasar negara dalam menyebarkan dakwah di Malaysia.⁵⁸

Bagi memudahkan program dilaksanakan kepada Pegawai Hal Ehwal Islam, maka Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH) telah ditubuhkan pada April 1974. INDAH kini telah dikenali sebagai Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) yang berada di bawah pentadbiran JAKIM. Institusi inilah yang bertanggungjawab untuk menyediakan kursus, seminar dan latihan kepada Pegawai Hal Ehwal Islam dari agensi agama seluruh Malaysia.⁵⁹

Di peringkat antarabangsa pula, Tun Razak telah mula melibatkan Malaysia apabila Malaysia menganggotai OIC. Perkara ini telah menyebabkan negara mula dikenali sebagai sebuah negara Islam.⁶⁰ Meskipun begitu, pentadbiran Tun Razak masih tidak meletakkan Islam sebagai dasar dan polisi dalam negara. Ini kerana, Islam yang ditonjolkan dalam pentadbiran Tun Razak adalah untuk memenuhi kehendak sepertimana yang terdapat dalam perlembagaan.

⁵⁷ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, "Profil," *laman sesawang Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*(dicapai 2 Mei 2018), <http://www.islam.gov.my/bahagian-perancangan-penyelidikan/745-profil>.

⁵⁸ Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia, "Penubuhan," *laman sesawang Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia*(dicapai 24 April 2018), <http://www.yadim.com.my/v2/tentang-kami/penubuhan/>.

⁵⁹ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, "Sejarah Jakim," *laman sesawang Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*(dicapai 14 Februari 2018), <http://www.islam.gov.my/mengenai-jakim/profil-jakim/sejarah>.

⁶⁰ Perdana Leadership Foundation, "Biography of Tun Abdul Razak".

2.3.3 Tun Hussein Onn (1976-1981)

Tun Hussein telah dilantik sebagai Perdana Menteri yang ketiga pada 15 Januari 1976 iaitu selepas pemergian Tun Abdul Razak. Setelah diberi kuasa memimpin negara, beliau bertekad untuk melakukan perubahan yang besar dalam pentadbirannya. Oleh itu, beliau telah memberi perhatian yang sepenuhnya dalam pembangunan negara dan terus berusaha untuk mengukuhkan perpaduan antara kaum.⁶¹ Atas sebab itu, beliau telah digelar sebagai “Bapa Perpaduan” kerana telah mewujudkan perpaduan antara kaum dalam masyarakat di Malaysia. Gelaran ini adalah bersesuaian dengan kata-kata beliau iaitu “Perpaduan negara adalah permulaan untuk membentuk negara pada masa akan datang”.⁶²

Untuk terus mewujudkan perpaduan antara kaum, Tun Hussein hanya menumpukan kepada dasar-dasar negara kerana ia dapat memulihkan kembali ketidakseimbangan ekonomi antara kaum. Oleh itu, beliau telah meneruskan dasar yang telah diperkenalkan oleh Tun Abdul Razak iaitu melalui pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.⁶³ Selaras dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, Tun Hussein telah melancarkan Skim Amanah Saham Nasional (ASN) pada 20 April 1981.⁶⁴ Selain itu, beliau juga telah memperkenalkan satu lagi tabung amanah yang dinamakan sebagai Amanah Saham Bumiputra. Kedua-dua tabung ini ditubuhkan

⁶¹ S. Hashim Ahmad, *Tun Hussein Onn: Potret Seorang Negarawan* (Kuala Lumpur: Revolusi Rekaria Sdn. Bhd, 2009), 23.

⁶² Hamidun Abd. Hamid, *Tun Hussein Onn: Bapa Perpaduan/Father of Unity*(Malaysia: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, 2006), 127.

⁶³ Perdana Leadership Foundation, "Biography of Tun Hussein Onn," *laman sesawang Perdana Leadership Foundation*(dicapai 11 Julai 2017), <http://www.perdana.org.my/pms-of-malaysia/tun-hussein-onn/biography-tun-hussien-onn>.

⁶⁴ Penubuhan ASN adalah untuk menggalakkan kaum Bumiputra menabung menerusi pembelian saham dan ia merupakan satu dana amanah bumiputra bagi meningkatkan ekuiti bumiputra dalam ekonomi negara. Untuk keterangan lanjut sila lihat, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, "Sejarah Tun Hussein Bin Dato' Onn," *laman sesawang Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*(dikemaskini 19 Januari 2010), <http://www.uthm.edu.my/v2/content/view/500/269/lang.ms/>.

supaya dapat meningkatkan pemilikan saham oleh Bumiputra dalam syarikat swasta.⁶⁵ Ini adalah antara idea yang dilaksanakan oleh Tun Hussein untuk memperbaiki ekonomi antara kaum terutama kaum Bumiputra yang telah jauh ketinggalan.

Seterusnya, dasar lain yang diteruskan oleh Tun Hussein melalui usaha Tun Abdul Razak adalah Dasar Pendidikan Kebangsaan⁶⁶ dan Dasar Luar Negara. Pendidikan adalah suatu perkara yang telah diberikan perhatian yang sewajarnya oleh Tun Hussein. Oleh itu, kerajaan berusaha menyediakan pelbagai kemudahan untuk meningkatkan pendidikan rohani, jasmani serta sains dan teknologi. Selain itu, kerajaan telah mula menambah jumlah universiti tempatan dan berusaha mendapatkan tempat bagi pelajar-pelajar Malaysia untuk menuntut di universiti luar negara.⁶⁷

Melalui Dasar Luar Negara pula, Tun Hussein telah membina hubungan yang rapat bersama negara-negara ASEAN seperti Indonesia, Thailand, Singapura, Brunei dan Filipina..⁶⁸ Perkara utama yang diberi perhatian dalam hubungan ini adalah keamanan bagi setiap negara.⁶⁹ Hubungan ini terus terjalin apabila satu sidang kemuncak negara-negara ASEAN telah diadakan di Bali, Indonesia. Pada masa ini, negara-negara ASEAN telah meluluskan satu piagam yang disebut sebagai ‘Pengisytiharan Bali’ pada tahun 1976.⁷⁰

⁶⁵ Ku Hasnan Bin Ku Halim, "Berkhidmat Untuk Negara Tun Hussein Onn Legasi Pola Kepimpinan Dan Kepengurusan Kepada Bangsa Dan Negara," in *Persidangan Kebangsaan Pengurusan Kepimpinan Sistem Pengurusan Sumber Manusia*(Kuala Lumpur25-27 Oktober 2009), 9-10.

⁶⁶ Penggunaan bahasa yang sama iaitu Bahasa Melayu dalam kurikulum telah berjaya diteruskan oleh Tun Huseein dengan mengangkat Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam pendidikan Malaysia sehingga ia diiktiraf di sekolah-sekolah. Untuk keterangan lanjut sila lihat, Segahran A/L Appoo, "Tun Hussein Onn (1922-1990): Peranannya Dalam Pembangunan Negara Malaysia" (Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009), 472.

⁶⁷ Abdul Majid, *Bersatu*(Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan, Kementerian Penerangan, 1977), 12-13.

⁶⁸ Negara-negara ASEAN adalah Indonesia, Thailand, Singapura, Brunei dan Filipina.

⁶⁹ Ku Hasnan Bin Ku Halim, "Berkhidmat Untuk Negara Tun Hussein Onn Legasi Pola Kepimpinan Dan Kepengurusan Kepada Bangsa Dan Negara," 11.

⁷⁰ Arkib Negara Malaysia, *Katalog Bahan-Bahan Sudut Wira Tun Hussein Onn*(Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1995), 9.

Walaupun Tun Hussein banyak meneruskan dasar yang telah dibangunkan oleh Tun Abdul Razak, namun beliau tetap membina kejayaan sendiri dalam pentadbirannya. Kejayaan ini adalah melalui pilihan raya yang dipertandingkan pada 11 Mac 1978. Melalui pilihan raya ini, BN telah berjaya memenangi majoriti kerusi di Kelantan dan sekaligus berjaya menguasai negeri Kelantan.⁷¹ Penguasaan ini berjaya diperoleh BN setelah hampir 18 tahun PAS memerintah negeri Kelantan bermula tahun 1959. Selepas berlakunya peralihan kuasa, PAS menjadi semakin lumpuh dalam pentadbirannya kerana PAS telah kehilangan kuasa yang besar dalam negara.⁷²

Meskipun pentadbiran Tun Hussein merupakan suatu pentadbiran yang singkat, namun beliau tetap memasukkan elemen-elemen Islam dalam pentadbirannya. Ini dapat dilihat apabila beliau telah mengadakan program yang bercirikan nilai-nilai Islam. Program ini dinamakan sebagai bulan dakwah dan ia telah berjaya dilaksanakan di seluruh negara oleh Jabatan Agama Islam.⁷³

Selain itu, Islam dalam pentadbiran Tun Hussein dapat dikesan dalam bidang pendidikan. Ini kerana, beliau telah membuka peluang yang luas untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang agama. Perkara ini bertujuan untuk menghindarkan golongan muda daripada terpengaruh dengan perkara yang meruntuhkan akhlak sebagai seorang manusia.⁷⁴ Kemudiannya, bidang pendidikan juga telah memasukkan elemen-elemen Islam apabila Maktab Perguruan Islam (MPI) telah ditubuhkan secara rasmi pada 25 April 1977. Pada masa

⁷¹ Ku Hasnan Bin Ku Halim, "Berkhidmat Untuk Negara Tun Hussein Onn Legasi Pola Kepimpinan Dan Kepengurusan Kepada Bangsa Dan Negara," 9.

⁷² Mokhtar Bin Muhammad, "Dasar Tun Abdul Razak, Dato' Hussein Onn Dan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad Dari 1970-1990: Kesinambungan Dan Perubahan" (Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1998), 217.

⁷³ Ahmad Atory Husin, "Islam Hadhari: Suatu Kesinambungan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam Selepas Era Tun Dr. Mahathir Mohamad," *Journal of ethics, legal and governance* 2(2006): 6.

⁷⁴ Haji Abdul Majid, ed., *Bersatu* (Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan, Kementerian Penerangan, 1977), 12-13.

sekarang, MPI telah dinamakan sebagai Institut Pendidikan Guru (IPG) setelah melakukan beberapa proses naik taraf.⁷⁵

Seterusnya, pendidikan yang berteraskan Islam terus diterapkan kepada masyarakat apabila Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) ditubuhkan pada tahun 1977. Ia bermula apabila Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambil alih 11 buah Sekolah Agama Negeri dan Rakyat. Pada masa ini, KPM telah bekerjasama dengan sekolah agama yang sebelum ini hanya mempunyai mata pelajaran Pengajian Islam dan Bahasa Arab. Kemudiannya, ia telah diselaraskan dengan sekolah menengah harian yang mempunyai mata pelajaran akademik seperti Sains, Matematik, Sejarah dan lain-lain.⁷⁶ Ini merupakan suatu proses yang berlaku kepada kewujudan SMKA kerana pada awalnya ia hanya terletak di bawah bidang kuasa negeri.

Secara ringkasnya, semasa pentadbiran Tun Hussein Islam hanya dapat dilihat apabila beliau memasukkan elemen Islam dalam program bulan dakwah dan bidang pendidikan. Namun secara jelasnya, dasar-dasar yang dilaksanakan langsung tidak memberi perhatian kepada Islam. Ini menunjukkan bahawa, Islam yang dibawa dalam pentadbiran Tun Hussein tidak mempengaruhi dasar yang diperkenalkannya.

⁷⁵ Fatimah, "Sultan Selangor Merasmikan Maktab Perguruan Islam Bangi," *laman sesawang Arkib Negara Malaysia*(dicapai 2 Mei 2018),

http://www2.arkib.gov.my/hids/readarticle.php?article_id=8623&y=2017&m=12.

⁷⁶ Kementerian Pendidikan Malaysia, "Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (Smka): Pengenalan," *laman sesawang Kementerian Pendidikan Malaysia*(dicapai 24 April 2018),
<https://www.moe.gov.my/index.php/my/soal-selidik/183-murid-pelajar/sekolah/1590-sekolah-menengah-kebangsaan-agama-smka>.

2.3.4 Tun Dr. Mahathir Mohamad (1981-2003)

Tun Dr. Mahathir telah dilantik sebagai Perdana Menteri keempat pada 16 Julai 1981 selepas Tun Hussein Onn meletakkan jawatan akibat daripada masalah kesihatan.⁷⁷ Beliau merupakan Perdana Menteri yang paling lama dilantik iaitu selama 22 tahun dan sekaligus merupakan pemimpin negara yang paling lama di Asia Tenggara. Pelbagai pembangunan yang berjaya dilaksanakan oleh Tun Dr. Mahathir dan ini menjadikan Malaysia mula dipandang di mata dunia. Antaranya adalah menerusi pembangunan seperti *Kuala Lumpur City Centre* (KLCC), Menara Berkembar PETRONAS, *Kuala Lumpur International Airport* (KLIA), *Multimedia Super Corridor* (MSC)⁷⁸ dan Wawasan 2020.⁷⁹ Beliau telah membuat pelbagai pembaharuan dalam agenda pembangunan negara sehingga digelar sebagai ‘Bapa Pemodenan’ di Malaysia.

Di bawah pentadbiran Tun Dr. Mahathir, terdapat usaha yang banyak untuk membangunkan kemajuan ekonomi antaranya adalah Rancangan Pembangunan Lima Tahun, Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Negara. Dasar-dasar yang telah diperkenalkan ini telah diperbaharui oleh Tun Dr. Mahathir setelah menjadi Perdana Menteri.⁸⁰ Untuk terus mencapai kemajuan ekonomi di Malaysia, Dr Mahathir telah memasukkan dasar-dasar yang baru dalam pentadbirannya contohnya adalah Dasar Pensyarikatan Malaysia, Dasar

⁷⁷ Perdana Leadership Foundation, "Biography of Tun Hussein Onn".

⁷⁸ "Biography of Tun Dr. Mahathir Mohamad," *laman sesawang Perdana Leadership Foundation*(dicapai 23 Julai 2017), <http://www.perdana.org.my/pms-of-malaysia/tun-dr-mahathir-mohamad/biography-tun-dr-mahathir-mohamad>. Untuk keterangan lanjut sila lihat, Pusat Maklumat Rakyat, "Tun Dr. Mahathir Mohamad ", *laman sesawang portal Pusat Maklumat Rakyat (Portal PMR)*(dicapai 23 Julai 2017), <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/umum/13758-tun-dr-mahathir-mohamad.html>.

⁷⁹ Wawasan 2020 adalah merupakan satu cita-cita Tun Dr. Mahathir yang bermatlamat untuk mencapai pembangunan dengan persekitaran yang seimbang.

⁸⁰ Malike Brahim and Ahmad Atory Husin, "Politik Pentadbiran Di Malaysia: Penilaian Pegawai Awam Terhadap Dasar Politik Dan Kepimpinan Nasional," Universiti Teknologi Malaysia(2006): 92-93.

Penswastaan,⁸¹ Dasar Perindustrian Negara dan Dasar Pertanian Negara.⁸² Dalam usaha mencapai kemajuan ekonomi, maka jumlah penduduk ingin dibesarkan. Oleh itu, Tun Dr. Mahathir menetapkan jumlah penduduk perlu ditambah kepada 70 juta orang pada tahun 2100 menerusi Dasar Kependudukan Negara.⁸³

Dalam urusan hal ehwal antarabangsa pula, Tun Dr. Mahathir telah meneruskan Dasar Luar Malaysia dalam pentadbirannya. Dasar yang dilaksanakan ini terdapat sedikit perubahan apabila beliau telah memperkenalkan Dasar Pandang ke Timur.⁸⁴ Dasar ini telah melibatkan Malaysia ke dalam dunia Islam dan berinteraksi di dalam sistem ekonomi antarabangsa.⁸⁵ Pelaksanaan Dasar Pandang ke Timur adalah untuk menjaga hubungan baik dengan negara luar akibat daripada pelaksanaan Dasar Buy British Last yang telah menyebabkan hubungan dengan Britain semakin merosot. Dasar Buy British Last juga turut mengakibatkan hubungan diplomatik antara Malaysia dan Britain terjejas termasuklah hubungan dengan negara Komanwel.⁸⁶

Tun Dr. Mahathir terus memberikan pandangan yang berat terhadap Islam dengan memasukkannya ke dalam agenda pentadbirannya. Ini dapat dikesan melalui kempen Bersih,

⁸¹ Kedua-dua dasar ini bertujuan untuk meringankan beban kerajaan dari segi kewangan, sumber manusia, pengurusan, tidak terikat dengan birokratik dan latihan. Tun Dr. Mahathir mahu melahirkan ramai jutawan, usahawan dan korperat Melayu yang berasaskan kepada perniagaan. Untuk keterangan lanjut sila lihat, Jamaie Haji Hamil, "Kepimpinan Politik: Pola Kepimpinan Politik Umno," *Akademika* 62(Januari 2003): 33.

⁸² Dasar Perindustrian Negara dan Dasar Pertanian Negara yang akan membawa Malaysia sebagai sebuah negara maju melalui perkembangan ekonomi yang pesat. Untuk keterangan lanjut sila lihat, Mokhtar Bin Muhammad, "Dasar Tun Abdul Razak, Dato' Hussein Onn Dan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad Dari 1970-1990: Kesinambungan Dan Perubahan," 400-01.

⁸³ Ibid., 412.

⁸⁴ Selepas Tun Dr. Mahathir memperkenalkan Dasar Buy British Last, beliau mewujudkan Dasar Pandang ke Timur dengan memperkenalkan budaya kerja masyarakat Jepun dan Korea. Masyarakat Malaysia harus mengikut budaya kerja mereka untuk meningkatkan kualiti dan etika kerja. Untuk keterangan lanjut sila lihat, Pusat Maklumat Rakyat, "Tun Dr. Mahathir Mohamad".

⁸⁵ Mokhtar Bin Muhammad, "Dasar Tun Abdul Razak, Dato' Hussein Onn Dan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad Dari 1970-1990: Kesinambungan Dan Perubahan," 436.

⁸⁶ Mohd Afendi Daud and Junaidi Awang Besar, "Mahathir Dan Berakhirnya Dasar Aperteid Di Afrika Selatan," *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space* 12, no. 6 (2016): 126.

Cekap dan Amanah, Kepimpinan Melalui Teladan⁸⁷ dan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam. Ketiga-tiga pendekatan ini adalah untuk membentuk masyarakat yang mempunyai tanggungjawab yang besar dengan berpandukan kepada nilai-nilai murni dalam agama.⁸⁸

Namun begitu, apabila Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam diperkenalkan telah mendatangkan rasa tidak selesa kepada masyarakat bukan Islam. Oleh itu, Tun Dr. Mahathir telah menegaskan bahawa dasar ini tidak melanggar Perlembagaan Persekutuan kerana Islam diiktiraf sebagai agama rasmi dalam negara.⁸⁹ Malah, nilai-nilai yang diterapkan dalam dasar ini adalah bersifat praktikal dan fundamental yang mengikut kepada keperluan asas dalam negara.⁹⁰

Melalui Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam juga, Tun Dr. Mahathir telah menubuhkan banyak institusi pemikiran dan ekonomi Islam. Antaranya adalah dengan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Bank Islam yang pertama kalinya ditubuhkan dan mula beroperasi pada 1 Julai 1983. Penubuhan kedua-dua institusi ini adalah untuk meningkatkan taraf pendidikan dan ekonomi masyarakat Islam.⁹¹ Selain itu, dari aspek pendidikan Tun Dr. Mahathir telah menubuhkan beberapa institusi Islam selain daripada UIAM.⁹²

⁸⁷ Tun Dr. Mahathir menggalakkan supaya setiap pemimpin dan ketua dapat menunjukkan teladan, contoh dan nilai yang baik kepada pegawai bawahan dan rakyat. Untuk keterangan lanjut sila lihat, Malike Brahim and Ahmad Atory Husin, "Politik Pentadbiran Di Malaysia: Penilaian Pegawai Awam Terhadap Dasar Politik Dan Kepimpinan Nasional," 109.

⁸⁸ Jamaie Haji Hamil, "Kepimpinan Politik: Pola Kepimpinan Politik Umno," 32.

⁸⁹ Tujuan utama penubuhan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam adalah untuk menggalakkan umat Islam dalam mengamalkan nilai-nilai Islam dan bukan Islam pula mengamalkan nilai-nilai mulia. Nilai-nilai yang dimaksudkan adalah seperti kebersihan kejujuran, amanah, kebahagiaan yang mana nilai-nilai tersebut terdapat dalam semua agama. Untuk keterangan lanjut sila lihat, Mohd Rumaizuddin Ghazali, *Pembangunan Islam Di Malaysia Dalam Era Mahathir*, 90-95.

⁹⁰ Ahmad Sunawari Long, "Islam Di Malaysia: Era Mahathir," in *Islam Pasca Kemerdekaan*, ed. Mazlan Ibrahim and Kamarudin Salleh(Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd, 2008), 11.

⁹¹ Mokhtar Bin Muhammad, "Dasar Tun Abdul Razak, Dato' Hussein Onn Dan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad Dari 1970-1990: Kesinambungan Dan Perubahan," 365-66.

⁹² Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) sekarang dikenali sebagai Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), KUSZA sekarang dikenali sebagai Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Kolej Universiti Insaniah

Islam terus berkembang dalam pentadbiran Tun Dr. Mahathir apabila BAHEIS telah dinaik taraf kepada sebuah jabatan yang dikenali sebagai JAKIM. Peranan JAKIM adalah sebagai badan perancang dan penyelaras kepada hal ehwal Islam di peringkat kebangsaan. Selain itu, JAKIM juga mempunyai fungsi di peringkat antarabangsa melalui kerjasama dengan luar negara dan badan-badan antarabangsa yang lain untuk memartabatkan syiar Islam di Malaysia.⁹³

Islam pada zaman Tun Dr. Mahathir sangat unik kerana banyak tekanan yang diterima semasa pentadbirannya. Ini telah menyebabkan idea tentang Islam telah berkembang melalui jalinan politik dan juga *Non-Governmental Organisations* (NGO) Islam. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) antara gerakan yang telah memberikan tekanan yang sangat kuat dalam Islam.⁹⁴ Pelbagai pergolakan yang berlaku pada ABIM kerana keinginan kepada Islam yang sangat kuat pada zaman Tun Dr. Mahathir. Oleh itu, ABIM telah melakukan perubahan yang besar dengan menonjolkan idealisme negara Islam dan terus menentang fahaman yang bersifat modenisme dan sekularisme.⁹⁵ ABIM mengambil pendekatan yang serius terhadap Islam dan telah menjadikan Islam sebagai asas dalam falsafah dan perjuangannya.⁹⁶

Perjuangan ABIM telah diketuai oleh Anwar Ibrahim dan pada masa ini beliau tidak terlibat dengan mana-mana parti politik. Pada tahun 1982, Tun Dr. Mahathir telah membawa

(KUIN) di Kedah dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) di Selangor. Untuk keterangan lanjut sila lihat, Mohd Rumaizuddin Ghazali, *Pembangunan Islam Di Malaysia Dalam Era Mahathir*, 298.

⁹³ Othman Bin Mustapha, "Penubuhan Jakim Penuh Berperlembagaan".

⁹⁴ Joseph Chinyong Liow and Afif Pasuni, "Islam, the State and Politics in Malaysia," in *Routledge Handbook of Contemporary Malaysia*, ed. Meredith L. Weiss(London and New York: Routledge Taylor and Francis Group, 2015), 52.

⁹⁵ ABIM telah ditubuhkan pada 8 Ogos 1971. Kewujudannya telah menarik minat beberapa ahli PAS dan menyokong pembawakan ABIM untuk menegakkan negara Islam. Untuk keterangan lanjut sila lihat, Shukri Ahmad, "Implikasi Pengaruh Ulama Terhadap Halatuju Perubahan Pemikiran Politik Masyarakat Islam Wilayah Utara Semenanjung Malaysia Dari Tahun 1950an Hingga 1990an," *Jurnal Usuluddin* 14(2001): 106.

⁹⁶ Mahayudin Haji Yahaya, "Pembangunan Negara Dari Perspektif Islam," in *Islam Dan Pembangunan Negara*, ed. Mahayudin Haji Yahaya (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1986), 211.

Anwar Ibrahim untuk menyertai UMNO.⁹⁷ Penglibatan Anwar Ibrahim dalam UMNO telah membawa perubahan yang besar kepada politik negara. Ini kerana beliau telah berjaya mempengaruhi polisi dan hal ehwal Islam dalam UMNO dan kerajaan.⁹⁸ Oleh itu, wujud permasalahan antara PAS dan UMNO kerana kedua-dua parti mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk memartabatkan Islam.⁹⁹ Namun begitu, kuasa yang ada pada kerajaan telah digunakan dengan sebaiknya oleh UMNO supaya dapat meneruskan legitimasi. Hasilnya, wujud pendekatan Islamisasi di Malaysia dengan kepelbagaian dasar untuk menaikkan imej Islam.

Justeru, terdapat perbezaan yang dibawa semasa zaman Tun Dr. Mahathir. Hal ini kerana, Islam telah mula mendapat tempat menerusi polisi dan dasar negara. Penerangan dalam bahagian ini hanyalah sehingga zaman Tun Dr. Mahathir sahaja kerana pelaksanaan Islam Hadhari adalah pada zaman Tun Abdullah. Bagi mengetahui dengan lebih lanjut tentang Islam Hadhari, maka bahagian yang seterusnya ini akan menerangkan berkaitan dengan pendekatan Islam Hadhari di bawah pentadbiran Tun Abdullah.

2.4 Pendekatan Islam Hadhari dalam Pentadbiran Tun Abdullah Ahmad Badawi (2003-2009)

Tun Abdullah telah dilantik sebagai Perdana Menteri pada 31 Oktober 2003 setelah Tun Dr. Mahathir bersara. Semasa pentadbiran Tun Abdullah, beliau telah menunjukkan sebuah pentadbiran yang agak berbeza daripada empat orang Perdana Menteri sebelumnya.¹⁰⁰ Antaranya ialah apabila beliau telah memperkenalkan beberapa konsep yang baru seperti

⁹⁷ Ooi Kee Beng, "Mahathir as Muslim Leader," *Southeast Asian Affairs* (2006): 172.

⁹⁸ Mohd Rumaiuzzuddin Ghazali, *Pembangunan Islam Di Malaysia Dalam Era Mahathir*, 89-91.

⁹⁹ Zainal Kling, "Islam Di Malaysia," in *Islam Di Malaysia Dan Sastera Nusantara*, ed. Hamzah Hamdani(Kuala Lumpur: Gapeniga Sdn Bhd, 2005), 16-18.

¹⁰⁰ Perdana Leadership Foundation, "Biography of Tun Abdullah Ahmad Badawi," *laman sesawang Perdana Leadership Foundation*(dicapai 30 November 2017), <http://www.perdana.org.my/pms-of-malaysia/tun-abdullah-ahmad-badawi/biography-tun-abdullah-amad-badawi>.

Misi Nasional, Pelan Integriti Nasional, Pembangunan Koridor Ekonomi, Islam Hadhari dan Pembangunan Modal Insan.¹⁰¹ Penekanan yang diberikan kepada pembangunan modal insan telah menyebabkan beliau digelar sebagai “Bapa Pembangunan Modal Insan”.

Setelah beberapa bulan Tun Abdullah menjadi Perdana Menteri, maka PRU ke-11 telah diadakan pada Mac 2004. Pada PRU kali ini, Islam Hadhari telah dijadikan sebagai salah satu manifesto Barisan Nasional di peringkat Nasional dan juga di negeri Terengganu.¹⁰² Melalui manifesto ini, Barisan Nasional telah membawa kemenangan yang besar dan sekaligus mendapat peratus undi majoriti yang tertinggi dalam sejarah pilihan raya. Barisan Nasional telah mencapai kemenangan sebanyak 90 peratus daripada 219 kerusi yang dipertandingkan di Parlimen.¹⁰³ Kemenangan besar yang telah dicapai oleh Barisan Nasional adalah kerana kelainan yang dibawa dalam PRU pada waktu itu. Kecenderungan Tun Abdullah untuk melaksanakan Islam Hadhari akan dibincangkan dalam bahagian yang seterusnya ini.

2.4.1 Latar Belakang Islam Hadhari

Pelaksanaan Islam Hadhari mempunyai kaitan dengan pergolakan yang berlaku di peringkat antarabangsa. Pergolakan telah tercetus akibat daripada peristiwa 11 September 2001 yang berlaku di Amerika Syarikat. Peristiwa ini telah mengakibatkan munculnya fenomena Islamophobia di negara Barat.¹⁰⁴ Perkara ini telah menyebabkan imej Islam dicemari apabila Islam telah dianggap pengganas oleh orang bukan Islam. Oleh itu, penerangan berkaitan

¹⁰¹ Pejabat Tun Abdullah Ahmad Badawi, "Biografi Tun Abdullah Ahmad Badawi," *laman sesawang Laman Web Rasmi Pejabat Tun Abdullah Ahmad Badawi*(dicapai 25 April 2017), http://www.ptab.jpm.my/ptab/portal/index.php?r=biografi/index&page=perdana_menteri&menu=3&submenu=4#.WP9VBmmGPIU.

¹⁰² Sivamurugan Pandian, *Abdullah Ahmad Badawi: Satu Tahun Di Putrajaya* 137.

¹⁰³ *Abdullah Ahmad Badawi: Tiga Tahun Di Putrajaya*(Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, 2007), 62.

¹⁰⁴ Lawrence Davidson, "Islamophobia, the Israel Lobby and American Paranoia: Letter from America," *Holy Hand Studies* 10, no. 1 (2011): 87.

Islam Hadhari telah dilakukan oleh Tun Abdullah ke pelbagai negara sama ada di negara Islam dan bukan Islam. Tujuannya adalah untuk menjelaskan tentang Islam merupakan agama yang damai dan menentang keganasan.¹⁰⁵ Penerangan ini juga dapat dilihat dalam ucapan Tun Abdullah ketika beliau berucap di United Kingdom:

*In malaysia, we believe that this compulsion to act because of religion can be directed towards good, towards progress, towards development. We call this approach islam hadhari, literally civilisational islam, or an approach towards a progressive islamic civilisation. It is an approach that values substance and not form. It is an approach that seeks to make muslims understand that progress is enjoined by islam. It is an approach that is compatible with modernity and yet firmly rooted in the noble values and injunctions of islam. It posits ten fundamental principles which muslim countries must demonstrate.*¹⁰⁶

Peristiwa 11 September telah menyebabkan Islam dipandang negatif oleh orang bukan Islam. Oleh sebab itu, Tun Abdullah cuba memberikan penerangan tentang Islam Hadhari di pelbagai negara. Ini adalah untuk menjelaskan bahawa Islam dapat membawa manusia mencapai pembangunan melalui ketamadunan. Pelaksanaan Islam Hadhari adalah berbeza dengan Islam yang diperkatakan sebagai Islamophobia kerana Islam Hadhari mempunyai nilai-nilai mulia untuk dilaksanakan dalam kehidupan.

Pelaksanaan Islam Hadhari adalah selaras dengan dasar-dasar negara yang dilaksanakan pada masa kini untuk dicapai pada masa hadapan sepertimana Wawasan 2020, Dasar Pembangunan Negara dan sebagainya.¹⁰⁷ Namun, pendekatan Islam Hadhari bukanlah

¹⁰⁵ Azlan R. Yahaya, "Islam Hadhari: An Ideological Discourse Analysis of Selected Speeches by Umno President and Malaysia Prime Minister Abdullah Ahmad Badawi" (Tesis kedoktoran, Ohio University, 2012), 163.

¹⁰⁶ Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, "The Oxford Centre for Islamic Studies (01-10-2004)," *laman sesawang Koleksi Arkib Ucapan Ketua Eksekutif*(dicapai 7 Julai 2018), <http://www.pmo.gov.my/ucapan/index.php?qt=CIVILISATIONAL%20ISLAM&m=p&p=all&id=2897>.

¹⁰⁷ "Umno General Assembly 2004 (23 September 2004)," *laman sesawang Koleksi Arkib Ucapan Ketua Eksekutif*(dicapai 22 April 2017), <http://www.pmo.gov.my/ucapan/index.php?qt=islam%20%20hadhari&m=p&p=all&id=2893>.

suatu dasar kerana Islam Hadhari tidak diisytiharkan sebagai dasar dalam negara.¹⁰⁸ Oleh itu, pendekatan Islam Hadhari yang dilaksanakan di Malaysia adalah untuk mengelementasikan dasar-dasar yang lain supaya tidak menimbulkan konflik antara pelbagai kaum.

Pendekatan Islam yang diperkenalkan Tun Abdullah bukanlah suatu pendekatan yang baru kerana Perdana Menteri sebelum beliau turut memberi perhatian terhadap Islam. Contohnya adalah seperti Tun Dr. Mahathir yang telah mewujudkan dasar Islamisasi dalam pentadbirannya.¹⁰⁹ Hal ini menunjukkan bahawa Tun Abdullah bukanlah orang pertama yang memasukkan pembawaan Islam dalam pentadbiran negara. Bahkan, beliau telah meneruskan pembawaan ini dan memasukkannya dalam pendekatan Islam Hadhari kerana bersesuaian dengan keadaan di Malaysia.¹¹⁰

Apabila Tun Abdullah memperkenalkan pendekatan Islam Hadhari, beliau ingin menggabungkan beberapa elemen dalam pelaksanaannya. Hal ini menyebabkan beliau telah menumpukan kepada pembangunan masyarakat dan negara dengan memberi keseimbangan antara aspek spiritual dan fizikal. Oleh sebab itu, beliau telah memfokuskan kepada perkara yang berkaitan dengan wahyu Allah untuk diserap dalam pembangunan negara.¹¹¹

Hasrat Tun Abdullah dalam pendekatan Islam Hadhari pada tanggapan Chamil Wariya adalah kerana hasil daripada latar belakang pendidikan Islam yang diterima beliau semenjak kecil. Ini kerana, beliau merupakan seorang pemimpin yang telah dididik dengan pendidikan agama dan dibesarkan dalam keluarga yang mempunyai latar belakang sebagai

¹⁰⁸ Muhd. Syukri Salleh, "Islam Hadhari Di Malaysia: Versi Dan Elemen Pembangunan Berteraskan Islam," in *Abdullah Ahmad Badawi Satu Tahun Di Putrajaya*, ed. Sivamurugan Pandian(Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, 2005), 135.

¹⁰⁹ Sivamurugan Pandian, *Legasi Mahathir*(Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2005), 167.

¹¹⁰ Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, "Umno General Assembly 2004 (23 September 2004)".

¹¹¹ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), *Pembangunan Islam Di Malaysia 3*.

seorang ulama dan juga guru agama.¹¹² Keinginan Islam yang amat kuat dalam diri Tun Abdullah telah berjaya menghasilkan pendekatan Islam Hadhari pada tahun 2004 setelah setahun beliau mentadbir negara.¹¹³

Tun Abdullah berusaha untuk meluaskan pendekatan Islam Hadhari dengan memberi tumpuan kepada pembangunan umat Islam. Hal ini kerana, umat Islam pada ketika itu tidak menitikberatkan soal tamadun dalam diri mereka.¹¹⁴ Maka melalui pendekatan Islam Hadhari, tamadun Islam yang ingin dicapai dapat diaplikasikan kepada seluruh masyarakat di Malaysia. Oleh itu, perbincangan yang selanjutnya akan membincangkan tentang istilah Islam Hadhari secara lebih terperinci.

2.4.2 Istilah Islam Hadhari

Istilah Islam Hadhari mempunyai dua perkataan iaitu Islam dan Hadhari. Oleh itu, bahagian ini akan menerangkan dengan lebih terperinci tentang istilah Islam, Hadhari dan Islam Hadhari. Penerangannya adalah seperti berikut:

a) Islam

Istilah Islam bukanlah suatu perkataan yang asing di Malaysia. Ini kerana, Islam adalah sebagai agama rasmi yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan 1957.¹¹⁵ Setelah itu,

¹¹² Tun Abdullah adalah seorang pelajar di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Pada masa ini beliau banyak terdedah dengan pemikiran tokoh-tokoh Islam yang terkemuka seperti al-Ghazali iaitu seorang pemikir yang besar dalam sejarah pemikiran Islam dan as-Syafie iaitu salah seorang pengasas kepada mazhab yang empat. Untuk keterangan lanjut sila lihat, Chamil Wariya, *Potret Peribadi Abdulllah Ahmad Badawi* (Kuala Lumpur: Media Global Matrix Sendirian Berhad, 2006), 93-94.

¹¹³ Kejayaan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam yang diperkenalkan pada tahun 1985 telah mendorong pihak kerajaan memperkuatkhan penghayatan Islam di kalangan masyarakat sebagai suatu cara hidup yang menyeluruh. Bagi menyuntik kefahaman dan penghayatan misi ini, maka pada tahun 2004, pendekatan Islam Hadhari telah diperkenalkan. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Jakim 4 Dekad: Memacu Transformasi Pengurusan Hal Ehwal Islam*(Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2012), 180.

¹¹⁴ Ahmad Atory Husin, "Islam Hadhari: Suatu Kesinambungan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam Selepas Era Tun Dr. Mahathir Mohamad," 6.

¹¹⁵ Islam telah berjaya diletakkan sebagai agama bagi Persekutuan apabila UMNO-Perikatan telah memberi cadangan melalui memorandumnya. Ini telah dijadikan sebagai asas dalam Laporan Suruhanjaya Reid dan

Islam juga turut diperjuangkan oleh parti politik untuk dimasukkan dalam sebuah pentadbiran. Hal ini menyebabkan perjuangan terhadap Islam semakin kuat kerana kuantiti penduduk Islam yang paling ramai di Malaysia. Oleh sebab itu, Islam telah dijadikan sebagai asas perjuangan dalam politik kerana hasrat masyarakat yang mahukan Islam untuk terus berkembang.¹¹⁶ Akhirnya, Islam berada dalam pentadbiran dan Tun Abdullah juga turut mengiktiraf Islam untuk dimasukkan dalam sebahagian daripada pendekatan beliau. Seawal pentadbirannya, beliau telah melihat Islam sebagai satu daripada pendekatan yang dapat memberikan kesan kepada pentadbiran negara.¹¹⁷

b) Hadhari

Istilah hadhari dari segi penggunaan Bahasa Melayu merujuk kepada ketamadunan atau berkaitan tamadun.¹¹⁸ Manakala, istilah tamadun dalam Bahasa Melayu pula adalah menceritakan tentang keadaan masyarakat manusia berdasarkan kepada kemajuan dari aspek kebendaan serta mempunyai perkembangan pemikiran yang tinggi.¹¹⁹ Islam juga mempunyai ketamadunan tetapi keunikan dalam tamadun Islam adalah gabungan daripada wahyu dan akal.¹²⁰ Tamadun Islam adalah sebahagian daripada inspirasi Tun Abdullah dan perkara ini telah menyebabkan beliau mengambil istilah hadhari untuk dimasukkan dalam pentadbirannya.

dipersetujui di Dewan Undangan Persekutuan pada Julai 1957. Untuk keterangan lanjut sila lihat, Abdul Halim bin Ramli, Mohammad Redzuan Othman, and Ahmad Kamal Ariffin bin Mohd Rus, "Reaksi Pas Terhadap Laporan Suruhanjaya Reid Dan Islam Sebagai Agama Persekutuan Dalam Perlembagaan Merdeka," *Jurnal Sejarah* (2012): 177.

¹¹⁶ Sivamurugan Pandian, *Legasi Mahathir*, 169.

¹¹⁷ Abdullah Ahmad Badawi: *Satu Tahun Di Putrajaya* 89.

¹¹⁸ Dewan Bahasa Dan Pustaka, in *Kamus Dewan*(Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005), 497.

¹¹⁹ Ibid., 1583.

¹²⁰ Idris Zakaria, "Islam Hadhari Dan Pembangunan Umat," in *Islam Di Malaysia Dan Sastera Nusantara*, ed. Hamzah Hamdani(Kuala Lumpur: Gapeniaga, 2005), 99.

Hadhari adalah suatu ketamadunan yang dibawa oleh orang Islam. Ibn Khaldun memberikan istilah *hadarah* untuk memberi definisi tamadun yang bermaksud keadaan atau peristiwa yang berlaku melebihi daripada apa yang sepatutnya dan ia berlaku melalui peristiwa-peristiwa dalam pembangunan.¹²¹ Syed Naquib al-Attas pula memberikan definisi tamadun adalah keadaan kehidupan insan yang bermasyarakat yang telah mencapai taraf tatasusila dan kebudayaan yang luhur bagi seluruh masyarakat.¹²² Manakala, perkataan tamadun turut diberikan oleh sarjana Barat dan mereka memberi istilah tamadun sebagai *civilization* yang merujuk kepada peningkatan pencapaian hidup manusia daripada kemunduran kepada kemajuan dalam bidang ilmu, sains, teknologi, politik, moral dan sebagainya.¹²³ Pendapat yang diberikan oleh sarjana Islam dan sarjana Barat ini menunjukkan bahawa maksud hadhari atau tamadun mempunyai persamaan yang dapat dilihat dari segi pembangunan sesebuah masyarakat.

c) Islam Hadhari

Istilah Islam Hadhari dalam Bahasa Melayu ialah pendekatan untuk membina tamadun berdasarkan Islam secara menyeluruh melalui penguasaan ilmu, pembangunan insan, pembangunan fizikal dan sebagainya.¹²⁴ Selain itu, Islam Hadhari juga diertikan sebagai ajaran Islam yang membawa fokus kepada kehidupan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat bertamadun dan mempunyai peradaban yang unggul bagi menghadapi cabaran

¹²¹ C. K. Bart and M. C. Baetz, "The Relationship between Mission Statement and Firm Performance: An Exploratory Study," *Journal of Management Studies*, no. 35 (1998).

¹²² Ibid.

¹²³ Abu Al-Hassan Muslim bin Al-Hajjaj Al-Naisaburi, *Sahih Muslim*(Beirut: Darul Kutub al-'ilmiah, 1991).

¹²⁴ Dewan Bahasa Dan Pustaka, 497.

alaf baru. Ini adalah sebagaimana yang terdapat dalam Portal Pusat Maklumat Rakyat (PMR).¹²⁵

Istilah Islam Hadhari turut diberikan oleh Mohd Rumaizuddin Ghazali yang menyatakan bahawa Islam Hadhari adalah pendekatan yang menekankan kepada pembinaan peradaban untuk meningkatkan kualiti hidup melalui penguasaan ilmu, pembangunan insan dan pembangunan fizikal.¹²⁶ Pandangan yang diberikan oleh Idris Zakaria pula menyatakan bahawa permulaan Islam Hadhari adalah disebut sebagai Hadharah Islamiyyah yang membawa maksud tamadun Islam pada suatu masa lalu yang tidak lagi sesuai digunakan pada masa kini. Istilah yang paling sesuai digunakan pada era moden adalah Islam Hadhari iaitu berkaitan dengan perkembangan Islam pada masa sekarang dan akan datang.¹²⁷ Melalui Islam Hadhari, Malaysia boleh mencapai ketamadunan yang dapat dinikmati oleh seluruh masyarakat majmuk.¹²⁸

Beberapa pandangan yang diberikan sebelum ini adalah berbeza dengan pandangan Abdul Hadi Awang. Ini kerana, beliau telah mempertikaikan penggunaan istilah yang digunakan dalam Islam Hadhari. Beliau menegaskan bahawa istilah yang digunakan oleh para cendekiawan Islam adalah Hadharah Islamiyyah kerana perkataan hadharah dinisbahkan kepada Islam.¹²⁹ Apabila perkataan Islam Hadhari tidak melihat dari sudut pandang ajaran Islam, maka ia boleh membawa maksud negatif yang membawa kepada kesesatan atau maksud yang tidak baik dalam ajaran Islam.¹³⁰ Pendapat yang telah

¹²⁵ Pusat Maklumat Rakyat, "Definisi Islam Hadhari," *laman sesawang Portal Pusat Maklumat Rakyat (Portal PMR)*(dikemaskini 13 April 2017), <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/agama/86-definisi-islam-hadhari-.html>.

¹²⁶ Mohd Rumaizuddin Ghazali, *Pembangunan Islam Di Malaysia Dalam Era Mahathir*, 35.

¹²⁷ Idris Zakaria, "Islam Hadhari Dan Pembangunan Umat," 100.

¹²⁸ Ibid., 111.

¹²⁹ Abdul Hadi Awang, *Hadharah Islamiyyah Bukan Islam Hadhari*, 18.

¹³⁰ Ibid., 25.

dikeluarkan ini telah mendapat persetujuan daripada pemimpin-pemimpin PAS dan mereka bersepakat untuk menolak pelaksanaan Islam Hadhari kerana boleh merendahkan nama Islam dan menghilangkan kesyumulan Islam.¹³¹

Namun, Tun Abdullah telah menegaskan bahawa “*Islam Hadhari is an effort to bring the ummah back to basics, to return to the primacy of values and principles, as prescribed in the Quran and the Hadith that form the foundation of Islamic civilisation*“.¹³² Pembawaan Islam Hadhari oleh Tun Abdullah adalah melihat kepada kepentingan aspek-aspek yang bersifat ritual atau rohani yang bertujuan untuk membina sebuah tamadun. Ini kerana, Islam adalah agama yang telah berjaya melahirkan tamadun yang besar dan menjadi kebanggaan dalam kalangan umat Islam.¹³³ Oleh sebab itu, Islam Hadhari sesuai untuk dijadikan sebagai panduan utama dalam pembangunan negara Malaysia.

2.4.3 Visi, Misi dan Objektif Islam Hadhari

Konsep Islam Hadhari boleh dilihat dalam visi, misi dan objektif Islam Hadhari. Penerangannya adalah seperti berikut:

a) Visi

Visi pendekatan Islam Hadhari ialah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam contoh iaitu sebuah negara maju mengikut acuan hidup sendiri.¹³⁴ Visi yang dikatakan ini adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara contoh bagi model negara Islam. Visi ini mempunyai satu harapan yang sangat besar dalam negara Islam. Oleh itu, terdapat beberapa pengisian Islam yang cuba dibawa dalam Islam Hadhari antaranya adalah

¹³¹ Idris Zakaria, "Islam Hadhari Dan Pembangunan Umat," 92.

¹³² Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, "Islam Hadhari".

¹³³ "Umno General Assembly 2004 (23 September 2004)".

¹³⁴ Pusat Maklumat Rakyat, "Definisi Islam Hadhari".

pengisian yang berasaskan kepada keperluan masyarakat di Malaysia. Perkara ini adalah untuk mencapai sebuah negara maju yang telah lama menjadi hasrat negara.¹³⁵ Berasaskan kepada hasrat ini, kerajaan telah memperkenalkan misi Islam Hadhari supaya dapat melaksanakan agenda pembangunan negara berdasarkan kepada pendekatan yang mempunyai elemen-elemen Islam yang bersifat menyeluruh.

b) Misi

Di bawah visi ini, misi yang diletakkan adalah untuk melaksanakan agenda pembangunan negara dan ummah yang berlandaskan kepada pendekatan Islam yang universal, maju, bertamadun, bertoleransi dan berimbang.¹³⁶ Melalui misi ini, ia akan dapat melahirkan individu dan masyarakat yang holistik dengan menjaga penampilan dari sudut luaran dan dalaman. Keselarian yang terdapat dalam visi dan misi Islam Hadhari adalah untuk menjadikan negara Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai nilai-nilai Islam. Harapan menerusi visi dan misi Islam Hadhari adalah untuk melahirkan objektif Islam Hadhari yang dapat mencorakkan kehidupan individu dan masyarakat di Malaysia.

c) Objektif

Objektif Islam Hadhari ialah untuk melahirkan individu dan masyarakat yang mempunyai kekuatan spiritual (rohani), akhlak, intelektual, material, mampu berdikari, berdaya saing, melihat ke hadapan, inovatif serta cekap menangani cabaran-cabaran semasa secara bijaksana, rasional, praktikal dan damai.¹³⁷

¹³⁵ Salleh Mohd. Yusof, *Islam Hadhari Ke Arah Membina Kecemerlangan Umat Islam* (Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan Malaysia, 2007).

¹³⁶ Pusat Maklumat Rakyat, "Definisi Islam Hadhari".

¹³⁷ Ibid.

Objektif ini menunjukkan bahawa sebuah negara maju ingin menjadikan visi dan misi itu diisi oleh setiap individu dan masyarakat, tetapi acuan yang dibawa adalah merangkumi nilai-nilai yang holistik iaitu berkaitan dengan elemen agama. Hasrat yang dibawa oleh Tun Abdullah adalah sesuatu yang sangat baik kerana mengangkat negara sebagai sebuah negara Islam yang membawa acuan hidup sendiri. Perkara inilah yang akan dapat melahirkan masyarakat yang membangun dengan memiliki ilmu, berkemahiran dan berketerampilan. Oleh itu, masyarakat akan tergolong dalam golongan yang berakhlak, berbudi dan berbudaya berpaksikan kepada kepercayaan agama.¹³⁸

Output yang ingin dicapai dalam objektif Islam Hadhari adalah memberi penekanan kepada dua elemen utama yang saling berinteraksi untuk pembinaan sebuah negara iaitu individu dan masyarakat. Dua elemen ini mestilah menyentuh aspek spiritual atau kerohanian supaya dapat melahirkan masyarakat yang bertamadun seterusnya mencapai sebuah negara maju. Inilah yang dimaksudkan dengan acuan hidup sendiri sepetimana yang terdapat dalam visi Islam Hadhari yang telah dijelaskan sebelum ini.

Selain itu, Islam Hadhari juga menekankan kepada elemen akal, emosi dan sikap yang dilaksanakan kepada masyarakat. Elemen-elemen ini terdapat dalam objektif yang selari dengan visi dan misi Islam Hadhari. Kaitan antara visi, misi dan objektif adalah penting dalam pembinaan sesebuah organisasi sepetimana yang dinyatakan oleh Bart dan Baetz. Mereka memberi pandangan bahawa misi dan visi adalah perkara yang penting untuk mencapai halatuju sesebuah organisasi.¹³⁹ Dalam Islam, konsep yang telah dinyatakan dalam

¹³⁸ Wan Mohamad Bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, "Gagasan Jakim Dalam Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari Di Malaysia," *Jurnal Hadhari Edisi Khas* (2008): 20.

¹³⁹ Bart and Baetz, "The Relationship between Mission Statement and Firm Performance: An Exploratory Study."

visi, misi dan objektif Islam Hadhari adalah seperti niat seseorang dalam melakukan sesuatu perkara. Ini dapat dilihat melalui hadis Rasulullah Saw.

إِنَّمَا الْأَعْمَالَ بِالنِّيَةِ، وَإِنَّمَا لَامِرَئٍ مَا نَوَى، فَمَنْ كَانَتْ هُجْرَتَهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ، فَهُجْرَتَهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ، وَمَنْ كَانَتْ هُجْرَتَهُ إِلَى دُنْيَا يَصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةً يَتَزَوَّجُهَا، فَهُجْرَتَهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ

Maksudnya: Tiap-tiap amal harus disertakan dengan niat. Balasan bagi setiap amal manusia, ialah pahala bagi apa yang diniatkannya. Maka barangsiapa (niat) hijrahnya kerana Allah dan Rasul-Nya, baginya pahala hijrah kerana Allah dan Rasul-Nya. Dan barangsiapa (niat) hijrahnya kerana dunia yang hendak diperolehnya atau kerana perempuan yang hendak dikahwininya, maka hijrahnya sesuai dengan niatnya.¹⁴⁰

2.4.4 Prinsip Islam Hadhari

Perbincangan tentang Islam Hadhari turut dibincangkan oleh sarjana Islam kontemporari. Ini dapat dilihat sebelum Tun Abdullah memperkenalkan pendekatan Islam Hadhari lagi. Sheikh Yusuf Al-Qaradawi telah menyentuh tentang pendekatan ini dan beliau telah meletakkan 20 prinsip dalam pelaksanaan Islam Hadhari.¹⁴¹ 20 prinsip Islam Hadhari yang diperkenalkan Sheikh Yusuf Al-Qaradawi adalah bertepatan dengan apa yang telah terdapat dalam pendekatan Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh Tun Abdullah dan Perlembagaan Persekutuan di Malaysia.¹⁴²

Semasa Perhimpunan Agung UMNO kali ke-55, Tun Abdullah telah menetapkan 10 prinsip utama dalam pelaksanaan Islam Hadhari. Beliau telah menerangkan bahawa “Prinsip-

¹⁴⁰ Mohammad Bin Ismai'l Abu A'bdullah Al-Bukhari Al-Ja'afi (1422 H), *Sahih Bukhari*, j.8. *Kitab Al-Jami' Musnad Sahih Mukhtasar Min Umuri Rasulullah Wasunanihi Waayyamih, Bab Niat fil Aimani*. no. hadith: 6689, t.tp: Dar Tuq al-Najah

¹⁴¹ Sheikh Yusuf Al-Qaradawi, *Hajat Al-Basyariyah Ila Al-Risalah Al-Hadhariya Li Ummatina*(Kaherah: Maktabah Wahbah, 2000).

¹⁴² Ahmad Atory Husin, "Islam Hadhari: Suatu Kesinambungan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam Selepas Era Tun Dr. Mahathir Mohamad," 5.

prinsip ini diperkenalkan untuk memastikan pendekatan Islam Hadhari tidak menimbulkan kerisauan kepada mana-mana kumpulan di negara ini yang mempunyai pelbagai bangsa".¹⁴³ 10 prinsip ini telah merangkumi suatu perkara yang luas dalam pembangunan sebuah negara. Oleh sebab itu, prinsip-prinsip ini diperkenalkan supaya dapat membina sebuah negara yang mempunyai peradaban dan ketamadunan. Hal ini bermakna, ketamadunan akan dapat diperoleh melalui pembinaan masyarakat yang mempunyai nilai moral dan etika yang kukuh dalam kehidupan seperitimana yang terdapat dalam prinsip Islam Hadhari.¹⁴⁴

10 prinsip Islam Hadhari adalah seperti berikut:

- i. Keimanan dan ketakwaan kepada Allah.
- ii. Kerajaan adil dan beramanah.
- iii. Rakyat berjiwa merdeka.
- iv. Penguasaan ilmu pengetahuan.
- v. Pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif.
- vi. Kehidupan berkualiti.
- vii. Pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita.
- viii. Keutuhan budaya dan moral.
- ix. Pemeliharaan alam semula jadi.
- x. Kekuatan pertahanan.¹⁴⁵

Tun Abdullah mengambil 10 prinsip dalam pelaksanaan Islam Hadhari adalah kerana ia bersesuaian dengan ajaran agama Islam. Oleh sebab itu, setiap prinsip dalam Islam Hadhari

¹⁴³ Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, "Umno General Assembly 2004 (23 September 2004)".

¹⁴⁴ "Ucapan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan," *laman sesawang Koleksi Arkib Ucapan Ketua Eksekutif*(dicapai 25 April 2017),

<http://www.pmo.gov.my/ucapan/index.php?m=p&p=paklah&id=3190>.

¹⁴⁵ Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010.*, 9.

mempunyai asas penjelasan dalam ayat al-Quran.¹⁴⁶ Misalnya untuk prinsip yang kedua iaitu kerajaan adil dan beramanah,¹⁴⁷ Tun Abdullah telah mengambil ayat al-Quran dalam surah al-Baqarah ayat 143.¹⁴⁸ Firman Allah:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ
شَهِيدًا وَمَا جَعَلْنَا الْقِبْلَةَ الَّتِي كُنْتَ عَلَيْهَا إِلَّا لِنَعْلَمَ مَنْ يَتَّبِعُ الرَّسُولَ مِمَّنْ يَنْقَلِبُ
عَلَى عَقِبَيْهِ وَإِنْ كَانَتْ لَكَبِيرَةً إِلَّا عَلَى الَّذِينَ هَدَى اللَّهُ وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضِيعَ إِيمَانَكُمْ
إِنَّ اللَّهَ بِالنَّاسِ لَرَءُوفٌ رَّحِيمٌ

Surah al-Baqarah 2: 143

Maksudnya: Dan demikian (pula) kami telah menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu. dan kami tidak menetapkan kiblat yang menjadi kiblatmu (sekarang) melainkan agar kamu mengetahui (supaya nyata) siapa yang mengikuti Rasul dan siapa yang membelot. dan sungguh (pemindahan kiblat) itu terasa amat berat, kecuali bagi orang-orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah; dan Allah tidak akan mensia-siakan imanmu. Sesungguhnya Allah maha pengasih lagi maha penyayang kepada manusia.

Untuk prinsip keempat pula iaitu penguasaan ilmu pengetahuan, prinsip ini telah dijelaskan oleh Tun Abdullah. Beliau telah menggunakan ayat al-Quran dalam surah al-Mujaadilah ayat 11 untuk menjelaskan tentang prinsip keempat.¹⁴⁹ Sebagaimana firman Allah:

¹⁴⁶ Ahmad Atory Husin, "Islam Hadhari: Suatu Kesinambungan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam Selepas Era Tun Dr. Mahathir Mohamad," 5.

¹⁴⁷ Setiap prinsip Islam Hadhari mempunyai perbincangan di dalam al-Quran. Perbincangan ini dapat dilihat melalui buku yang ditulis oleh beberapa orang penulis tentang 10 prinsip Islam Hadhari.

¹⁴⁸ Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, "The Oxford Centre for Islamic Studies (01-10-2004)".

¹⁴⁹ Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi "Pelancaran Dan Perasmian Islam Hadhari Pengurusan Negara Islam," ibid.(dicapai 21 April 2017), <http://www.pmo.gov.my/ucapan/index.php?qt=islam%20hadhari&m=p&p=all&id=2830>.

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فِي الْمَجَlisِ فَافْسُحُوا يَفْسَحِ اللَّهُ لَكُمْ
 وَإِذَا قِيلَ أَذْشُرُوا فَانْشُرُوا يَرْفَعِ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَتٍ
 وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١﴾

Surah al- Mujaadilah 58: 11

Maksudnya: Hai orang-orang beriman apabila kamu dikatakan kepadamu: "Berlapang-lapanglah dalam majlis", maka lapangkanlah niscaya Allah akan memberi kelapangan untukmu dan apabila dikatakan: "Berdirilah kamu", maka berdirilah, niscaya Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antaramu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa derajat. dan Allah maha mengetahui apa yang kamu kerjakan.

Selain itu, prinsip keempat Islam Hadhari turut diterangkan oleh Sidek Baba yang merupakan penulis bagi buku prinsip yang keempat dalam Islam Hadhari. Beliau telah menjelaskan prinsip ini dengan mengambil ayat al-Quran dalam surah az-Zumar ayat 8.¹⁵⁰

Firman Allah:

وَإِذَا مَسَّ الْإِنْسَنَ ضُرًّرَ دُعَا رَبَّهُ مُنِيبًا إِلَيْهِ ثُمَّ إِذَا حَوَّلَهُ نِعْمَةً مِنْهُ نَسِيَ مَا كَانَ
 يَدْعُوا إِلَيْهِ مِنْ قَبْلُ وَجَعَلَ لِلَّهِ أَنَّدَادًا لِيُضْلِلَ عَنْ سَبِيلِهِ قُلْ تَمَتَّعْ بِكُفْرِكَ قَلِيلًا إِنَّكَ
 مِنْ أَصْحَابِ النَّارِ ﴿٨﴾

Surah az-Zumar 39: 8

Maksudnya: Dan apabila manusia disentuh oleh sesuatu bahaya, ia segera berdoa kepada Tuhananya dengan keadaan rujuk kembali bertaubat kepadanya; kemudian apabila Allah memberikannya sesuatu nikmat (sebagai kurnia) daripadanya, lupalah ia akan segala bahaya yang menyebabkannya merayu kepada Allah sebelum itu dan ia pula menjadikan sekutu-sekutu bagi Allah, untuk menyesatkan dirinya (dan orang lain) dari jalan Allah. Katakanlah (kepadanya): "Bersenang-senanglah engkau dengan kekufuranmu itu bagi sementara, Sesungguhnya engkau dari penduduk neraka.

¹⁵⁰ Sidek Baba, *Prinsip Keempat: Penguasaan Ilmu Pengetahuan* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2008), 1.

Prinsip-prinsip yang dilaksanakan dalam Islam Hadhari juga melihat kepada sejarah kegemilangan umat Islam pada suatu ketika dahulu. Ini terbukti apabila umat Islam dapat menguasai ilmu pengetahuan yang jauh terkehadapan pada zaman Abbasiyah. Perkara ini menyebabkan wujudnya pelbagai pusat-pusat ilmu seperti Baitul Hikmah yang berada di Baghdad dan beberapa perpustakaan lain yang berjaya dikuasai oleh Islam di Timur dan Barat.¹⁵¹ Justeru, 10 prinsip yang telah digariskan dalam pelaksanaan Islam Hadhari mempunyai rujukan dan sandaran yang kukuh berdasarkan kepada sumber Islam dan sejarah tamadun Islam.

Tun Abdullah telah memperkenalkan 10 prinsip Islam Hadhari kerana bersesuaian dengan peredaran zaman yang berlaku di Malaysia. Selari dengan perbincangan ini, maka bab yang seterusnya akan membincangkan tentang analisis prinsip ketujuh Islam Hadhari iaitu pembelaan hak kepada kumpulan minoriti yang akan dijelaskan dengan lebih lanjut dalam bab yang ketiga.

2.5 Kesimpulan

Islam mempunyai kedudukan yang tinggi dalam perundangan dan pentadbiran negara. Oleh itu, konsep yang dibawa oleh legislatif dan eksekutif adalah berdasarkan kepada kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan. Kedudukan Islam dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan telah memberi kesan yang banyak dalam pentadbiran negara. Begitu juga dengan kedudukan minoriti bukan Islam turut mendapat tempat dalam Perlembagaan Persekutuan. Ini kerana, Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai berbilang bangsa. Maka, pendekatan yang digunakan oleh setiap pemimpin negara adalah melihat kepada keperluan bagi sebuah masyarakat dalam negara.

¹⁵¹ Mohd Roslan Mohd Nor, "Meneladani Sejarah Umat Islam Dalam Membentuk Masyarakat Hadhari Yang Gemilang Abad Ke 21," *Jurnal Hadhari 2*, no. 2 (2010): 31.

Sebelum pelaksanaan Islam Hadhari, pentadbiran Malaysia telah dipegang oleh empat orang Perdana Menteri. Setiap Perdana Menteri mempunyai cara mereka yang tersendiri dalam mentadbir negara sepertimana yang dilaksanakan oleh Tun Abdullah. Beliau amat tertarik dengan pendekatan Islam Hadhari sehingga berjaya memperkenalkannya kepada seluruh rakyat di Malaysia. Bukan itu sahaja, malah Tun Abdullah juga telah memberi penerangan tentang pendekatan Islam Hadhari kepada negara-negara luar termasuk negara bukan Islam.

Penjelasan Tun Abdullah tentang Islam Hadhari adalah untuk meletakkan Islam dalam suatu bentuk kefahaman yang berbeza daripada apa yang mereka fahami sebelum ini. Hal ini kerana, peristiwa 11 September 2001 telah menyebabkan berlakunya Islamophobia yang mengakibatkan Islam dianggap sebagai pengganas. Oleh itu, penerangan berkaitan Islam Hadhari oleh Tun Abdullah ke luar negara adalah untuk mengatakan bahawa pelaksanaan Islam Hadhari adalah berbeza dengan Islamophobia. Ini kerana, Islam Hadhari mempunyai nilai-nilai mulia untuk dilaksanakan dalam kehidupan manusia.

Pendekatan Islam Hadhari telah memuatkan 10 prinsip utama semasa pelaksanaannya. Setiap prinsip yang diperkenalkan Tun Abdullah adalah bersesuaian kepada keadaan masyarakat di Malaysia. Ini kerana, penduduk Malaysia mempunyai pelbagai agama dan etnik yang hidup dalam masyarakat majmuk. Kepelbagaiannya ini tidak menghalang usaha Tun Abdullah untuk melaksanakan Islam Hadhari meskipun pendekatan Islam Hadhari merupakan suatu pendekatan Islam. Keberanian Tun Abdullah untuk melaksanakan pendekatan ini adalah kerana pentadbiran yang bercorakkan Islam sudah wujud sebelum pentadbiran beliau lagi.

BAB 3: ANALISIS PRINSIP KETUJUH ISLAM HADHARI: PEMBELAAN HAK KUMPULAN MINORITI

3.1 Pengenalan

Pendekatan Islam Hadhari pada tahun 2004 memuatkan 10 prinsip utama. Salah satu daripada prinsip tersebut adalah pembelaan hak kepada kumpulan minoriti dan wanita. Prinsip ini merupakan prinsip yang ketujuh dalam Islam Hadhari. Golongan minoriti dan wanita tidak terlepas untuk memperoleh manfaat daripada pendekatan Islam Hadhari. Namun dalam bab ketiga ini, kajian hanya akan memfokuskan kepada pembelaan hak kepada kumpulan minoriti dan penerangan berkaitannya akan dijelaskan dengan lebih mendalam nanti.

Sehubungan itu, terdapat beberapa perkara yang akan dibincangkan dalam bab ini antaranya adalah konsep minoriti yang terdapat dalam prinsip ketujuh Islam Hadhari. Bab ini juga akan menerangkan tentang bukan Islam dalam konteks Malaysia. Kemudiannya, diikuti dengan penjelasan tentang jaminan yang diberikan kepada bukan Islam di Malaysia. Seterusnya, kajian ini akan menjelaskan berkaitan dengan pendekatan Tun Abdullah dalam mengurus masyarakat bukan Islam melalui pemerkasaan institusi.

3.2 Konsep Minoriti

Minoriti dalam prinsip ketujuh Islam Hadhari merupakan suatu istilah yang mempunyai pelbagai makna. Penerangan berkaitan minoriti akan dijelaskan dalam bahagian yang seterusnya ini.

3.2.1 Konsep Minoriti secara umum

Secara umumnya, makna minoriti adalah bilangan yang lebih kecil dalam bentuk nombor dan jumlah mereka kurang daripada separuh.¹ Makna minoriti dalam konteks Bahasa Melayu pula adalah menekankan kepada elemen perbezaan di antara dua jenis kelompok yang berasingan. Golongan minoriti mempunyai perbezaan daripada penduduk yang lain kerana bilangan mereka yang kecil.²

Istilah minoriti dalam penggunaan Bahasa Melayu pula mempunyai pertalian dengan penjelasan *United Nation for Gender Equality and the Empowerment of Women* (UN Women). Ini kerana, UN Women telah memperluaskan lagi makna minoriti iaitu penduduk yang hidup dalam keadaan tidak dominan dalam sesuatu tempat. Golongan ini juga menetap dalam sebuah negara yang mempunyai ciri-ciri seperti etnik, agama dan bahasa yang berbeza dari seluruh penduduk yang lain.³

Dari konteks sains dan politik pula, minoriti tidak membawa makna bilangan sahaja tetapi juga kedudukannya yang lebih terpinggir, tidak mendapat keutamaan, tidak berkuasa dan sering dieksplotasi. Makna yang diberikan ini adalah lebih spesifik kerana melihat kepada layanan yang diterima oleh kelompok kecil tetapi layanan ini adalah bersifat negatif. Ini kerana, minoriti merupakan kumpulan yang sering dipinggirkan dan tidak mempunyai kuasa serta tidak mendapat tempat dalam sebuah masyarakat dan negara.⁴

¹ Oxford Dictionaries, "Definition of Minority in English," *laman sesawang Oxford Dictionaries*(dicapai 28 Februari 2018), <https://en.oxforddictionaries.com/definition/minority>.

² Dewan Bahasa dan Pustaka, "Definisi Minoriti," *laman sesawang Dewan Bahasa dan Pustaka*(dicapai 12 Disember 2017), [#LIHATSINI.](http://prpm.dbp.gov.my/Car1?keyword=minoriti&d=112592)

³ UN Women: United Nation Entity for Gender Equality and the Empowerment of Women, "Who Are Minorities?," *laman sesawang UN Women: United Nation Entity for Gender Equality and the Empowerment of Women*,(dicapai 7 Februari 2018), <http://www.endvawnow.org/en/articles/977-who-are-minorities.html?next=978>.

⁴ Dewan Bahasa dan Pustaka, "Siri Kamus Istilah Mabbim," in *Kamus Sains Politik: Politik Perbandingan*(Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 117.

Makna minoriti juga diberikan oleh Richard T. Schaefer. Beliau menyatakan bahawa kumpulan dominan atau majoriti dalam sebuah negara mempunyai kuasa dan keistimewaan yang lebih baik berbanding dengan kumpulan minoriti. Ini kerana, kumpulan minoriti lazimnya wujud melalui suatu proses yang berbeza-beza. Mereka menempatkan diri dalam kelompok minoriti melalui proses penghijrahan, pengambilan kuasa dan penjajahan.⁵

Kesimpulannya, konsep minoriti dalam konteks sosiologi bukan sahaja diklasifikasikan dalam bentuk kuantiti. Malah, minoriti juga memberi makna kumpulan yang dianaya dan terus dipinggirkan oleh kumpulan majoriti dan dominan. Dalam sebuah negara, kumpulan majoriti dan minoriti adalah dua kumpulan yang saling berkaitan dan mempunyai hubungan antara satu sama lain.

3.2.2 Istilah Minoriti dalam Islam Hadhari

Dalam Islam Hadhari, istilah minoriti telah dibincangkan oleh institusi yang melaksanakan Islam Hadhari. JAKIM antara institusi yang telah menerangkan makna kumpulan minoriti dengan menjelaskan bahawa minoriti adalah golongan kurang upaya, mereka yang terlibat dengan gejala keruntuhan moral, bekas-bekas tahanan, ibu tunggal, warga emas, kumpulan-kumpulan etnik dan suku kaum minoriti. Mereka adalah kumpulan yang kurang menjadi perhatian masyarakat, tetapi berpeluang untuk memberi sumbangan kepada kemajuan masyarakat dan negara.⁶

Istilah minoriti dalam Islam Hadhari telah diperluaskan oleh Abdul Latif Samian dan Nazri Muslim. Mereka telah menerangkan bahawa minoriti adalah mencakupi orang asli,

⁵ Richard T. Schaefer, *Racial and Ethnic Groups: Ninth Edition* (Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education, 2004), 3.

⁶ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Prosiding Konvensyen Islam Hadhari: Peringkat Kebangsaan 2006* 3ed.(Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2007), 257.

Orang Kurang Upaya (OKU), orang sakit kronik, saudara baru, golongan kurang diwakili dan juga penganut agama bukan Islam.⁷ Bukan Islam adalah salah satu istilah yang menerangkan tentang minoriti kerana mereka adalah antara golongan yang sedikit di Malaysia.

Penjelasan lain yang dapat dilihat tentang minoriti adalah menerusi kenyataan yang dibuat oleh Mahmood Zuhdi. Beliau telah menyatakan bahawa kumpulan minoriti ada dibincangkan dalam Islam, namun Islam kurang menimbulkan persoalan berkaitan minoriti. Hal ini kerana, Islam tidak menjadikan bangsa, keturunan dan kaum untuk dibincangkan seacara meluas. Oleh itu, kepelbagaiannya kaum di Malaysia tidak menjadi suatu persoalan dalam Islam Hadhari mahupun Islam Siyasi. Berbeza dengan apa yang terdapat dalam politik moden yang melihat kepada pemikiran perkauman Barat. Akibatnya, ia telah mewujudkan sikap membenci orang lain yang berbeza keturunan dan kaum.⁸

Makna minoriti telah dibincangkan dengan meluas, tetapi perluasan yang dibuat adalah berbeza daripada apa yang sering disebut oleh Tun Abdullah tentang Islam Hadhari. Jika dilihat dari aspek kuantiti, semua golongan yang disebutkan oleh para penulis terdapat dalam masyarakat kerana maksud minoriti adalah lebih abstrak. Merujuk kepada fokus utama dalam kajian ini, tujuannya adalah untuk melihat kepada satu konsep yang selalu diperkatakan oleh Tun Abdullah iaitu minoriti bukan Islam. Perbincangan berkaitan minoriti oleh Tun Abdullah akan dijelaskan dalam bahagian yang seterusnya.

⁷ Abdul Latif Samian dan Nazri Muslim, "Pembelaan Hak Minoriti," in *Islam Hadhari: Pendekatan Pembangunan Peradaban*, ed. Mahmood Zuhdi(Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 2008).

⁸ Mahmood Zuhdi Ab. Majid, *Memahami Islam Hadhari*(Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009), 170.

3.2.3 Gagasan Tun Abdullah berkaitan dengan Pengurusan Minoriti

Perkataan minoriti dalam Islam Hadhari terletak dalam prinsip yang ketujuh Islam Hadhari. Prinsip ini telah diberi penjelasan oleh Tun Abdullah melalui ucapannya yang bertajuk *Islam Hadhari or civilizational Islam*, beliau telah mengatakan bahawa “*Islam Hadhari is certainly guide for the way muslim should relate to their fellow humans, especially those of other religions*”. Selain itu, beliau juga turut berkata “*Malaysia’s experience and our promotion of Islam Hadhari also clearly demonstrate a progressive attitude towards relations with non-muslim minorities and between gender*”.⁹

Dalam teks ucapan Tun Abdullah, beliau telah menjelaskan bahawa pelaksanaan Islam Hadhari adalah merujuk kepada institusi masyarakat itu sendiri. Perkataan ‘*other religions*’ dan ‘*non-muslim minorities*’ merujuk kepada elemen minoriti berdasarkan kepada kuantiti yang sedikit. Perkara ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam perbincangan yang seterusnya.

Dalam konteks Islam Hadhari, perkataan minoriti turut mendapat sentuhan dari al-Quran. Ini kerana, elemen minoriti mempunyai kaitan dengan ayat al-Quran. Melalui gagasan Tun Abdullah dalam Islam Hadhari, beliau secara spesifik merujuk kepada tiga ayat al-Quran apabila mengupas berkaitan pengurusan minoriti. Ayat tersebut ialah ayat al-Quran dalam surah al-Hujurat ayat 13, surah al-Mumtahanah ayat 8 dan surah al-Nisa’ ayat 135 yang boleh dilihat kekerapannya dalam jadual 3.1.

⁹ Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, "Islam Hadhari or Civilizational Islam," *laman sesawang koleksi Arkib Ucapan Ketua Eksekutif*,(dicapai 12 Disember 2017), <http://www.pmo.gov.my/ucapan/index.php?qt=islam%20hadhari&m=p&p=all&id=3017>.

Jadual 3.1. Analisis ayat al-Quran berdasarkan kepada lima ucapan Tun Abdullah.¹⁰

Surah No.	49:13	60:8	4:135
1.	✓		
2.	✓		
3.	✓		
4.		✓	
5.			✓

Berdasarkan kepada analisis ayat al-Quran yang dibuat, didapati bahawa lima ucapan Tun Abdullah telah merujuk kepada tiga ayat al-Quran iaitu dalam surah al-Hujurat ayat 13 (49:13), surah al-Mumtahanah ayat 8 (60:8) dan surah al-Nisa' ayat 135 (4:135). Daripada lima ucapan ini, Tun Abdullah telah mengulangi surah 49:13 dalam tiga ucapannya, manakala surah 60:8 dan surah 4:135 hanya diucapkan sekali sahaja. Tiga ayat al-Quran ini akan dijelaskan penggunaannya berkaitan dengan pengurusan minoriti.

a) Surah al-Hujurat ayat 13 (49:13) berkaitan Minoriti

Dalam surah al-Hujurat ayat 13, surah ini ada menceritakan tentang minoriti sebagaimana firman Allah:

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذَكَرٍ وَّأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُواٰ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْنِكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Surah al-Hujurat 49: 13

¹⁰ 1. Ucapan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bertajuk *The Oxford Centre for Islamic Studies* (01-10-2004).
 2. Ucapan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bertajuk *The Occasion of the Conferment of the Honorary Doctorate in Islamic Thought* (24-07-2006).
 3. Ucapan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bertajuk *Statement on Rules for a Global Neighbourhood in a Multicultural World* (25-01-2007).
 4. Ucapan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bertajuk Ucapan Dasar Presiden UMNO di Perhimpunan Agung Umno Ke-58 (07-11-2007).
 5. Ucapan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bertajuk *Opening Address at the International Conference on Religion in the Quest for Global Justice and Peace* (24-07-2008).

Maksudnya: Wahai umat manusia! Sesungguhnya kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah maha mengetahui, lagi maha mendalam.

Ayat al-Quran ini sering dirujuk oleh Tun Abdullah dalam ucapannya kerana ada sebahagian perkataan yang menunjukkan kepada kategori yang berlaku dalam masyarakat. Ini kerana, dalam tafsir ibnu Kathir telah menjelaskan tentang istilah minoriti yang dapat dikenalpasti menerusi perkataan شعوباً (berbangsa-bangsa) dan قبائل (bersuku-suku).¹¹ Kedua-dua istilah ini menurut Shahzad Bashir dikategorikan sebagai etnik.¹²

Dalam berinteraksi dengan beberapa golongan yang disebutkan ini, al-Quran menyarankan agar berinteraksi antara satu sama lain. Saranan ini mempunyai kaitan dengan sebab penurunan ayat al-Quran ini kerana terdapat dua kategori yang berbeza dalam masyarakat pada waktu itu iaitu bangsa Quraisy dan golongan yang berkulit hitam (Bilal bin Rabah). قبائل minoriti adalah mewakili Bilal Bin Rabah dan قبائل majoriti diwakili oleh bangsa Quraisy yang mempunyai status sosial yang berbeza antara kedua-duanya. Perbezaan ini wujud apabila bangsa Quraisy dikenali sebagai golongan bangsawan yang dianggap mulia, seterusnya mereka yang berkulit hitam merupakan golongan hamba yang dipandang hina.¹³

¹¹ Abdullah bin Muhammad bin Abdurrahman bin Ishaq Al-Sheikh, *Lubabut Tafsir Min Ibni Kathir*, vol. 7(Kairo: Muassasah Dar al-Hilal, 1994), 495.

¹² Shahzad Bashir, *Encyclopedia of the Qur'an*, ed. Jane Dammen McAuliffe, vol. 2(Boston: Brill, Leiden, 2002), 71.

¹³ Abdul Rahman bin Abi Bakr and Jalaluddin al-Suyuti, *Al-Durr Al-Mantsur Fil Tafsir Bil Ma'thur*, vol. 7(Beirut: Darul Fikr, t.t), 578.

Tun Abdullah mungkin menggunakan perkataan قبائل شعوباً dan bersempena dengan status yang berbeza dan kelainan etnik dalam masyarakat Malaysia dan menyarankan untuk menekankan konsep لتعارفوا (supaya kamu berkenal-kenalan).¹⁴ Beliau sering menyarankan tentang elemen-elemen yang membabitkan aspek perbezaan dalam masyarakat dengan menawarkan satu lagi konsep toleransi yang juga mempunyai maksud hubungan yang baik antara dua kelompok.¹⁵ Ini sesuai dengan keadaan di Malaysia yang mempunyai kepelbagaian masyarakat yang sering disebut Tun Abdullah. Beliau melihat ayat al-Quran ini sebagai satu ayat untuk menilai situasi yang wujud di Malaysia. Ini kerana, Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian dalam agama dan etnik sebagaimana yang terdapat dalam populasi penduduk di Malaysia.

Dalam satu penulisan yang dibuat oleh JAKIM, ayat al-Quran ini mempunyai arahan supaya umat Islam memberi keselamatan kepada setiap individu tanpa mengecualikan mana-mana pihak. Keselamatan ini diberikan kerana ia adalah tanggungjawab kerajaan yang perlu menjaga keselamatan masyarakat tanpa mengira kaum.¹⁶

Selari dengan pandangan itu, Abu Zahrah telah mencadangkan bahawa pengiktirafan mesti diberikan kepada semua masyarakat tanpa mengira kaum. Meskipun mereka mempunyai kuantiti yang sedikit, namun mereka juga mempunyai hak yang tidak boleh dinafikan dalam sebuah negara.¹⁷

¹⁴ Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, "Statement on Rules for a Global Neighbourhood in a Multicultural World ", *laman sesawang Koleksi Arkib Ucapan Ketua Eksekutif*(dicapai 11 April 2018), <http://www.pmo.gov.my/ucapan/index.php?qt=islam%20hadhari&m=p&p=all&id=3074>.

¹⁵ "The Occasion of the Conferment of the Honorary Doctorate in Islamic Thought," *laman sesawang Koleksi Arkib Ucapan Ketua Eksekutif*(dicapai 1 Mac 2018), <http://www.pmo.gov.my/ucapan/index.php?qt=hujur&m=p&p=all&id=3028>.

¹⁶ Department of Islamic Development Malaysia, *Islam Hadhari an Explanation*, 25.

¹⁷ Muhammad Abu Zahrah, *Al-Mujtama' Al-Insani Fi Zhillil Islam*(t.p: t.t, 1981), 132.

b) Surah al-Mumtahanah ayat 8 (60:8) berkaitan Minoriti

Surah al-Mumtahanah ayat 8 mempunyai kaitan dengan minoriti sebagaimana firman Allah:

لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ تُخْرِجُوكُمْ مِّن دِيْرِكُمْ أَن تَبْرُوْهُمْ
وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

Surah al-Mumtahanah 60: 8

Maksudnya: Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.

Ayat al-Quran ini menonjolkan satu lagi kategori yang mencerminkan status masyarakat dalam sebuah negara iaitu kategori yang berdasarkan kepada agama. Ini dapat dilihat melalui perkataan لم يقاتلوكم yang bermaksud orang-orang kafir yang tidak memerangi kamu (orang Islam).¹⁸ Perkataan ini adalah berkaitan dengan orang kafir yang mempunyai agama yang berbeza dengan orang Islam. Walaupun mempunyai status agama yang berlainan, tetapi Allah menyarankan agar umat Islam untuk tetap melakukan kebaikan kepada orang kafir sepertimana yang terdapat dalam perkataan آن تبروهُم.¹⁹

Allah menyuruh umat Islam supaya berkelakuan baik kepada orang-orang kafir berdasarkan kepada kisah yang dihadapi oleh Asma' bin Abu Bakar yang beragama Islam dan ibunya yang bukan beragama Islam. Dalam ayat al-Quran ini, Allah telah menegaskan

¹⁸ Abdullah bin Muhammad bin Abdurahman bin Ishaq Al-Sheikh, *Lubabut Tafsir Min Ibni Kathir*, vol. 8(Kairo: Muassasah Dar al-Hilal, 1994), 141.

¹⁹ Abu al-Hassan 'ali bin Ahmad bin Muhammad 'ali Al-Wahidi (al-Syafie), *Al-Wasit fi Tafsir Al-Quran Al-Majid*, vol. 4(Beirut: Darul Kutub al-'ilmiyyah, 1994), 285.

supaya Asma' bin Abu Bakar tetap melakukan kebaikan kepada ibunya meskipun ibunya adalah seorang musyrik.²⁰

Tun Abdullah telah mengemukakan ayat al-Quran ini untuk menguatkan perkara yang tidak ditegah dalam mengurus hubungan dengan orang bukan Islam. Beliau telah menekankan budaya saling hormat-menghormati dan berbuat baik dengan agama lain. Tun Abdullah telah mengambil idea tersebut untuk dijadikan sebagai asas dalam memberi pembelaan kepada bukan Islam di Malaysia. Kedua-dua perkara ini penting supaya dapat mengelakkan tercetusnya konflik dalam masyarakat yang bercanggah dengan perlembagaan.²¹ Ini kerana, perlembagaan turut memuatkan prinsip kesamarataan di bawah Perkara 8 (2) Perlombagaan Persekutuan yang bertujuan untuk mengelakkan berlakunya diskriminasi dalam perbezaan agama.²²

Hal yang sama turut ditekankan oleh JAKIM apabila menulis tentang Islam Hadhari. Ini kerana, ayat al-Quran ini begitu mementingkan perhubungan sesama manusia walaupun kepada mereka yang bukan beragama Islam. Perkara ini akan dapat mewujudkan impak yang besar kepada masyarakat kerana ia adalah untuk menjaga hubungan antara kaum dalam sebuah negara.²³

Saranan yang sama turut dikemukakan oleh tokoh lain seperti Sayyid Qutb yang menyarankan supaya menjaga hubungan sesama manusia sepetimana yang dilaksanakan

²⁰ Abdullah bin Muhammad bin Abdurahman bin Ishaq Al-Sheikh, *Lubabut Tafsir Min Ibni Kathir*, vol. 8(Kairo: Muassasah Dar al-Hilal, 1994), 141.

²¹ Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi "Ucapan Dasar Presiden Umno Di Perhimpunan Agung Umno Ke-58," *laman sesawang Koleksi Arkib Ucapan Ketua Eksekutif*(dicapai 25 April 2017), <http://www.pmo.gov.my/ucapan/index.php?m=p&p=paklah&id=3154>.

²² Lembaga Penyelidikan Undang-Undang Malaysia, *Perlembagaan Persekutuan*, Petaling Jaya, Selangor: International Law Book Services, 2009, 24. Dalam Bahagian 2, Perkara 8 mengatakan mengenai kesamarataan.

²³ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Perpaduan Nadi Transformasi Negara: Risalah Ma'al Hijrah 1437h/2015m*(Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015), 17.

oleh umat Islam. Contohnya dapat dilihat dalam perperangan apabila wujud musuh-musuh yang hendak berdamai, perdamaian mereka akan diterima dalam Islam.²⁴

c) Surah al-Nisa' (4:135) berkaitan Keadilan

Dalam surah al-Nisa' ayat 135, ia telah menjelaskan tentang keadilan sebagaimana firman Allah:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمْنَوْا كُونُوا قَوْمِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَى أَنْفُسِكُمْ أَوْ أَلْوَالِدِينِ
وَالْأَقْرَبِينَ إِنْ يَكُنْ غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَاللَّهُ أَوْلَى بِهِمَا فَلَا تَتَبَعَّدُوا أَهْوَى أَنْ تَعْدِلُوا وَإِنْ
تُلُوِّدُوا أَوْ تُعْرِضُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا

Surah al-Nisa' 4: 135

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. kalaualah orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa), kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. dan jika kamu memutar-balikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

Ayat al-Quran ini menggambarkan tentang keadaan masyarakat yang mempunyai pelbagai kategori. Beberapa kategori yang wujud dalam masyarakat antaranya adalah mereka yang mempunyai hubungan kekeluargaan dan mempunyai perbezaan status ekonomi.

²⁴ Sayyid Qutb, *Tafsir Fi Zilal Al-Quran*, 10 ed., vol. 6(Qahirah: Dar al-Syuruq, 1972), 3544.

Kepelbagaiannya kategori yang wujud perlu ditanggapi dengan satu prinsip menerusi perkataan *أن تعدلوا* (melaksanakan keadilan).²⁵

Ayat al-Quran ini digunakan oleh Tun Abdullah untuk menekankan tentang perlunya melakukan keadilan dalam mengurus kehidupan masyarakat dan negara. Tun Abdullah melihat ayat ini ada kaitannya dengan tanggungjawab sebagai seorang pemerintah. Beliau berpendapat bahawa keadilan adalah suatu perkara yang perlu diberikan kepada setiap individu kerana melalui keadilan akan dapat mewujudkan keamanan dan keharmonian dalam masyarakat. Perkara inilah yang diperlukan untuk mengurus orang bukan Islam dalam sebuah masyarakat majmuk.²⁶

Sebagaimana yang ditulis oleh Muhammad Fauzi tentang Islam Hadhari, beliau melihat ayat al-Quran ini mempunyai kaitan dengan tanggungjawab pemimpin untuk dilaksanakan dalam pentadbiran. Perkara ini dapat dilihat melalui pendekatan Islam Hadhari yang telah memberi kemuliaan kepada semua rakyat. Meskipun terdapat pelbagai kategori dalam masyarakat, namun tidak ada diskriminasi dan perbezaan yang berlaku antara golongan majoriti dan minoriti yang terdapat di Malaysia.²⁷

Hal yang sama turut dilihat oleh sarjana Islam seperti Yusuf al-Qaradawi apabila beliau menyatakan tentang sifat yang perlu ada bagi seorang pemimpin. Salah satu sifat yang ditekankan bagi pemimpin adalah keadilan. Ini kerana, keadilan adalah suatu perkara yang

²⁵ Abdullah bin Muhammad bin Abdurahman bin Ishaq Al-Sheikh, *Lubabut Tafsir Min Ibni Kathir*, vol. 2(Kairo: Muassasah Dar al-Hilal, 1994), 426.

²⁶ Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, "Opening Address at the International Conference on Religion in the Quest for Global Justice and Peace," *laman sesawang Koleksi Arkib Ucapan Ketua Eksekutif*(dicapai 1 Mac 2018), <http://www.pmo.gov.my/ucapan/index.php?qt=135&m=p&p=all&id=3193>.

²⁷ Muhammed Fauzi bin Othman et al., "Gagasan Islam Hadhari Dan Hubungan Etnik," in *Hubungan Etnik Di Malaysia: Perspektif, Teori Dan Praktik*, ed. Kassim Thukiman dan Hamidah Abdul Rahman(Universiti Teknologi Malaysia, 2009), 216.

dituntut dalam Islam. Walaupun mempunyai perbezaan dari segi agama, namun keadilan merupakan suatu tuntutan yang harus diberikan kepada semua tanpa membezakan antara mana-mana pihak.²⁸

3.3 Bukan Islam dalam Konteks Malaysia

Dalam konteks Malaysia, terdapat elemen etnik yang merangkumi Islam dan bukan Islam dalam kalangan etnik Melayu, Cina dan India. Ini dapat dikesan oleh Saw Swee-Hock apabila beliau menyatakan bahawa etnik yang bukan beragama Islam ialah etnik Cina dan India.²⁹ Oleh sebab itu, wujud pelbagai agama dengan latar belakang yang berbeza dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Ini kerana, setiap etnik mempunyai kepercayaan yang berbeza-beza mengikut kepada agama masing-masing.

Etnik yang terbesar di Malaysia ialah etnik Melayu, Cina dan India. Bagi etnik Melayu, semuanya adalah menganut agama Islam. Manakala, etnik Cina kebanyakannya menganut agama Buddha dan etnik India pula majoritinya menganut agama Hindu.³⁰ Kewujudan pelbagai etnik di Malaysia telah menyebabkan populasi penduduk Malaysia semakin meningkat pada setiap tahun.³¹ Oleh sebab itu, kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada semua golongan dalam kalangan masyarakat termasuk mereka yang bukan beragama Islam. Perkara ini dapat dilihat semasa pentadbiran Tun Abdullah, apabila beliau telah memberi perhatian kepada minoriti bukan Islam melalui pendekatan Islam Hadhari.

²⁸ Yusuf al-Qaradawi, *Ghairul Muslimin Fil Mujtama'a Islami*(Maktabah Wahbah: Kaherah, 1992), 28-29.

²⁹ Saw Swee-Hock, *The Population of Malaysia (Second Edition)*(Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2015), 79.

³⁰ Gerhard Hoffstaedter, "Islam Hadhari: A Malaysian Islamic Multiculturalism or Another Blank Banner," *Institute for Human Security*, no. 3 (2009): 122.

³¹ Swee-Hock, *The Population of Malaysia (Second Edition)*, 82.

Islam Hadhari adalah suatu pendekatan Islam yang bersifat toleran, progresif dan sejahtera.³² Oleh sebab itu, pendekatan Islam Hadhari dilaksanakan di Malaysia kerana bersesuaian dengan konteks masyarakat Malaysia yang mempunyai pelbagai etnik dan agama.³³ Jadual 3.2 menunjukkan bahawa terdapat pelbagai agama dan kumpulan etnik.

Jadual 3.2. Populasi Penduduk Mengikut Agama dan Kumpulan Etnik, 2000.³⁴

Etnik/ Agama	Melayu	Bumiputra lain	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
Nombor ('000)						
Islam	11,680.4 (100%)	932.0 (36.3%)	57.2 (1%)	69.0 (4.1%)	174.8 (64.8%)	12,913.4 (60.4%)
Buddha	-	21.6 (0.8%)	4,325.0 (76%)	20.1 (1.2%)	52.4 (19.4%)	4,419.0 (19.2%)
Konfusianisme/ Tao/Lain	-	3.1 (0.1%)	4,325.0 (76%)	20.1 (1.2%)	0.7 (0.2%)	610.7 (2.6%)
Hindu	-	2.2 (0.1%)	16.1 (0.3%)	1,412.7 (84.1%)	2.3 (0.8%)	1,433.3 (6.3%)
Kristian	-	1,275.0 (49.7%)	539.6 (9.5%)	130.4 (7.8%)	35.5 (13.2%)	1,980.4 (9.1%)
Suku/Folk/agama tradisi lain Cina	-	186.4 (7.2%)	7.9 (0.1%)	0.9 (0.1%)	0.7 (0.2%)	195.3 (0.8%)
Lain-lain	-	35.6 (1.4%)	12.2 (0.2%)	35.6 (2.1%)	1.0 (0.4%)	84.5 (0.8%)
Tiada Agama	-	93.8 (3.7%)	88.9 (1.6%)	0.8 (0.1%)	1.3 (0.5%)	184.7 (0.8%)
Tidak Diketahui	-	18.2 (0.7%)	39.5 (0.7%)	9.3 (0.6%)	1.7 (0.6%)	68.6 (0.3%)
Jumlah	11,680.4	2,567.8	5,691.9	1,680.1	269.7	21,889.9

(Sumber: Saw Swee-Hock, *The Population of Malaysia*)

Jadual di atas menunjukkan statistik populasi penduduk pada tahun 2000. Statistik ini diambil kerana untuk melihat jumlah penduduk di bawah pentadbiran Tun Abdullah. Melalui statistik ini, menunjukkan bahawa populasi penduduk Islam adalah sebanyak 60.4% yang

³² Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, "Keynote Address by the Honourable Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi, Minister of Malaysia at the Conference of Heads of Malaysians Missions," *laman sesawang Koleksi Arkib Ucapan Ketua Eksekutif*(dicapai 7 Februari 2018),

<http://www.pmo.gov.my/ucapan/index.php?qt=islam%20hadhari&m=p&p=all&id=3085>.

³³ Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi "Ucapan Dasar Presiden Umno Di Perhimpunan Agung Umno Ke-58," ibid.(dicapai 25 April 2017), <http://www.pmo.gov.my/ucapan/index.php?m=p&p=paklah&id=3154>.

³⁴ Saw Swee-Hock, *The Population of Malaysia*(Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2007), 79.

terdiri daripada etnik Melayu, Bumiputra lain, Cina, India dan lain-lain. Manakala, populasi penduduk bukan Islam adalah sebanyak 39.6% yang terdiri daripada agama Buddha (19.2%), Konfusianisme dan Tao (2.6%), Hindu (6.3%), Kristian (9.1%), suku/folk dan agama tradisi lain orang Cina (0.8%), lain-lain (0.8%), tiada agama (0.8%) dan tidak diketahui (0.3%).

Statistik ini menjelaskan bahawa populasi penduduk bukan Islam telah hampir mencecah 40%. Melalui statistik berikut menunjukkan bahawa populasi bukan Islam dilihat semakin berkembang. Perkara inilah yang telah menguatkan lagi rasional Tun Abdullah untuk meletakkan hak kumpulan minoriti bukan Islam dalam pendekatan Islam Hadhari kerana bersesuaian dengan konteks masyarakat majmuk di Malaysia.

Masyarakat majmuk telah wujud pada suatu ketika dahulu iaitu pada zaman kerajaan Melayu Melaka.³⁵ Proses ini berlaku secara semulajadi iaitu melalui perdagangan yang dilaksanakan secara sukarela oleh para pedagang. Perkara ini menyebabkan wujudnya unsur-unsur akomodasi dalam masyarakat pada waktu itu.³⁶ Hal ini berlanjutan sehingga agama Islam tersebar ke seluruh pelusuk Melaka. Kemudiannya, undang-undang Islam telah dijadikan asas dalam sistem perundangan Melaka.³⁷ Ini menunjukkan bahawa Melaka merupakan sebuah negara berdaulat yang telah menerima Islam sebagai agama rasmi,³⁸ dalam masa yang sama turut tercermin hak yang diberikan kepada bukan Islam.

Proses akomodasi terus berlaku sehingga pada suatu tempoh di mana penjajah British mengambil alih tumpuk pemerintahan negara. Setelah itu, masyarakat beransur-ansur

³⁵ Mohamed Ali bin Haniffa dan Mohammad Redzuan bin Othman, "Pergaduhan Kaum Di Tanah Melayu Selepas Pendudukan Jepun Hingga Darurat Diisytiharkan," *Jurnal Sejarah* (2013): 98.

³⁶ Nazri Muslim et al., "Persepsi Pelajar Ukm Terhadap Hubungan Etnik Di Malaysia," *Al-Hikmah* 8, no. 2 (2016): 41.

³⁷ Kassim Thukiman dan Hamidah Abdul Rahman dan Suaibah, "Perlembagaan Malaysia Dalam Perspektif Hubungan Etnik" in *Hubungan Etnik Di Malaysia: Perspektif, Teori Dan Praktikal*, ed. Kassim Thukiman dan Hamidah Abdul Rahman(Universiti Teknologi Malaysia, 2009), 94.

³⁸ Zainal Abidin bin Abdul Wahid, "Kerajaan Melaka Dalam Hubungan Antarabangsa," *JEBAT* 18(1990): 82.

menjadi satu corak yang dominan apabila British menguasai Tanah Melayu. Oleh sebab itu, wujudnya agama-agama lain seperti Hindu dan Buddha yang semakin meningkat di Tanah Melayu. Ini kerana, British merupakan penjajah yang memainkan peranan utama dalam memasukkan imigren dari negara China yang menganut agama Buddha dan India yang beragama Hindu.³⁹ Kemasukan emigran oleh penjajah British telah menyebabkan wujudnya pelbagai etnik dan agama yang hidup bersama di Tanah Melayu.

Kaum emigran dari negara China dan India telah mula memasuki Tanah Melayu pada abad ke-19 lagi setelah British mengambil alih kuasa pemerintahan negara. Kedua-dua kaum tersebut telah diasangkan penempatannya berasaskan kepada bidang kerja masing-masing. Ini kerana, kaum Cina telah dijadikan sebagai buruh dalam pelbagai sektor ekonomi seperti di lombong bijih timah.⁴⁰ Manakala, kaum India pula ditempatkan di ladang-ladang seperti ladang getah.⁴¹ Walaupun setiap kaum berada dalam keadaan yang terpisah dengan kaum lain ataupun homogeneous dalam masyarakat yang pelbagai, namun mereka tetap hidup dalam keadaan yang aman tanpa menghadapi sebarang konflik antara kaum.

Kemasukan emigran oleh penjajah British telah menyebabkan penempatan setiap kaum dibahagikan mengikut kaum masing-masing. Oleh sebab itu, setiap kaum tidak dapat berinteraksi antara satu sama lain kerana kawasan penempatan mereka adalah berbeza-beza.⁴² Setelah negara bebas daripada penguasaan penjajah, maka proses asimilasi telah berlaku dalam masyarakat. Pada masa ini, perpaduan dan penyatuan terus diterapkan dalam

³⁹ Mohamad Zaidi Bin Abdul Rahman, "Constitutional Religious Right," 93.

⁴⁰ Fairisa Binti Othman, "Sumbangan Orang Cina Di Tanah Melayu Kepada Negara China: 1880-1941" (Tesis master, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010), 2.

⁴¹ Jagathasan Naidu A/L Ramakrishnan, "Masyarakat India Malaysia Dan Dasar Ekonomi Baru: Satu Kes Terhadap Penyediaan Ekuiti" (Tesis master, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1996), 21.

⁴² Nazri Muslim, "Implikasi Peruntukan Islam Dan Orang Melayu Dalam Perlumbagaan Persekutuan Terhadap Hubungan Etnik Di Malaysia," *Kemanusiaan* 19, no. 2 (2012): 27.

diri setiap masyarakat.⁴³ Ini adalah untuk mengelakkan daripada timbulnya pelbagai masalah dan konflik yang boleh berlaku.

Justeru, pada masa ini fungsi undang-undang dalam negara telah digunakan dengan sebaiknya untuk mengawal interaksi antara kaum yang beragama Islam dan bukan Islam. Kewujudan bukan Islam di Malaysia telah diiktiraf dalam perlembagaan hasil daripada imigren yang terjadi sebelum ini. Oleh itu, mereka juga merupakan sebahagian daripada masyarakat yang diiktiraf sebagai warganegara Malaysia. Maka, bahagian yang seterusnya ini akan membincangkan tentang jaminan yang diberikan kepada bukan Islam yang berada di Malaysia.

3.4 Jaminan kepada Bukan Islam di Malaysia

Kewujudan minoriti bukan Islam pada asasnya mempunyai hak yang patut diiktiraf oleh kerajaan. Hal ini dapat dikesan dalam *International Covenant on Civil and Political Rights* (ICCPR) yang menyatakan bahawa kelompok yang berasaskan agama, mereka patut diberikan ruang untuk menggunakan budaya, agama dan bahasa masing-masing. Meskipun, mereka adalah kumpulan minoriti dalam masyarakat yang dominan.⁴⁴ Walaubagaimanapun, kumpulan minoriti dalam agama sering menghadapi masalah untuk mengamalkan agama mereka kerana terdapat elemen diskriminasi. Perkara ini terjadi apabila agama dilihat sebagai ancaman kepada negara dan budaya dalam sebuah masyarakat.⁴⁵

⁴³ Muhammed Fauzi bin Othman, Mohd Koharuddin Balwi, and Mohd Azhar Abdul Hamid, "Globalisasi Dan Hubungan Etnik," (2009): 247.

⁴⁴ United Nations Development Programme, *Marginalised Minorities in Development Programming*(New York: United Nations Development Programme, 2010), 7.

⁴⁵ Roger Finke, Robert R. Martin, and Jonathan Fox, "Explaining Discrimination against Religious Minorities," 389.

Hal ini berbeza dengan pengamalan yang dilaksanakan dalam agama Islam kerana Islam tidak pernah mewujudkan elemen diskriminasi kepada golongan minoriti bukan Islam.⁴⁶ Ini kerana, Islam menyuruh umatnya supaya sentiasa berlaku adil dalam melaksanakan sesuatu perkara tanpa melihat kepada perbezaan agama. Islam juga telah menguatkan hak minoriti bukan Islam melalui penjelasan al-Quran sepertimana yang terdapat dalam surah al-Hujurat ayat 13, surah al-Mumtahanah ayat 8 dan surah al-Nisa' 135.⁴⁷ Penerangan ayat ini boleh dilihat dalam konsep minoriti yang telah dijelaskan sebelum ini.

Minoriti bukan Islam di Malaysia juga tidak pernah dipinggirkan sepertimana yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan. Hak mereka terus diberikan kerana perlembagaan adalah untuk semua rakyat termasuk mereka yang bukan beragama Islam. Oleh sebab itu, minoriti bukan Islam mempunyai hak dalam agama mereka seperti kebebasan untuk menganut agama dan mengamalkan budaya mereka secara aman.⁴⁸

Perbezaan agama yang terdapat di Malaysia tidak menghalang daripada setiap agama untuk mengamalkan budaya masing-masing. Perkara ini dibolehkan selagi mana tidak bercanggah dengan perkara yang termaktub dalam perlembagaan. Justeru, bahagian ini akan membincangkan secara lanjut tentang undang-undang sebelum dan selepas kemerdekaan yang memberi jaminan kepada bukan Islam di Malaysia.

⁴⁶ Mahmood Zuhdi Ab. Majid, *Memahami Islam Hadhari*, 168.

⁴⁷ Untuk keterangan lanjut sila lihat muka surat 65, 67 dan 69.

⁴⁸ Nazri Muslim, Nik Yusri Musa, and Ahmad Hidayat Buang, "Hubungan Etnik Di Malaysia Dari Perspektif Islam," 12.

3.4.1 Sebelum Kemerdekaan

Sistem perundangan telah mula wujud semenjak zaman kerajaan Melayu Melaka. Pada masa ini, mereka menggunakan undang-undang yang berasaskan kepada adat resam masyarakat tempatan iaitu Melayu-Hindu-Buddha.⁴⁹ Namun setelah kedatangan Islam, pemerintah telah membuat perubahan dalam pentadbiran Tanah Melayu dengan menggunakan undang-undang Islam semenjak abad ke-15.⁵⁰ Pelaksanaan undang-undang Islam telah memberikan perhatian kepada semua golongan termasuk mereka yang bukan beragama Islam. Ini kerana, ia merupakan undang-undang yang bersifat sejagat dan praktikal untuk dilaksanakan kepada seluruh masyarakat.

Namun, pelaksanaan undang-undang di Tanah Melayu sering bertukar setelah negara mula dijajah oleh Portugis, Belanda, Inggeris dan Jepun selama 500 tahun. Setiap penjajah telah membawa undang-undang mereka ke Tanah Melayu tetapi undang-undang Inggeris sahaja yang telah memberi kesan yang banyak kepada negara.⁵¹ Pemakaian undang-undang Inggeris telah dilaksanakan secara tidak rasmi di Perak pada tahun 1884. Kemudiannya, undang-undang ini dikembangkan ke seluruh Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Akhirnya, undang-undang Inggeris telah dilaksanakan secara rasmi pada tahun 1937 yang dikenali sebagai Enakmen Undang-Undang Sivil di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.⁵²

Pelaksanaan undang-undang sivil tidak memberi peruntukan yang khusus kepada masyarakat yang beragama Islam kerana undang-undang ini sesuai untuk diamalkan oleh semua masyarakat. Oleh sebab itu, undang-undang yang diberikan kepada orang Islam hanya

⁴⁹ Zanariah Bt. Dimon, "Perkembangan Undang-Undang Jenayah Islam Di Malaysia" (Tesis master, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004), 2.

⁵⁰ Ramizah Wan Muhammad, "Sejarah Pentadbiran Kehakiman Islam Di Malaysia: Satu Sorotan," *Jurnal Undang-Undang Malaysia* 21, no. 1 (Mac 2009): 1-2.

⁵¹ Zaini Nasohah, *Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Malaysia: Sebelum Dan Menjelang Merdeka*, 19.

⁵² Ibid., 33-34.

berada di bawah satu enakmen yang disebut sebagai enakmen undang-undang keluarga dan pembahagian harta pusaka.⁵³ Enakmen inilah yang telah digunakan oleh orang Islam di Tanah Melayu semasa penjajahan British.

Penjajahan British terus berlanjutan sehingga British berjaya mewujudkan kerajaan Malayan Union yang telah diisytiharkan secara rasmi oleh Edward Gent. Namun, pelaksanaan kerajaan dan Perlembagaan Malayan Union telah mendapat tentangan yang hebat oleh seluruh orang Melayu. Ini kerana, Perlembagaan Malayan Union telah menafikan kepentingan orang Melayu dengan menghapuskan hak istimewa orang Melayu dan diganti dengan hak sama rata bagi semua kaum. Penentangan yang kuat oleh orang Melayu telah menyebabkan British membubarkan Malayan Union dan diganti dengan Persekutuan Tanah Melayu.⁵⁴

Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu telah mengembalikan semula hak bagi orang Melayu dan agama Islam. Ini kerana, buat kali pertama Islam telah menjadi agama rasmi di Tanah Melayu secara bertulis.⁵⁵ Perkara ini merupakan suatu kejayaan besar yang diterima melalui memorandum yang telah dicadangkan Parti Perikatan dalam Laporan Suruhanjaya Reid.⁵⁶ Dalam laporan ini, semua kaum telah menyuarakan pendapat mereka melalui memorandum kepada pihak Suruhanjaya Reid termasuk mereka yang bukan beragama Islam.⁵⁷ Akhirnya, hak orang Islam dan bukan Islam telah terjamin dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang diperkenalkan pada 31 Ogos 1957.

⁵³ Kassim Thukiman dan Hamidah Abdul Rahman dan Suaibah, "Perlembagaan Malaysia Dalam Perspektif Hubungan Etnik" 97.

⁵⁴ Ibid., 99-100.

⁵⁵ Mohamad Zaidi Bin Abdul Rahman, "Constitutional Religious Right," 87.

⁵⁶ Abdul Halim bin Ramli, Mohammad Redzuan Othman, and Ahmad Kamal Ariffin bin Mohd Rus, "Reaksi Pas Terhadap Laporan Suruhanjaya Reid Dan Islam Sebagai Agama Persekutuan Dalam Perlembagaan Merdeka," 177.

⁵⁷ Ibid., 171.

3.4.2 Selepas Kemerdekaan

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah dikuatkuasakan selepas kemerdekaan Tanah Melayu dan pada 16 September 1963 dan dikenali sebagai Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Undang-undang ini telah dilaksanakan secara adil dan saksama tanpa melihat kepada agama sesuatu kaum. Perbezaan antara kaum hanya dapat dilihat melalui kepercayaan dalam agama masing-masing.⁵⁸ Ini kerana, semua rakyat Malaysia yang beragama Islam dan bukan beragama Islam telah diintegrasikan sebagai warganegara Malaysia.⁵⁹ Oleh sebab itu, semua orang adalah sama di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata sepetimana yang terkandung dalam peruntukan Perkara 8 (2) Perlembagaan Persekutuan.⁶⁰

Kewujudan masyarakat majmuk di Malaysia bukanlah suatu masalah yang besar kepada negara. Ini kerana, Perlembagaan Persekutuan telah memberi peruntukan kepada orang Islam dan orang bukan Islam. Hal ini dapat dilihat dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang menjelaskan bahawa Islam adalah sebagai agama rasmi.⁶¹ Namun, orang bukan Islam boleh menganut, mengamal dan mengembangkan agama mereka tanpa ada sebarang gangguan. Peruntukan ini dapat dilihat dalam Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa setiap warganegara mempunyai hak kepada agama mereka.⁶²

⁵⁸ Abdul Monir Bin Yaacob, "Kaum Dan Tanggungjawab Pelbagai Kaum Dari Perspektif Syariah," in *Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam*(Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia 2005), 534.

⁵⁹ Bernama, "Khoo Kay Kim: Hak Istimewa Melayu Tak Boleh Dipadam," *laman sesawang Malaysiakini*(dicapai 21 September 2017), <https://www.malaysiakini.com/news/142082>

⁶⁰ Lembaga Penyelidikan Undang-Undang Malaysia, Perlembagaan Persekutuan, Petaling Jaya, Selangor: International Law Book Services, 2009, 24. Dalam Bahagian 2, Perkara 8 mengatakan mengenai kesamarasaan.

⁶¹ Nazri Muslim, "Implikasi Peruntukan Islam Dan Orang Melayu Dalam Perlembagaan Persekutuan Terhadap Hubungan Etnik Di Malaysia," 30.

⁶² Siti Khadijah Yasin dan Fadzli Adam, "Konflik Perpaduan Kaum Dalam Ketamadunan Masyarakat Melayu Malaysia" (paper presented at the Malaysia Proceedings of ICIC 2015 - International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century, Universiti Sultan Abdul Aziz, 6-7 September 2015).

Semenjak negara mencapai kemerdekaan tiada kaum yang dinafikan haknya, malah setiap bangsa dan agama mendapat perlindungan dalam Perlembagaan Persekutuan. Oleh sebab itu, minoriti bukan Islam turut sama dapat menikmati hak yang telah diberikan oleh kerajaan. Selain itu, mereka juga mempunyai hak untuk melibatkan diri dalam pentadbiran negara, aktiviti ekonomi, sosial, pendidikan, agama dan politik.⁶³

Setiap perkara yang diberikan kepada golongan minoriti bukan Islam adalah bersesuaian dengan corak keadaan masyarakat yang mempunyai pelbagai bangsa dan agama. Selari dengan perbincangan ini, maka bahagian yang seterusnya akan membincangkan tentang analisis pembelaan bukan Islam di bawah pelaksanaan Islam Hadhari.

3.5 Pendekatan Tun Abdullah dalam Mengurus Masyarakat Bukan Islam melalui Pemerkasaan Institusi

Islam Hadhari merupakan salah satu pendekatan di bawah pentadbiran Tun Abdullah. Antara pendekatan lain yang dilaksanakan beliau semasa pentadbirannya adalah seperti pelaksanaan Misi Nasional, Pelan Integriti Nasional, Pembangunan Koridor Ekonomi dan Pembangunan Modal Insan.⁶⁴ Setiap pendekatan yang dilaksanakan Tun Abdullah akan melihat kepada keperluan masyarakat dalam negara.

Pendekatan Islam Hadhari adalah salah satu pendekatan yang telah dilaksanakan kerana bersesuaian dengan keadaan masyarakat majmuk di Malaysia. Ini kerana, pendekatan ini akan dapat menjaga hubungan antara kaum sebagaimana yang diterangkan oleh Tun Abdullah yang menyatakan bahawa “Keharmonian akan diperoleh melalui pelaksanaan Islam Hadhari kerana ia mempunyai prinsip-prinsip bersifat universal yang sesuai untuk semua kaum”. Pelaksanaan Islam Hadhari telah menyebabkan setiap masyarakat dapat

⁶³ Department of Islamic Development Malaysia, *Islam Hadhari an Explanation*, 25.

⁶⁴ Pejabat Tun Abdullah Ahmad Badawi, "Biografi Tun Abdullah Ahmad Badawi".

menjalani kehidupan yang harmoni kerana agama Islam dijadikan sebagai cara hidup yang utama dalam pelaksanaannya. Bahkan, pendekatan ini telah dilaksanakan kepada semua rakyat termasuk kepada mereka yang bukan Islam.⁶⁵ Perkara ini bertujuan untuk tidak menimbulkan sebarang konflik antara kaum supaya dapat menjaga hubungan sesama manusia.⁶⁶

Islam Hadhari adalah salah satu pendekatan yang digunakan untuk mengurus masyarakat majmuk di Malaysia. Selain itu, terdapat pendekatan lain yang dilaksanakan oleh Tun Abdullah untuk mengurus masyarakat bukan Islam dalam pentadbirannya iaitu melalui pemerkasaan institusi yang telah sedia ada di Malaysia. Terdapat dua institusi yang diperkasakan untuk menjaga orang bukan Islam, institusi tersebut adalah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) serta jawatankuasa khas di bawah Jabatan Perdana Menteri. Oleh itu, perkara ini akan dibincangkan secara jelas dalam bahagian yang seterusnya.

3.5.1 Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional di bawah Jabatan Perdana Menteri

Sebagai sebuah negara yang mempunyai pelbagai kaum dan agama, Malaysia menyedari betapa perlunya untuk mengekalkan keharmonian. Pendekatan yang dapat mewujudkan elemen harmoni perlu dimulakan semenjak daripada awal lagi supaya dapat mengekalkan keharmonian antara kaum.⁶⁷ Perkara ini akan dapat mengelakkan daripada berlakunya sebarang konflik kerana konflik boleh menjelaskan keharmonian negara. Untuk mengelakkan daripada berlakunya konflik, maka kerajaan sentiasa berusaha memperbaiki

⁶⁵ Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, "Statement on Rules for a Global Neighbourhood in a Multicultural World".

⁶⁶ Md. Shukri Shuib, "Cetusan Pendekatan Islam Hadhari Bagi Menangani Ekstremism Islam Malaysia," (2007).

⁶⁷ Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, "Islam Hadhari or Civilizational Islam".

pentadbiran dengan melaksanakannya secara adil dan saksama kepada seluruh masyarakat di Malaysia.

Untuk terus menjaga hubungan antara kaum, perhatian turut diberikan kepada bukan Islam. Ini dapat dilihat melalui pemerkasaan institusi yang sedia ada oleh pihak kerajaan. Perkara ini dapat dikesan melalui penambahbaikan yang dilakukan ke atas JPNIN yang pada waktu itu berada di bawah Jabatan Perdana Menteri. Penubuhan JPNIN adalah untuk menggantikan institusi yang sebelum ini dipanggil sebagai Jabatan Perpaduan Negara. Tujuan pemerkasaan JPNIN adalah untuk mencapai perpaduan antara kaum dalam masyarakat majmuk yang terdapat di Malaysia.⁶⁸ Selain itu, JPNIN juga adalah salah satu institusi yang telah memberikan perhatian terhadap masalah yang berlaku kepada orang bukan Islam.⁶⁹

JPNIN telah terlibat secara langsung dalam pendekatan Islam Hadhari. Ini dapat dilihat melalui penyediaan garis panduan pelaksanaan pendekatan Islam Hadhari di agensi-agensi kerajaan. Garis panduan ini diwujudkan supaya dapat menerangkan secara jelas kepada penjawat awam bahawa pendekatan Islam Hadhari adalah untuk membangunkan ummah dan negara menerusi penerapan nilai-nilai yang bersifat universal.⁷⁰

Kesimpulannya, Tun Abdullah tidak banyak memberikan kelebihan untuk orang bukan Islam kerana penekanan beliau lebih kepada perkara yang utama dalam negara.

⁶⁸ Jabatan Perpaduan Negara dan Intergarasi Nasional, "Sejarah Jpnin," *laman sesawang Jabatan Perpaduan Negara dan Intergarasi Nasional*(dicapai 11 April 2018), <https://www.perpaduan.gov.my/ms/info-jpnin/profil>.

⁶⁹ Rozaman Ismail and Helmi Mohd. Foad, "Hal Bukan Islam Diberi Perhatian," *laman sesawang Utusan Online*(dicapai 16 April 2018),

http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1219&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan &pg=mh_02.htm.

⁷⁰ Jabatan Perpaduan Negara dan Intergarasi Nasional, "Garis Panduan Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari Di Agensi-Agenzi Kerajaan," *laman sesawang Jabatan Perpaduan Negara dan Intergarasi Nasional*(dicapai 27 September 2017), <https://www.jpnin.gov.my/sites/default/files/Islam%20Hadhari.pdf>.

Namun, beliau tetap mengambil perhatian kepada minoriti tetapi dengan hanya menggunakan institusi yang sedia ada bagi menjaga kedudukan bukan Islam di Malaysia.

3.5.2 Jawatankuasa Khas di bawah Jabatan Perdana Menteri

Perhatian yang diberikan kepada bukan Islam dapat dikesan melalui pemerkasaan jawatankuasa khas yang berada di bawah Jabatan Perdana Menteri. Institusi ini telah sedia ada berada dalam kerajaan. Pemerkasaan ini adalah bertujuan untuk menjaga hubungan antara kaum dengan memainkan peranan orang bukan Islam dengan menjaga perkara yang berkaitan dengan agama selain Islam. Dalam jawatankuasa ini, terdapat tiga menteri bukan Islam yang menjaga hal ehwal berkaitan agama bukan Islam antaranya adalah seperti Tan Sri Bernard Dompok di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menjaga agama Kristian, Datuk Seri S. Samy Vellu di bawah Menteri Kerja Raya yang menjaga agama Hindu dan Datuk Seri Ong Ka Ting di bawah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang menjaga agama Buddha.⁷¹

Pemerkasaan institusi yang sedia ada untuk orang bukan Islam telah memainkan peranan yang efektif dalam negara. Oleh sebab itu, Tun Abdullah menjelaskan bahawa penubuhan sebuah jabatan yang bertujuan untuk menjaga orang bukan Islam tidak diperlukan lagi buat masa ini. Ini kerana, sebuah jabatan yang ingin ditubuhkan untuk menjaga orang bukan Islam adalah suatu perkara yang besar untuk dilaksanakan di Malaysia. Perhatian yang telah diberikan oleh dua institusi ini sudah cukup memadai untuk menjaga orang bukan Islam.⁷²

⁷¹ Rozaman Ismail and Helmi Mohd. Foad, "Hal Bukan Islam Diberi Perhatian".

⁷² Malaysia Today, "Penubuhan Sebuah Jabatan Bagi Jaga Kepentingan Bukan Islam Tidak Perlu," *laman sesawang Malaysia Today*(dicapai 27 Ogos 2018), <http://www.malaysia-today.net/2007/12/19/penubuhan-sebuah-jabatan-bagi-jaga-kepentingan-bukan-islam-tidak-perlu/>.

Institusi yang diperkasakan oleh pihak kerajaan adalah bertujuan untuk menjaga kepentingan semua agama di Malaysia. Perkara ini akan dapat menghindarkan konflik yang tidak diingini berlaku. Ini kerana, kebanyakan konflik yang berlaku akan menyebabkan berlakunya perpecahan antara kaum. Oleh sebab itu, pelbagai usaha yang dilaksanakan Tun Abdullah dalam pentadbiran negara dan perkara ini telah menyebabkan beliau dikenali sebagai “Bapa Pembangunan Modal Insan”. Gelaran ini diberikan kerana bersesuaian dengan perubahan yang dilaksanakan beliau dalam pentadbirannya.

Pembinaan hubungan antara kaum sangat diperlukan dalam sebuah negara yang membangun sepetimana di Malaysia. Untuk melaksanakan sesuatu perkara, ia mestilah bertujuan untuk mencapai perpaduan dan keharmonian masyarakat dengan melibatkan semua masyarakat sama ada yang beragama Islam dan bukan beragama Islam. Penglibatan semua kaum ini menunjukkan bahawa keadilan telah diberikan kepada semua manusia tanpa membezakan antara satu sama lain.

3.6 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa makna minoriti dalam prinsip ketujuh Islam Hadhari mempunyai pelbagai makna. Dalam konteks sosiologi, makna minoriti bukan sahaja dalam bentuk kuantiti kerana ia juga boleh membawa makna kumpulan yang dianaya dan dipinggirkan oleh kumpulan majoriti. Dari sudut Islam Hadhari pula, para penulis menyatakan bahawa minoriti mempunyai makna yang lebih abstrak. Ini kerana, penjelasannya adalah berkaitan dengan aspek kuantiti yang berlaku dalam kehidupan masyarakat.

Oleh hal yang demikian, tumpuan Tun Abdullah dalam prinsip ini adalah untuk orang bukan Islam. Ini kerana, Tun Abdullah melihat minoriti bukan Islam adalah kumpulan yang

perlu diberikan perhatian dalam pendekatan Islam Hadhari. Oleh itu, beliau telah menjelaskan makna minoriti melalui tiga ayat al-Quran sepetimana yang terdapat dalam surah al-Hujurat ayat 13, surah al-Mumtahanah ayat 8 dan surah al-Nisa' ayat 135. Ayat al-Quran ini diambil kerana ia menerangkan tentang beberapa kategori yang wujud dalam masyarakat.

Bukan Islam adalah kategori yang wujud dalam masyarakat di Malaysia. Mereka terdiri daripada etnik Cina dan etnik India yang beragama Buddha, Konfusianisme dan Tao, Hindu, Kristian, suku/folk dan agama tradisi lain orang Cina. Orang bukan Islam adalah golongan minoriti kerana jumlah mereka lebih sedikit berbanding dengan orang Islam. Meskipun jumlah bukan Islam adalah sedikit, namun pembelaan tetap diberikan kepada kumpulan minoriti melalui pendekatan Islam Hadhari. Ini kerana, ia adalah sebahagian daripada kehendak yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan.

Melalui pendekatan Islam Hadhari, Tun Abdullah menekankan kepada nilai-nilai yang mempunyai unsur Islam. Maka secara tidak langsung, pendekatan ini juga mengambil berat tentang golongan bukan Islam supaya golongan ini tidak terasa dipinggirkan. Penglibatan semua kaum dalam negara adalah untuk mencapai keharmonian kaum dalam negara.

Untuk terus menjaga keharmonian negara, Tun Abdullah telah menggunakan beberapa pendekatan. Contohnya adalah dengan mengurus masyarakat bukan Islam melalui pemerkasaan dua institusi yang sedia ada dalam pentadbiran. Institusi tersebut adalah jawatankuasa khas dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) yang berada di bawah Jabatan Perdana Menteri. Pemerkasaan ini adalah selari dengan jaminan yang diberikan kepada bukan Islam dalam pendekatan Islam Hadhari.

BAB 4: MASALAH DAN ISU BUKAN ISLAM SEMASA PELAKSANAAN ISLAM HADHARI

4.1 Pengenalan

Semasa pelaksanaan Islam Hadhari, Tun Abdullah telah melaksanakannya kepada seluruh masyarakat majmuk di Malaysia. Pendekatan ini telah memberi ruang kepada bukan Islam untuk bersuara kerana Tun Abdullah dilihat terlalu terbuka dalam pentadbirannya. Hal ini menyebabkan terdapat beberapa permasalahan dan isu yang berlaku. Maka dalam bab keempat ini, perbincangan akan memfokuskan kepada masalah dan isu yang berlaku kepada bukan Islam semasa pelaksanaan Islam Hadhari.

Sehubungan itu, perbincangan dalam bab ini adalah berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh orang bukan Islam dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia. Kemudian diikuti dengan isu-isu terpilih bukan Islam di dalam pendekatan Islam Hadhari. Contohnya adalah seperti isu rumah ibadat bukan Islam. Selain itu, isu yang berlaku telah melibatkan sistem perundangan di Malaysia. Antaranya adalah isu penggunaan kalimah Allah oleh bukan Islam, isu perebutan mayat, isu penjagaan anak bukan Islam dan isu pemindaian Perlembagaan Persekutuan oleh menteri-menteri bukan Islam.

4.2 Masalah Bukan Islam dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia

Masyarakat majmuk yang berada di Malaysia telah mewujudkan kepelbagaian agama dan budaya. Kepelbagaian ini telah menjadikan Malaysia mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Meskipun mempunyai kepelbagaian agama, namun masyarakat masih boleh berhubung, bekerjasama dan saling menghormati antara satu sama lain.¹

Kepelbagaian masyarakat di Malaysia telah menyebabkan masyarakat terdiri daripada mereka yang beragama Islam dan bukan beragama Islam. Bukan Islam adalah golongan minoriti yang telah wujud dalam kehidupan masyarakat yang toleran dan masyarakat Islam telah menerima keadaan ini semenjak daripada awal lagi. Oleh sebab itu, golongan bukan Islam sentiasa dilindungi oleh pihak kerajaan kerana mereka juga mempunyai hak dalam mengamalkan agama.² Selain itu, mereka juga diberikan kebebasan untuk menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan kepercayaan dalam ajaran agama masing-masing.

Hak yang diberikan kepada golongan bukan Islam adalah bertepatan dengan apa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Oleh sebab itu, perlembagaan telah dijadikan sebagai rujukan utama bagi rakyat Malaysia supaya dapat menghindarkan daripada berlakunya sebarang masalah dan konflik dalam negara. Ini kerana, sejarah telah membuktikan bahawa konflik akan mudah berlaku sekiranya terdapat perbezaan dari segi agama, ideologi, warna kulit, bahasa dan budaya.³ Perkara ini juga diakui oleh sejarawan negara iaitu Khoo Kay Kim yang menyatakan bahawa perbezaan agama di Malaysia adalah

¹ Lee Lam Thye, "Dasar Dan Halatuju Dalam Usaha Menyatupadukan Masyarakat Berbilang Kaum," in *Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam*(Institut Kefahaman Islam Malaysia: Kuala Lumpur, 2005), 569.

² Abdul Monir Bin Yaacob, "Kaum Dan Tanggungjawab Pelbagai Kaum Dari Perspektif Syariah," ibid.(Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia), 534.

³ Nur Azuki bin Yusuff, "Isu Dan Permasalahan Hubungan Antara Agama Di Malaysia Kini Dan Jalan Penyelesaiannya," (2015).

suatu perkara yang membimbangkan dan amat rapuh.⁴ Oleh itu, kepelbagaiannya agama dan integrasi antara kaum adalah penyebab munculnya beberapa masalah dalam masyarakat majmuk di negara ini.

Contoh masalah yang dihadapi oleh golongan bukan Islam di Malaysia adalah seperti perkara yang melibatkan konflik antara kaum. Antaranya ialah isu yang pernah berlaku di Batu Pahat (1945/46), Batu Malim, Raub (1946), Batu Kikir (1946), Pulau Pinang (Januari 1958), Pulau Pangkor (Mei 1959) dan Bukit Mertajam (1967).⁵ Selepas 10 tahun negara mencapai kemerdekaan, wujud pula suatu peristiwa besar yang berlaku antara kaum iaitu rusuhan 13 Mei 1969.⁶ Rusuhan ini tercetus kerana ketidakpuasan hati masyarakat kepada politik, sosial dan ekonomi antara kaum.⁷ Ini merupakan rusuhan antara kaum yang terbesar pernah berlaku di Malaysia dan telah menyebabkan 196 kematian.⁸

Konflik antara kaum terus berlaku dalam masyarakat pada tahun 1998 di Pulau Pinang. Konflik ini menyebabkan pergaduhan apabila ketegangan yang berlaku antara kariah Masjid Kampung Rawa Jalan Patani, Bandar Raya Georgetown dengan pengikut agama Hindu yang membina dan membesarkan Kuil Raja Mathuraiveeran.⁹ Isu tersebut akhirnya

⁴ Khoo Kay Kim, "The Making of Malaya, 1946-1955: The Fruits of Ethnic Cooperation," in *Malaysian Chinese and Nation Building: before Merdeka and Fifty Years After*, ed. Voon Phing Keong(Kuala Lumpur: Centre for Malaysian Chinese Studies, 2007).

⁵ Azarudin Bin Awang, "Kajian Pengalaman Dialog Kehidupan Masyarakat Cina Muslim Terengganu Sebelum Dan Selepas Konversi" (Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015), 3.

⁶ Tommy Thomas, "Significance and Relevance of International Instruments on Religious Liberty for Malaysia," in *Religious Liberty after 50 Years of Independence*, ed. Samuel Ang, Lee Min Choon, and Liew Siew Foong(Selangor: NECF Malaysia Research Commission, 2008), 36.

⁷ Muhammed Fauzi bin Othman, Mohd Koharuddin Balwi, and Mohd Azhar Abdul Hamid, "Globalisasi Dan Hubungan Etnik," 259.

⁸ Peristiwa ini bermula apabila dua perarakan dibuat pada malam 13 Mei oleh parti pembangkang dan penyokong parti pemerintah sehingga menyebabkan tercetus perbalahan. Keadaan ini menjadi semakin tegang setelah perarakan pengkebumian seorang ahli Parti Buruh ditembak mati oleh polis di Kepong. Rusuhan berakhir setelah enam hari. Untuk keterangan lanjut sila lihat, Mohd. Safar Hasim, "Pengaliran Berita Antarabangsa: Satu Kajian Terhadap Laporan Kejadian 13 Mei, 1969 Oleh Akhbar Barat," *Akademika* 28(1986): 23-24.

⁹ Aziz Ishak, "Bahaya Konflik Etnik," *laman sesawang Utusan Online*(dicapai 15 November 2017), http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0312&sec=Rencana&pg=re_02.htm.

menemui jalan penyelesaian apabila persetujuan telah dibuat antara jawatankuasa masjid dan kuil tersebut. Ini kerana, kerajaan negeri telah membuat keputusan untuk memindahkan kuil ke sebuah tapak yang baru setelah mendapat persetujuan daripada kedua-dua pihak.¹⁰

Pada tahun 2001, wujud satu lagi konflik antara kaum yang mengakibatkan berlakunya pergaduhan beramai-ramai antara kaum Melayu dan India.¹¹ Perkara ini terjadi kerana terdapat masalah kemiskinan dan jurang ekonomi yang ketara antara kaum.¹² Terdapat beberapa kawasan yang terlibat dalam isu ini antaranya adalah di Taman Desaria, Kampung Medan, Kampung Lindungan dan Taman Datuk Harun. Pergaduhan ini telah menyebabkan enam orang terbunuh iaitu lima orang berbangsa India dan seorang warganegara Indonesia manakala lebih 40 orang telah tercedera.¹³

Masalah bukan Islam juga berlaku dalam sistem perundangan di Malaysia. Ini dapat dilihat melalui isu antara Tang Sung Mooi dan Too Miew Kim yang merupakan pasangan suami isteri telah membuat perceraian di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Isu mereka bermula apabila isteri mahu membuat pembahagian aset pernikahan terhadap suami tetapi permintaan ini ditentang oleh pihak suami. Beliau mengatakan bahawa Mahkamah Tinggi tidak mempunyai kuasa ke atas tuntutan tersebut kerana suami telah memeluk agama Islam. Namun, seksyen 51 (2) telah jelas menyatakan bahawa bantuan tambahan akan diberikan untuk pasangan yang sama seperti mereka. Oleh itu, Mahkamah Tinggi mempunyai kuasa

¹⁰ Zainu'l Azhar Ash'ari, "Gaduh: 107 Ditahan - Ketegangan Isu Kuil Dan Masjid Di Kampung Rawa," ibid.(dicapai 17 April 2018),

http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=1998&dt=0329&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=fp_01.htm.

¹¹ Rahimin Affandi Abd. Rahim et al., "Dialog Antara Agama: Realiti Dan Prospek Di Malaysia," *Kajian Malaysia* 29, no. 2 (2011): 92.

¹² Aszlan Selamat and Mohamad Iszuan bin Safarudin, "Penilaian Faktor-Faktor Kesenjangan Etnik Di Malaysia Sebagai Penghalang Perpaduan Nasional," (2017): 85.

¹³ Ismail Daud, "Jangan Sebar Khabar Angin - Amaran Abdullah Elak Kebimbangan Mengenai Pergaduhan Di Jalan Klang Lama," *laman sesawang Utusan Online*(dicapai 17 April 2018),
http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0313&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_01.htm.

untuk mendengar dan menentukan isu berkenaan. Ini kerana, suami mempunyai kewajipan di atas perkahwinan bukan Islam yang tidak boleh dipadamkan oleh penukaran agama kepada Islam.¹⁴

Isu yang melibatkan sistem perundangan juga berlaku pada Januari 2006. Isu ini berlaku kepada Nyonya Tahir yang berusia 89 tahun merupakan seorang yang berbangsa Melayu tetapi dibesarkan dengan mengamalkan agama Buddha. Oleh itu, status agama Islam Nyonya Tahir telah dibuat oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). Laporan telah mengesahkan bahawa Nyonya Tahir tidak berniat untuk memeluk Islam kerana beliau telah mempraktikkan agama Buddha semenjak kecil. Hakim syariah telah memutuskan bahawa beliau bukan seorang yang beragama Islam.¹⁵

Isu yang telah diterangkan sebelum ini adalah isu yang berlaku kepada bukan Islam sebelum pelaksanaan Islam Hadhari. Rentetan daripada isu itu, terdapat beberapa isu bukan Islam yang berlaku semasa pelaksanaan Islam Hadhari. Oleh itu, penjelasan berkaitannya akan diuraikan dalam bahagian yang seterusnya ini.

4.3 Isu-Isu Terpilih Bukan Islam semasa Pelaksanaan Islam Hadhari

Masalah bukan Islam tetap berlaku pada zaman Tun Abdullah, meskipun beliau telah membuat pemerkasaan institusi untuk menjaga golongan bukan Islam. Ini kerana, corak pentadbiran Tun Abdullah adalah lebih terbuka dan beliau tidak menyekat masalah yang

¹⁴ Crystal Kuek Chee Ying, "Religious Liberty: The Trends of Legislation and Court Judgements," in *Religious Liberty after 50 Years of Independence*, ed. Samuel Ang, Lee Min Choon, and Liew Siew Foong (Selangor: NECF Malaysia Research Commission, 2008), 69.

¹⁵ Ibid., 70.

berlaku dengan menggunakan sistem perundangan. Oleh sebab itu, ada pihak yang berani menyuarakan pendapat mereka semasa pentadbiran Tun Abdullah.¹⁶

Perkara ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang wujud dalam pentadbiran Tun Abdullah dan Tun Dr. Mahathir (1981-2003). Ini kerana, Tun Dr. Mahathir mempunyai sifat yang tegas dalam pentadbiran negara dengan memberi kawalan dan tekanan. Beliau juga sangat sensitif dengan kritikan yang diterima dan tidak mengendahkan terhadap pandangan orang lain.¹⁷ Berbeza dengan Tun Abdullah yang membawa pendekatan yang bersifat terbuka sehingga menjaskan kepada kestabilan negara.¹⁸ Hal ini telah menyebabkan timbulnya beberapa isu yang berlaku kerana keterbukaan Tun Abdullah yang terlalu memberi ruang kepada golongan bukan Islam.¹⁹

Isu-isu yang berlaku ini telah menggambarkan bahawa golongan bukan Islam ingin menegakkan hak mereka sebagai rakyat dan warganegara Malaysia. Ini kerana, isu bukan Islam yang wujud semasa pentadbiran Tun Abdullah merupakan isu lama yang telah wujud sebelum pelaksanaan Islam Hadhari lagi. Isu-isu tersebut akan dibincangkan dalam bahagian yang seterusnya ini.

4.3.1 Isu Rumah Ibadat Bukan Islam

Masyarakat di Malaysia mempunyai tiga etnik yang utama iaitu Melayu, Cina dan India. Setiap etnik ini mempunyai perbezaan dari segi agama dan bahasa yang diamalkan dalam kehidupan seharian. Mereka semua mendapat hak yang sama sepertimana yang terkandung

¹⁶ Mohd Yusof Haji Othman (Profesor Dato' Dr. Pengarah Institut Islam Hadhari), dalam temubual dengan penulis, 2 April 2018, Institut Islam Hadhari. dalam temubual dengan penulis, 2 April 2018.

¹⁷ Muhamad Takiyuddin, "Konservatisme Dalam Politik Umno," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 38, no. 1 (2011): 67.

¹⁸ Ibid., 71.

¹⁹ Sivamurugan Pandian, *Abdullah Ahmad Badawi: Tiga Tahun Di Putrajaya*, x.

dalam Perlembagaan Persekutuan.²⁰ Meskipun dalam Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan jelas menyatakan bahawa Islam merupakan agama Persekutuan, namun perkara ini tidak menjadi penghalang kepada golongan bukan Islam untuk mengamalkan ajaran mereka. Ini telah dijelaskan sepetimana dalam Perkara 11 (3) Perlembagaan Persekutuan yang menerangkan bahawa kebebasan akan diberikan kepada semua rakyat Malaysia dalam urusan keagamaan.²¹ Oleh itu, golongan bukan Islam tidak perlu berasa bimbang kerana mereka boleh menganuti dan mengamalkan agama masing-masing.²²

Semasa Tun Abdullah menjadi Perdana Menteri, beliau telah meluluskan projek untuk memberi peruntukan dana kepada bukan Islam. Projek ini telah memberikan dana sebanyak RM1 juta kepada tokong dan gereja, manakala RM1 juta lagi diberikan kepada agama Hindu. Peruntukan dana diberikan supaya mereka dapat melaksanakan aktiviti keagamaan.²³ Peruntukan ini telah diberikan pada setiap tahun oleh pihak kerajaan kepada rumah-rumah ibadat bukan Islam. Selain itu, kerajaan negeri juga turut memberikan dana kepada mereka untuk membuat penyelenggaraan kepada rumah ibadat, aktiviti keagamaan dan sebagainya.²⁴ Meskipun pelbagai peruntukan dana telah diberikan kepada golongan bukan Islam di Malaysia tetapi isu bukan Islam masih lagi wujud semasa pelaksanaan Islam Hadhari.

²⁰ Ratna Roshida Abd Razak, "Islam Hadhari: Apa Dan Kenapa," 67.

²¹ Tiap-tiap berhak menguruskan hal ehwal agama, menubuhkan dan menyenggara institusi dan mentadbir kumpulan agama mengikut undang-undang. Untuk keterangan lanjut sila lihat, Lembaga Penyelidikan Undang-Undang Malaysia, Perlembagaan Persekutuan, Petaling Jaya, Selangor: International Law Book Services, 2009, 27. Dalam Bahagian 2, Perkara 11 mengatakan mengenai kebebasan beragama.

²² Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, "Persetujuan Islam Agama Persekutuan," *laman sesawang BH Online*(dicapai 22 Februari 2018), <https://www.bharian.com.my/node/289235>.

²³ Bernama, "Rm436.36 Juta Bina Rumah Ibadat," *laman sesawang Utusan Online*(dicapai 22 Januari 2018), http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0704&pub=Utusan_Malaysia&sec=Parlimen&pg=pa09.htm.

²⁴ Hansard, *Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat* vol. 62(7 November 2007), 11.

Isu rumah ibadat bukan Islam dapat dikesan apabila demonstrasi yang berlaku di depan Menara Berkembar Petronas pada 25 November 2007 oleh kumpulan *Hindu Rights Action Force* (HINDRAF). Kehadiran mereka adalah untuk membantah terhadap pemusnahan kuil Hindu oleh pihak berkuasa kerajaan.²⁵ Pada masa ini, HINDRAF telah menyenaraikan sebanyak 79 kuil telah dirobohkan dan ada yang diberi peringatan untuk dihancurkan. Bermula Februari 2006 sehingga Jun 2007, didapati terdapat 15 kuil Hindu yang telah dirobohkan di Lembah Klang.²⁶ Perobohan kuil ini mempunyai sebab yang munasabah dan antaranya adalah kerana bercanggah dengan undang-undang negara sehingga mengganggu keselamatan dan ketenteraman awam.²⁷

Seterusnya, isu rumah ibadat dapat dilihat apabila golongan bukan Islam merasakan bahawa terdapat unsur diskriminasi dalam penubuhan rumah ibadat bukan Islam. Ini terjadi apabila mereka mendapat kesukaran dalam pembinaan gereja dan kuil. Kebanyakan pembinaan gereja hanyalah menggunakan bangunan kedai, sedangkan pembinaan masjid sangat mudah untuk dibina di Malaysia.²⁸ Namun, statistik telah menunjukkan bahawa rumah ibadat bukan Islam di sekitar Lembah Klang mempunyai jumlah yang lebih banyak berbanding dengan jumlah rumah ibadat Islam.

Contohnya adalah seperti di Selangor, sehingga tahun 2009 populasi penduduknya adalah seramai 4.8 juta orang. Orang Melayu adalah seramai 2.5 juta (52.08%) mempunyai 259 masjid dan 939 surau, jumlah keseluruhan rumah ibadat Islam adalah 1198 buah. Orang Cina sebanyak 1.3 juta (27.08%) mempunyai 1,105 tokong, orang India adalah sebanyak

²⁵ Bridget Welsh dan James U.H. Chin, *Awakening the Abdullah Badawi Years in Malaysia: Bangkit Tempoh Pentadbiran Abdullah Badawi Di Malaysia*, xxxvii.

²⁶ Mohamad Zaidi Bin Abdul Rahman, "Constitutional Religious Right," 175.

²⁷ Hansard, *Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat* 62, 67.

²⁸ Bridget Welsh dan James U.H. Chin, *Awakening the Abdullah Badawi Years in Malaysia: Bangkit Tempoh Pentadbiran Abdullah Badawi Di Malaysia*, xxxvii.

647,000 (13.48%) mempunyai 810 kuil yang berdaftar dan jumlah keseluruhan rumah ibadah bukan Islam adalah 1915 buah (bilangan ini tidak termasuk tokong dan kuil yang tidak didaftarkan).²⁹ Jumlah orang India dilihat tidak sampai satu juta, tetapi mereka mempunyai rumah ibadat yang banyak. Statistik ini telah menunjukkan bahawa jumlah rumah ibadat Islam adalah lebih sedikit berbanding dengan jumlah rumah ibadat bukan Islam meskipun populasi orang Melayu adalah lebih banyak di Selangor.

Perkara ini bukan sahaja berlaku di Selangor, tetapi ia juga terjadi di Kuala Lumpur. Populasi penduduk di Kuala Lumpur pada tahun 2009 adalah sebanyak 1.67 juta. Orang Melayu adalah seramai 774,880 (46.4%) mempunyai 59 masjid dan 218 surau, jumlah keseluruhan rumah ibadat Islam adalah 277 buah. Manakala, rumah ibadat bukan Islam iaitu bagi agama Kristian mempunyai 64 gereja, Hindu mempunyai 192 kuil dan Buddha mempunyai 819 tokong. Jumlah keseluruhan rumah ibadat bukan Islam adalah sebanyak 1075 buah. Statistik ini menunjukkan bahawa jumlah rumah ibadat bukan Islam jauh lebih banyak berbanding dengan jumlah rumah ibadat Islam.³⁰ Perkara ini bersesuaian dengan penerangan Mohd. Yusuf yang telah ditemubual dan beliau mengatakan bahawa “Di negara lain, untuk membuat rumah ibadah seperti kuil tidak boleh dilaksanakan tanpa persetujuan tetapi di Malaysia terdapat banyak kuil yang dibina”.³¹

²⁹ Sumber arkib pada 6 September 2009. Untuk keterangan lanjut sila lihat, Mohd Ridhuan Tee, "Isu Timbul Kerana Kejahilan Beragama," *laman sesawang Utusan Online*(dicapai 22 Januari 2018), http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0906&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_10.htm.

³⁰ Proses yang diberikan untuk pembinaan rumah ibadat Islam adalah agak sukar kerana sesebuah pembinaan mesti menepati piawaian yang telah ditetapkan. Kajian ini dilaksanakan oleh YADIM bermula tahun 2007 adalah berkaitan dengan struktur rumah ibadat bukan Islam. Dalam pembinaan kuil, terdapat sebahagian kuil yang dibina secara haram tanpa mendapatkan kebenaran daripada pihak kerajaan. Untuk keterangan lanjut sila lihat, Nakhaie Ahmad, "Isu Rumah Ibadat," *laman sesawang Nakhaie Ahmad Menulis*(dicapai 22 Januari 2018), <https://nakhaie.wordpress.com/2009/09/07/isu-rumah-ibadat/>.

³¹ Mohd Yusof Haji Othman (Profesor Dato' Dr. Pengarah Institut Islam Hadhari). dalam temubual dengan penulis, 2 April 2018.

Kewujudan rumah ibadat bukan Islam yang sangat mudah untuk dibina telah menimbulkan kekeliruan kepada penganut agama Islam. Ini kerana, pembinaan rumah ibadat Islam seperti masjid dan surau perlu dibina mengikut kepada kesesuaian tempat dan mendapat kebenaran daripada pihak kerajaan dan Jabatan Agama Negeri. Justeru, isu rumah ibadat adalah lumrah dalam masyarakat majmuk kerana ia merupakan suatu tuntutan yang diperlukan dalam agama masing-masing.

4.3.2 Isu Penggunaan Kalimah Allah oleh Bukan Islam

Isu penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam di Malaysia bukanlah suatu isu yang baru. Hal ini kerana, isu kalimah Allah pernah menjadi isu besar yang berlaku pada awal tahun 80-an. Isu ini berlaku pada 5 Disember 1986 dan Kabinet Malaysia telah membuat keputusan bahawa orang bukan Islam dilarang menggunakan kalimah Allah, Kaabah, Baitullah dan Solat.³² Setelah itu, pada 3 Januari 2008 Jemaah Menteri telah bermesyuarat dan sekali lagi memutuskan bahawa larangan tersebut kekal sebagaimana yang pernah diputuskan pada 18 Oktober dan 1 November 2006.³³

Keputusan yang dibuat oleh Kabinet Malaysia dan Jemaah Menteri telah jelas menyatakan bahawa orang bukan Islam tidak boleh menyebut kalimah Allah. Apabila Tun Abdullah dilihat terlalu terbuka semasa pentadbirannya dan perkara ini telah menyebabkan orang bukan Islam mempunyai ruang untuk menyatakan pendapat mereka. Maka, isu yang sekian lama telah kembali ditimbulkan oleh orang bukan Islam untuk mencabar orang Islam.

³² Wan Haslan Khairuddin and Indriaty Ismail, "Kalimah Allah Menurut Perbahasan Linguistik Dan Teologi," in *Seminar Antarabangsa Dakwah dan Etnik 2014*, ed. Anuar Puteh and Ahmad Irdha Mokhtar(Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, UKM, Bangi2014), 11.

³³ Mohd Aizam bin Mas'od, "Hujah Menolak Penggunaan Kalimah 'Allah' Oleh Kristian," *Jurnal Penyelidikan Islam*: 121.

Perkara ini terjadi apabila Gereja Katolik telah memohon di Mahkamah Tinggi pada 19 Mac 2008 untuk melakukan semakan kehakiman ke atas larangan penggunaan kalimah Allah. Oleh itu, Mahkamah Tinggi (Bahagian Rayuan dan Kuasa-Kuasa Khas) telah membuat keputusan pada 5 Mei 2008. Keputusan ini telah membenarkan permohonan Gereja Katolik membuat semakan kehakiman ke atas larangan penggunaan kalimah Allah untuk penerbitan majalah mingguan mereka iaitu *Herald The Catholic Weekly*.³⁴

Selepas itu, pada 16 Februari 2009 isu penggunaan kalimah Allah telah ditimbulkan semula apabila Ketua Gereja Roman Katolik iaitu Paderi Murphy Pakiam telah memfaikkan permohonan semakan semula kehakiman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Tujuannya adalah untuk mendapatkan pengesahan bahawa Kementerian Dalam Negeri telah melarang menggunakan kalimah Allah dalam majalah mingguan tersebut. Oleh itu, pada 31 Disember 2009 Mahkamah Tinggi telah meluluskan permohonan semakan semula kehakiman oleh Gereja Roman Katolik. Kementerian Dalam Negeri telah mengisytiharkan bahawa penggunaan kalimah Allah adalah dilarang dalam majalah mingguan yang diterbitkan dalam Bahasa Melayu bagi penganut Kristian di Sabah dan Sarawak.³⁵

Isu penggunaan kalimah Allah turut dibincangkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan. Maka, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-82 telah bersidang pada 5-7 Mei 2008. Muzakarah ini telah memutuskan bahawa lafaz Allah merupakan kalimah suci yang khusus bagi agama dan umat Islam dan ia tidak boleh digunakan dan disamakan dengan agama-agama bukan Islam yang lain. Oleh itu,

³⁴ Ibid., 107.

³⁵ Bernama, "Kronologi Kes Gereja Guna Kalimah Allah," *laman sesawang Sinar Online*(dicapai 5 Julai 2018), <http://www.sinarharian.com.my/semasa/kronologi-kes-gereja-guna-kalimah-allah-1.352432>.

umat Islam mesti memeliharanya dengan baik dan apabila terdapat unsur penghinaan ia perlu dihentikan dengan segera berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan.³⁶

4.3.3 Isu Perebutan Mayat Bukan Islam

Isu perebutan mayat antara isu yang berlaku kepada bukan Islam semasa pelaksanaan Islam Hadhari. Oleh itu, terdapat dua kes yang dikesan dalam isu perebutan mayat bukan Islam iaitu kes Maniam Moorthy dan A. Rayappan. Kes ini telah berlaku di Selangor dan Kuala Lumpur yang melibatkan perbicaraan di Mahkamah Tinggi kerana pihak keluarga yang menuntut mayat adalah bukan beragama Islam. Meskipun kes ini dilihat hampir sama, tetapi keputusan yang dikeluarkan oleh pihak mahkamah adalah dua keputusan yang berbeza.

Isu pertama yang melibatkan perebutan mayat bukan Islam semasa pelaksanaan Islam Hadhari ialah kes Maniam Moorthy pada tahun 2005. Isu ini berlaku apabila beliau membuat pertukaran agama daripada Hindu kepada Islam. Beliau merupakan seorang koperal dalam Tentera Malaysia dan merupakan salah seorang daripada pendaki pertama yang mendaki Gunung Everest. Apabila beliau meninggal dunia pada 20 Disember 2005, pihak JAWI mendakwa Moorthy telah menukar agamanya kepada Islam dengan menggunakan nama Mohammad Bin Abdullah.³⁷

Perebutan mayat Moorthy telah berlaku antara keluarganya dan pihak JAWI untuk proses pengebumian sama ada mengikut agama Hindu atau Islam. Bagi menyelesaikan masalah ini, maka pihak JAWI dan keluarga Moorthy telah membawa kes ini ke Mahkamah Tinggi. Pada masa ini, JAWI telah mengemukakan dokumen yang lengkap sebagai bukti

³⁶ Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), *Wajib Pelihara Kesucian Nama Allah*(Selangor: Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), 2013), 24.

³⁷ Bridget Welsh dan James U.H. Chin, *Awakening the Abdullah Badawi Years in Malaysia: Bangkit Tempoh Pentadbiran Abdullah Badawi Di Malaysia*, xxxvii.

tentang pengislaman Moorthy.³⁸ Akhirnya, perebutan mayat Moorthy telah memihak kepada pihak JAWI setelah dibicarakan dalam Mahkamah Syariah kerana mempunyai bukti yang lengkap tentang pengislamannya.³⁹

Isu perebutan mayat telah menjadi lebih hangat apabila kes kedua dikesan semasa pelaksanaan Islam Hadhari iaitu kes A. Rayappan pada tahun 2006. Isu ini bermula apabila beliau yang pada asalnya adalah beragama Kristian dan setelah meninggal dunia beliau didapati seorang yang beragama Islam. Pada masa ini, pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah membuat tuntutan mayat ke atas Rayappan kerana mendakwa Rayappan telah menukar agamanya kepada Islam. Maka, kes ini telah dibicarakan dan dibawa ke Mahkamah Tinggi untuk perbicaraan yang selanjutnya. Namun semasa perbicaraan dijalankan, pihak MAIS telah membuat permohonan untuk menarik balik tuntutan mayat Rayappan. Alasannya adalah kerana tiada keterangan baru yang menyokong bahawa Rayappan masih beragama Islam. Akhirnya, permohonan ini telah mendapat kebenaran Mahkamah Tinggi setelah MAIS memfailkan notis penarikan tuntutan atas sebab yang diberikan.⁴⁰

Penarikan semula kes Rayappan oleh pihak MAIS ada kaitan dengan campur tangan pihak eksekutif terhadap badan perundangan. Ini dibuktikan oleh Salahudin bin Ayub ketika membahaskan isu ini di Persidangan Dewan Rakyat pada 12 Disember 2006. Beliau telah mengatakan bahawa terdapat arahan yang berlaku daripada Kabinet atau Perdana Menteri

³⁸ Umavathi Ramayah and Md. Zin Saari, "Kecoh Tuntut Mayat Pendaki Everest," *laman sesawang Utusan Online*(dicapai 20 April 2018),
http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=1221&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_01.htm.

³⁹ Mohamed Azam Mohamed Adil, "Undang-Undang Atau Bidang Kuasa?," *ibid.*(dicapai 19 April 2018),
http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=1210&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_05.htm.

⁴⁰ Utusan Online, "Mahkamah Benar Mais Tarik Balik Tuntutan Mayat Rayappan," *ibid.*,
http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=1209&pub=Utusan_Malaysia&sec=Mahkamah&pg=ma_01.htm.

yang mengarahkan Peguam Negara untuk campur tangan dalam penentuan status agama Rayappan. Sedangkan proses perbicaraan sedang dilaksanakan di Mahkamah Tinggi Sivil dan Mahkamah Rayuan Syariah.⁴¹

Atas sebab campur tangan pihak eksekutif, maka isu ini telah diserahkan kepada Peguam Negara. Oleh itu, persetujuan telah dibuat antara pihak MAIS, Peguam Negara, Mufti Selangor dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) berkenaan tuntutan mayat Rayappan. Akhirnya, mayat beliau telah dikebumikan mengikut upacara agama Kristian.⁴²

4.3.4 Isu Penjagaan Anak Bukan Islam

Selain isu perebutan mayat, isu penjagaan anak juga berlaku kepada bukan Islam semasa pelaksanaan Islam Hadhari. Isu ini melibatkan kes Shamala pada tahun 2004 dan R Subashini pada tahun 2008. Kedua-dua kes ini merupakan kes yang lebih kurang sama terjadi di Malaysia kerana ia melibatkan tuntutan hak penjagaan dan penentuan status agama anak di bawah umur. Namun, kes Shamala dan Shubashini mempunyai keputusan yang berbeza dari pihak mahkamah meskipun kes ini dilihat hampir sama.

Kes Shamala yang merupakan pengikut agama Hindu bermula apabila suami Shamala iaitu Jeyaganesh yang asalnya beragama Hindu telah memeluk Islam pada 19 November 2002. Pada masa ini, anak-anak mereka yang tinggal bersama Jeyaganesh telah diislamkan selepas enam hari beliau memeluk agama Islam. Shamala telah membawa kes ini ke Mahkamah Sivil bagi menentukan hak penjagaan anak dan penentuan status agama anak

⁴¹ Hansard, *Penyata Rasmi Parliment Dewan Rakyat*, vol. 90(12 Disember 2006), 20.

⁴² Mohamed Azam Mohamed Adil, "Undang-Undang Atau Bidang Kuasa?".

yang berada di bawah umur kerana Mahkamah Sivil yang mempunyai kuasa untuk membicarakannya.⁴³

Mahkamah telah memutuskan bahawa hak penjagaan adalah diberikan kepada Shamala dan akses lawatan diberikan kepada Jeyaganesh. Namun, pada masa ini Shamala masih tidak berpuas hati kerana pihak mahkamah tidak menentukan agama anak-anak yang telah diislamkan oleh bapanya.⁴⁴ Oleh sebab itu, Shamala telah memberanikan diri kerana membawa keluar kedua-dua orang anaknya dari Malaysia pada 16 April 2004.⁴⁵ Ini kerana, beliau mahu menjaga anaknya dengan kepercayaan ajaran agama Hindu dan bukan agama Islam.

Kes Shamala telah menyebabkan ia turut dibahaskan dalam Persidangan Dewan Rakyat oleh Chow Kon Yeow pada 15 Julai 2004. Ini kerana, beliau berkata keengganan hakim Mahkamah Sivil untuk memutuskan mengenai perkara yang berkaitan dengan agama Islam telah menimbulkan masalah kepada orang yang bukan beragama Islam. Chow Kon Yeow turut mempersoalkan pindaan yang dibuat dalam Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1988 yang memberi kebebasan yang lebih kepada sistem perundangan Syariah. Isu ini juga telah mendapat jawapan daripada Perdana Menteri, tetapi beliau masih tidak berpuas hati dan berkata Perdana Menteri tidak menghayati keimbangan rakyat yang bukan bergama Islam.⁴⁶

Selain itu, isu yang melibatkan penjagaan anak bukan Islam adalah kes Subashini yang juga beragama Hindu. Kes ini bermula apabila suaminya Saravanan Thangathoray yang

⁴³ Khairani Husin and Mohd Al Adib Samuri, "Kerahsiaan Kemasukan Islam: Isu Undang-Undang Kes Pemelukan Islam Saudara Baru Di Malaysia," *Kanun* 26, no. 1 (2014): 6.

⁴⁴ Latifah Abdul Aziz, "Pemelukan Islam Salah Seorang Pasangan Perkahwinan Sivil Dan Implikasi Terhadap Hak Hadanah" (Tesis master, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012), 134.

⁴⁵ Ibid., 126.

⁴⁶ Hansard, *Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat*, vol. 25(15 Julai 2004), 33-34.

telah memeluk Islam pada bulan Mei 2006. Saravanan telah memeluk Islam bersama seorang anak sulung mereka iaitu Dharvin Jashua yang berumur empat tahun. Kemudiannya, Saravanan telah membawa kes ini ke Mahkamah Syariah untuk memohon hak penjagaan bagi anak kedua mereka iaitu Sharvind yang berusia dua tahun.⁴⁷

Subashini telah membawa kes ini ke Mahkamah Rayuan untuk menghalang Saravanan daripada mengislamkan anak kedua mereka. Mahkamah Rayuan telah menolak rayuan Subashini kerana menghalang dua orang anak lelakinya yang masih di bawah umur daripada diislamkan bapanya iaitu Saravanan. Setelah itu, pada 23 Mei 2006 Saravanan mendapat perintah dari Mahkamah Tinggi dan memutuskan bahawa beliau mendapat hak penjagaan anaknya.⁴⁸

4.3.5 Isu Pemindaan Perlembagaan oleh Menteri-Menteri Bukan Islam

Di bawah pentadbiran Tun Abdullah, beliau telah memberi perhatian kepada masalah-masalah yang berlaku kepada orang bukan Islam. Oleh sebab itu, wujud suatu cadangan bagi menubuhkan sebuah jabatan khas bagi orang bukan Islam. Namun, cadangan ini terlalu besar untuk dilaksanakan. Maka, Tun Abdullah telah memperkasakan jawatankuasa khas sedia ada yang terdapat dalam Jabatan Perdana Menteri supaya dapat menjaga hal-hal yang berkaitan dengan agama selain Islam.⁴⁹

⁴⁷ Soon Li Tsin, "Kes Subashini Dan Suaminya Dalam Bidangkuasa Mahkamah Sivil," *laman sesawang Malaysiakini*(dicapai 20 April 2018), <https://www.malaysiakini.com/news/76426>.

⁴⁸ Penganalisis Undang-Undang, "Bila Konflik Bidang Kuasa Akan Berakhir?," *laman sesawang Utusan Online*(dicapai 20 April 2018), <http://www.utusan.com.my/renanca/bila-konflik-bidang-8232-kuasa-akan-berakhir-1.39880>.

⁴⁹ Rozaman Ismail and Helmi Mohd. Foad, "Hal Bukan Islam Diberi Perhatian," *ibid.*(dicapai 16 April 2018), http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1219&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_02.htm.

Pemerkasaan jawatankuasa khas bukan Islam telah menyebabkan timbulnya beberapa isu bukan Islam. Antaranya adalah kes yang berlaku pada hujung tahun 2005, kes ini telah membabitkan bekas pendaki Everast iaitu Allahyarham Mohammad Abdullah atau nama asalnya Maniam Moorthy.⁵⁰ Selepas kematiannya, berlaku perebutan mayat antara keluarga Maniam Moorthy dan pihak JAWI. Oleh itu, kes ini telah dibicarakan di Mahkamah Syariah kerana Maniam Moorthy didapati telah memeluk Islam secara rahsia. Kes Maniam Moorthy berakhir apabila pihak JAWI telah memenangi kes ini kerana mempunyai bukti yang kukuh tentang pengislamannya dan proses pengebumian telah dibuat mengikut agama Islam.⁵¹

Meskipun proses pengebumian Maniam Moorthy telah selesai, namun kes ini masih lagi mendapat tentangan daripada orang bukan Islam. Perkara ini telah menyebabkan jawatankuasa khas bukan Islam mula menimbulkan isu berkaitan dengan Perlembagaan Persekutuan pada awal tahun 2006. Mereka meminta untuk membuat pemindaan terhadap kebebasan beragama dalam Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. Permintaan untuk meminda Perkara 11 telah mendapat sokongan majoriti dua pertiga di Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Pada waktu ini, sembilan orang menteri kabinet bukan Islam telah ingkar kepada Perdana Menteri kerana mereka telah mengemukakan memorandum berkaitan kedudukan bukan Islam yang mereka dakwa tidak diberikan secara adil.⁵²

Sembilan orang menteri bukan Islam yang terlibat menghantar memorandum tersebut adalah Datuk Seri S. Samy Vellu (Menteri Kerja Raya), Datuk Seri Ong Ka Ting (Menteri

⁵⁰ Abdul Aziz Bari, *Perlembagaan Malaysia - Teori Dan Praktis*(Selangor: Arah Pendidikan Sdn Bhd, 2008), 343.

⁵¹ Mohamed Azam Mohamed Adil, "Undang-Undang Atau Bidang Kuasa?," *laman sesawang Utusan Online*.(dicapai 19 April 2018), http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=1210&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re05.htm.

⁵² Abdul Aziz Bari, *Perlembagaan Malaysia - Teori Dan Praktis*(Selangor: Arah Pendidikan Sdn Bhd, 2008), 343.

Perumahan dan Kerajaan Tempatan), Datuk Seri Lim Keng Yek (Menteri Tenaga , Air dan Komunikasi), Datuk Seri Chan Kong Choy (Menteri Pengangkutan), Datuk Seri Dr Fong Chan Onn (Menteri Sumber Manusia), Datuk Dr Chua Soi Lek (Menteri Kesihatan), Datuk Dr Maximus Ongkili (Menteri Jabatan Perdana Menteri), Datuk Peter Chin Fah Kui (Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi) dan Tan Sri Bernard Dompok (Menteri Jabatan Perdana Menteri).⁵³

Memorandum ini telah diserahkan kepada Tun Abdullah sebagai Perdana Menteri pada waktu itu. Memorandum yang dihantar oleh menteri-menteri bukan Islam telah menyebabkan Tun Abdullah menegaskan bahawa Perkara 121 (1A) dalam Perlembagaan Persekutuan tidak akan dipinda. Ini kerana, Perkara 121 (1A) telah jelas menyatakan bahawa mahkamah tidak mempunyai kuasa dalam bidang Mahkamah Syariah.⁵⁴ Oleh sebab itu, kes Maniam Moorthy telah dibicarakan dalam Mahkamah Syariah dan bukan Mahkamah Sivil kerana beliau adalah seorang yang beragama Islam. Akhirnya, isu penyerahan memorandum kepada Tun Abdullah oleh menteri-menteri bukan Islam mendapat penyelesaian selepas berlaku pertemuan antara kedua-dua pihak. Menteri-menteri bukan Islam yang terlibat dengan penyerahan memorandum telah menarik balik memorandum tersebut dan meminta agar undang-undang yang berkaitan dengan pertukaran agama untuk disemak semula.⁵⁵

⁵³ Malaysiakini, "Ngo Islam Beri Amaran Kepada 9 Menteri Bukan Islam," *laman sesawang Malaysiakini*(dicapai 19 April 2018), <https://www.malaysiakini.com/news/46321>.

⁵⁴ Zulkiflee Bakar dan Hata Wahari, "121 (1a) Kekal - Pm - Perbuatan 9 Menteri Bukan Islam Serah Memorandum Luar Biasa," *laman sesawang Utusan Online*(dicapai 23 Januari 2018), http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0121&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_01.htm.

⁵⁵ Noraini Abdul Razak dan Raja Luvena Sharifudin, "9 Menteri Tarik Balik Memo - Ekoran Pertemuan Hati Ke Hati Dengan Abdullah Di Putrajaya ", *ibid.*, http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0122&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_01.htm.

Justeru, isu pemindaan perlembagaan boleh berlaku kerana menteri bukan Islam yang mengawal golongan bukan Islam di Malaysia. Apabila golongan bukan Islam diletakkan di bawah jawatankuasa khas menteri-menteri bukan Islam, maka mereka bertanggungjawab untuk memantau dan memberikan maklumat kepada kerajaan tentang hal ehwal agama bukan Islam. Oleh sebab itu, terdapat menteri bukan Islam yang menunjukkan rasa tidak puas hati apabila mereka melihat agama Islam mula menguasai agama bukan Islam.

4.4 Kesimpulan

Sebagai penutup, Tun Abdullah dilihat mempunyai sikap yang lebih terbuka dalam pentadbirannya. Keterbukaan yang dihasilkan ini telah menyebabkan wujudnya beberapa masalah bukan Islam. Ini kerana, Tun Abdullah tidak menyekat sesuatu isu dengan menggunakan penguatkuasaan undang-undang. Oleh sebab itu, orang bukan Islam telah berani menyuarakan pendapat mereka sekiranya hak mereka tidak terbela.

Apa yang dilaksanakan oleh Tun Abdullah dalam pentadbirannya adalah berbeza dengan Tun Dr. Mahathir (1981-2003). Ini kerana, Tun Dr. Mahathir mempunyai sifat yang agak tegas dalam pentadbiran berbanding dengan Tun Abdullah yang dilihat sebagai seorang yang sangat baik dan bertoleransi dalam pentadbiran. Oleh itu, terdapat isu bukan Islam yang berlaku pada zaman Tun Abdullah. Antaranya adalah isu rumah ibadat bukan Islam, isu penggunaan kalimah Allah oleh bukan Islam, isu perebutan mayat, isu penjagaan anak bukan Islam dan isu pemindaan perlembagaan oleh menteri-menteri bukan Islam. Isu-isu ini adalah isu yang lama yang telah wujud sebelum pelaksanaan Islam Hadhari lagi.

BAB 5: PENUTUP

5.1 Pengenalan

Secara keseluruhannya, bab ini adalah bab penutup dalam kajian. Perkara yang akan dijelaskan adalah berkaitan dengan dapatan kajian dan cadangan kajian. Penerangan ini diberikan melalui perbincangan dan analisis yang dilaksanakan dalam bab dua, tiga dan empat. Dapatan kajian akan dibuat berdasarkan kepada persoalan dan objektif yang telah dinyatakan dalam bab pertama.

5.2 Dapatan Kajian

Berdasarkan kepada perbincangan sebelum ini, maka bahagian ini akan menjelaskan tentang dapatan kajian yang telah dikesan. Antaranya adalah seperti berikut:

Pertama, dapatan dalam kajian ini ialah Islam mempunyai kedudukan yang tersendiri dalam kerangka pentadbiran negara. Kedudukan ini menjadi asas kepada kewujudan perlembagaan yang mengiktiraf Islam sebagai agama Persekutuan sepertimana yang terdapat dalam Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan. Hal ini menyebabkan pentadbiran setiap Perdana Menteri mempunyai pandangan yang pelbagai untuk mereka menjalankan fungsi Islam yang terdapat dalam perlembagaan untuk dilaksanakan dalam pentadbiran.

Setiap pentadbiran Perdana Menteri di Malaysia mempunyai keunikan yang tersendiri dalam melaksanakan undang-undang. Ini dapat dilihat apabila Perdana Menteri pertama sehingga ketiga hanya meletakkan Islam dalam suatu bentuk yang diperlukan oleh umat Islam seperti pembinaan masjid, sekolah agama, institusi Islam dan lain-lain. Kecenderungan mereka terhadap Islam telah ada tetapi ia tidak lagi dijadikan sebagai dasar

dalam negara. Ini kerana, mereka menjadikan Islam sebagai syiar dalam agama Islam dan ia juga adalah untuk memenuhi kehendak dalam Perlembagaan Persekutuan.

Bermula pada pentadbiran Perdana Menteri keempat iaitu Tun Dr. Mahathir (1981-2003), beliau telah memberi penekanan kepada Islam dengan menjadikan Islam sebagai dasar dan polisi negara. Hal ini telah menjadikan Islamisasi berlaku di Malaysia dan ia dapat dilihat melalui pelaksanaan kempen Bersih, Cekap dan Amanah, Kepimpinan melalui Teladan dan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam. Oleh itu, Islam telah berada dalam kedudukan yang tinggi iaitu sebagai badan eksekutif kerana Islam telah dijadikan sebagai dasar semenjak zaman Tun Dr. Mahathir.

Islamisasi yang berlaku dalam pentadbiran Tun Dr. Mahathir telah menyebabkan Tun Abdullah meneruskan corak pemerintahan yang dibawa sebelum ini. Hal ini kerana, Tun Abdullah mempunyai latar belakang pendidikan agama semenjak kecil. Perkara ini yang menguatkan beliau untuk membawa suatu pendekatan yang bercorakkan Islam dalam pentadbirannya. Perkembangan Islam yang diteruskan oleh Tun Abdullah telah dibawa dalam bentuk yang berbeza kerana Tun Abdullah telah membuat penjenamaan semula dengan meletakkan Islam dalam pendekatan Islam Hadhari.

Penjenamaan Islam Hadhari adalah untuk meletakkan Islam dalam suatu bentuk kefahaman yang berbeza dengan apa yang negara Barat fahami sebelum ini. Hal ini kerana, peristiwa 11 September 2001 telah menyebabkan wujudnya Islamophobia dan pada waktu itu Islam telah dianggap sebagai penganas. Oleh itu, penerangan berkaitan Islam Hadhari telah dilakukan oleh Tun Abdullah ke luar negara supaya dapat menjelaskan tentang Islam yang sebenar. Ini kerana, pelaksanaan Islam Hadhari mempunyai nilai-nilai mulia untuk

dilaksanakan dalam kehidupan dan ia adalah berbeza dengan Islam yang telah diperkatakan sebagai Islamophobia.

Pendekatan Islam Hadhari adalah bertujuan untuk membina sebuah tamadun yang berasaskan Islam melalui penguasaan ilmu, pembangunan insan dan pembangunan fizikal. Semua ini adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam contoh yang mengikut kepada acuan hidup sendiri. Oleh itu, pendekatan ini telah memuatkan 10 prinsip utama semasa pelaksanaannya. Prinsip-prinsip ini diperkenalkan supaya tidak menimbulkan kerisauan kepada mana-mana kumpulan dalam negara kerana ia telah melibatkan semua kaum yang berada di Malaysia.

Kedua, dapatan dalam kajian ini adalah berkaitan dengan prinsip ketujuh Islam Hadhari iaitu pembelaan hak kepada kumpulan minoriti. Minoriti yang dibincangkan dalam Islam Hadhari merangkumi makna yang luas. Perkara ini dapat dilihat melalui dua aspek iaitu dari sudut sosiologi dan dari sudut pandangan penulis yang menulis tentang Islam Hadhari. Dalam konteks sosiologi, makna minoriti bukan sahaja dalam bentuk kuantiti kerana ia juga boleh membawa makna kumpulan yang dianiaya dan dipinggirkan oleh kumpulan majoriti. Para penulis Islam Hadhari pula menyatakan bahawa minoriti mempunyai makna yang lebih abstrak. Ini kerana, penjelasannya adalah berkaitan dengan aspek kuantiti yang berlaku dalam kehidupan masyarakat.

Perkara yang ditumpukan oleh Tun Abdullah dalam prinsip ketujuh Islam Hadhari adalah berkaitan dengan bukan Islam. Ini kerana, Tun Abdullah tidak hanya melihat minoriti dari kerangka sosiologi dengan mengklasifikasikan minoriti sebagai kumpulan yang sering dipinggirkan dan mempunyai bilangan yang kecil. Bahkan, beliau melihat minoriti adalah kumpulan bukan Islam yang perlu diberi perhatian dalam pendekatan Islam Hadhari.

Penjelasan minoriti dalam prinsip ketujuh Islam Hadhari dapat dikesan melalui tiga ayat al-Quran yang relevan dengan prinsip ini. Ayat tersebut ialah ayat al-Quran dalam surah al-Hujurat ayat 13, surah al-Mumtahanah ayat 8 dan surah al-Nisa' ayat 135. Tiga ayat al-Quran ini diambil melalui lima ucapan Tun Abdullah apabila beliau menjelaskan berkaitan dengan pengurusan minoriti. Ayat al-Quran ini dipilih kerana terdapat perkataan yang menjelaskan tentang kepelbagaian kategori yang berlaku dalam masyarakat.

Bukan Islam adalah kategori yang wujud dalam konteks Malaysia yang merujuk kepada etnik Cina dan India. Selain itu, bukan Islam juga adalah mereka yang beragama Buddha, Konfusianisme dan Tao, Hindu, Kristian, suku/folk dan agama tradisi lain orang Cina. Semua jenis etnik dan agama bukan Islam adalah minoriti kerana statistik menunjukkan jumlah mereka adalah sebanyak 39.6% dan Islam adalah penduduk dominan kerana statistik mereka lebih banyak iaitu sebanyak 60.4%. Merujuk kepada statistik ini dapat disimpulkan bahawa Islam adalah golongan yang ramai begitu juga dengan etnik Melayu. Bukan Islam pula adalah golongan yang sedikit mengikut kepada jumlah etnik Cina dan India.

